




LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR (AKNC)

**Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur
Kampus Shah Alam**

2014





LAPORAN
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR
Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur
Kampus Shah Alam

2014



LAPORAN
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR 2014
1 JANUARI 2013 – 31 DISEMBER 2013
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN & UKUR

KETUA UNIT PENGURUSAN KUALITI

Dekan: Prof. Madya Dr Masran Saruwono (Dekan FSPU)

Ahli-ahli Utama (Penyedia Laporan)

1. Prof Madya Dr. Rohana Mahbub
2. Dr Zarita Ahmad@Baharum
3. Dr Noriah Othman
4. Cik Nurhidayah Idris
5. Cik Norfashiha Hashim
6. Prof. Dr Ismail Rahmat
7. Siti Nur Farhana Ab Latif
8. Dr HjH Puziah Ahmad
9. Dr Zaharah Mohd Yusoff
10. Mazzueen Md Khalid
11. Wan Hishamuddin Wan Rodi
12. Tun Mohd Irfan Mohd Suria Affandi
13. Dr Faridah Muhd Halil
14. Dr Alamah Misni
15. Nur Medeena Mahamood
16. Azizan Supardi
17. Nor Azlinda Mohamed Sabli
18. Siti Suhana Judi
19. Ani Saifuza Abdul Shukor
20. Hafidzah Abdul Aziz
21. Norasmiza Kamarulzaman
22. Mohd Zaki Ahmad Zabidi
23. Mohamad Zulhairi Ibrahim
24. Nor Lilah Md Yusof
25. Nor Azilah Idris

ISI KANDUNGAN

Bab	Isi Kandungan	Mukasurat
P1	PROFIL ORGANISASI	P-1
	P.1 HURAIAN ORGANISASI	
	a) Persekitaran Organisasi	
	b) Pertalian Hubungan Organisasi	
	P.2 TAHAP KEDUDUKAN ORGANISASI	
	a) Persekitaran Persaingan	
	b) Konteks Strategik	
	c) Sistem Penambahbaikan Prestasi	
1	KEPIMPINAN	1
	1.1 KEPIMPINAN KANAN	
	a) Visi, Nilai-nilai dan Misi	
	b) Komunikasi dan Prestasi Organisasi	
	1.2 GOVERNAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL	
	a) Governan Organisasi	
	b) Perilakulaku Beretika dan Mematuhi Perundangan	
	c) Tanggungjawab Kemasyarakatan dan Sokongan Terhadap Komuniti Utama	
2	PERANCANGAN STRATEGIK	6
	2.1 PEMBANGUNAN STRATEGI	
	a) Proses Pembangunan Strategik	
	b) Objektif-objektif Strategik	
	2.2 PERLAKSANAAN STRATEGI	
	a) Pembangunan dan Pengaturagihan/Pelaksanaan Pelan Tindakan	
	b) Pelunjuran Prestasi	
3	TUMPUAN PELANGGAN	15
	3.1 MAKLUMBALAS PELANGGAN	
	a) Maklumbalas Daripada Pelajar dan Pihak Berkepentingan	

	b)	Penentuan Kepuasan Hati Pelajar dan Pihak Berkepentingan	
	3.2	PENGLIBATAN PELANGGAN	
	a)	Program Pendidikan dan Perkhidmatan Serta Sokongan Pelanggan dan Pihak Berkepentingan	
	b)	Membina Jalinan Hubungan dengan Pelajar dan Pihak Berkepentingan	
4		PENGUKURAN, ANALISA DAN PENGURUSAN ILMU	31
	4.1	PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENAMBAHBAIKAN PRESTASI	
	a)	Pengukuran Prestasi	
	b)	Analisa dan Semakan Prestasi	
	c)	Penambahbaikan Prestasi	
	4.2	PENGURUSAN MAKLUMAT DAN ILMU	
	a)	Data, Maklumat dan Pengurusan Ilmu	
5		FOKUS KEPADA TENAGA MANUSIA	43
	5.1	PERSEKITARAN TENAGA MANUSIA	
	a)	Keupayaan dan Kapasiti Tenaga Kerja	
	b)	Suasana Tenaga Kerja	
	5.2	PENGLIBATAN TENAGA MANUSIA	
	a)	Prestasi Tenaga Kerja	
	b)	Penilaian Penglibatan/ Komitmen Tenaga Kerja	
	c)	Pembangunan Tenaga Kerja dan Pemimpin	
6		FOKUS KEPADA OPERASI	56
	6.1	SISTEM KERJA	
	a)	Pengurusan Sistem Kerja	
	b)	Kebersediaan Menghadapi Kecemasan	
	6.2	PROSES-PROSES KERJA	
	a)	Pengurusan Proses Kerja	

7	HASIL PENCAPAIAN	66
7.1	HASIL PEMBELAJARAN PELAJAR DAN PROSES	
7.2	HASILAN BERASASKAN PELANGGAN	
7.3	HASIL FAKULTI & STAF	
7.4	HASIL KEPIMPINAN ORGANISASI	
7.5	HASIL BELANJAWAN, KEWANGAN DAN PASARAN	
a)	Hasilan Kewangan dan Pasaran	
8	INOVASI	77
8.1	PENGENALAN	
8.2	FAEDAH INOVASI	
8.3	TAHAP PENGGUNAAN INOVASI	
8.4	LANGKAH DAN PETUNJUK KEBERKESANAN DAN KECEKAPAN	
8.5	TREN INNOVASI	
	LAMPIRAN	

LAMPIRAN

PROFIL ORGANISASI

P1. HURAIAN ORGANISASI

a) Persekitaran Organisasi

Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur merupakan di antara fakulti alam bina yang tersohor dan tertua di Malaysia. Ia ditubuhkan pada tahun 1967 di Jalan Othman, Petaling Jaya, Selangor dan ketika itu dikenali sebagai Kajian Seni Gunaan. Terdapat hanya empat program diperkenalkan ketika itu dengan enrolmen pelajar pertama seramai 60 orang iaitu pusat pengajian Perancangan Bandar dan Wilayah, Senibina, Ukur Bahan dan Penilaian. Pada tahun 1971, pusat kajian ini telah dibahagi dua iaitu kepada Pusat Pengajian Senibina, Perancangan dan Ukur dan Pusat Pengajian Senilukis dan Senireka. Pada tahun 1997, pusat pengajian ini telah bertukar nama dengan rasminya kepada Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur. Pada masa ini, terdapat 11 pusat pengajian di FSPU yang menawarkan 31 program akademik termasuk Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan PhD, dengan seramai 10,148 pelajar berdaftar di bawah fakulti ini di kampus Shah Alam, Seri Iskandar, Arau dan Kota Samarahan. Di Shah Alam, jumlah tenaga pengajar adalah seramai 312 orang; 80 orang daripadanya adalah berkelulusan PhD, 194 orang berkeelayakan profesional, 9 orang profesor, 96 profesor madya dan 60 orang kakitangan pentadbiran.

1) Program Pendidikan dan Perkhidmatan

Program dan Perkhidmatan yang ditawarkan oleh FSPU adalah terbahagi kepada tiga iaitu program berteraskan akademik, perkhidmatan kepada pelajar dan perkhidmatan perundingan profesional kepada pihak berkepentingan dan industri.

Program Berteraskan Akademik

Tumpuan FSPU adalah untuk membina kecemerlangan akademik. Ini terbukti dengan pengiktirafan dan akreditasi antarabangsa yang diperolehi oleh program-program akademik FSPU seperti dari Chartered Institute of Building (CIOB) untuk program Bachelor of Science (Hons.) Construction Management dan Royal Institute of British Architects (RIBA) untuk Bachelor of Science (Hons.) Architecture dan Master of Architecture, di mana hanya dua universiti di Malaysia di iktiraf oleh badan-badan tersebut; dan The Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS) untuk sebanyak 5 program iaitu Bachelor of Quantity Surveying (Hons), Bachelor of Estate Management (Hons), Bachelor of Building Surveying (Hons), MSc Integrated Construction Project Management dan MSc Facilities Management. FSPU juga mendapat pengiktirafan dan akreditasi dari badan-badan dan lembaga profesional dalam negara seperti Lembaga Arkitek Malaysia, Lembaga Jurukur Bahan Malaysia dan lain-lain. FSPU Shah Alam merupakan sebuah organisasi pendidikan yang menyediakan Perkhidmatan Pendidikan Tinggi melalui 31 program akademik dari peringkat Diploma hingga Doktor Falsafah secara sepenuh masa dan menerusi pengajian luar kampus.

BIL	NAMA PROGRAM SEPENUH MASA	KAMPUS
1	Doktor Falsafah Alam Bina (Penyelidikan) (AP990)	Shah Alam
2	Sarjana Sains Pengkhususan Alam Bina (Penyelidikan)(AP780)	Shah Alam
3	Sarjana Sains Pengurusan Fasiliti (AP779)	Shah Alam
4	Sarjana Sains Pengurusan Warisan dan Pemuliharaan (AP777)	Shah Alam
5	Sarjana Sains Pengurusan Pembinaan Projek Bersepadu (AP776)	Shah Alam
6	Sarjana Sains Pelaburan Hartanah (AP775)	Shah Alam
7	Sarjana Sains Maklumat Geografi (AP772)	Shah Alam
8	Sarjana Pengurusan dan Pembangunan Bandar (AP771)	Shah Alam
9	Sarjana Senibina (AP773)	Shah Alam
10	Sarjana Muda Senibina (Kepujian) (AP223)	Shah Alam
11	Sarjana Muda Sains (Senibina) (Kepujian) (AP213)	Shah Alam, Perak
12	Sarjana Muda Senibina Dalaman (Kepujian) (A227)	Shah Alam
13	Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah (Kepujian) (AP221)	Shah Alam
14	Sarjana Muda Senibina Landskap (Kepujian) (AP228)	Shah Alam
15	Sarjana Muda Pengurusan Taman dan Ameniti (Kepujian) (AP230)	Shah Alam
16	Sarjana Muda Ukur Bahan (Kepujian) (AP224)	Shah Alam
17	Sarjana Muda Sains Ukur dan Geomatik (Kepujian) (AP220)	Shah Alam

BIL	NAMA PROGRAM SEPENUH MASA	KAMPUS
18	Sarjana Muda Pengurusan Hartanah (Kepujian) (AP225)	Shah Alam
19	Sarjana Muda Ukur Bangunan (Kepujian) (AP229)	Shah Alam
20	Sarjana Muda Pengurusan Pembinaan (Kepujian) (AP226)	Shah Alam
21	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Pembinaan (AP236)	Shah Alam
22	Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah	Perak,
23	Diploma Ukur Bahan	Perak,
		Sarawak
24	Diploma Pengurusan Hartanah	Perak
25	Diploma Bangunan	Perak,
		Sarawak
26	Diploma Senibina Dalam	Perak
27	Diploma Senibina Landskap	Perak
28	Diploma Ukur Bangunan	Perak
29	Diploma Sains Geomatik (Sumber Alam)	Perak, Perlis
30	Diploma Sains Geomatik (Sistem Maklumat Geografi)	Perak, Perlis
31	Diploma Sains Geomatik	Perak, Perlis

Tawaran Program Pengajian Luar Kampus

BIL	NAMA PROGRAM PENGAJIAN LUAR KAMPUS	KAMPUS
1	Sarjana Muda Ukur Bahan (Kepujian)	Shah Alam
2	Sarjana Muda Pengurusan Hartanah (Kepujian)	Shah Alam
3	Sarjana Muda Ukur Bangunan (Kepujian)	Shah Alam
4	Sarjana Muda Pengurusan Pembinaan (Kepujian)	Shah Alam
5	Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah (Kepujian)	Shah Alam

Mekanisme Penyampaian

Mekanisma penyampaian yang diamalkan bagi program akademik ialah kaedah Kuliah yang terdiri daripada:

MEKANISME PENYAMPAIAN	
- Tutorial - E-Learning - Latihan di Studio - Latihan di Makmal - Lawatan Akademik	- Kerja Lapangan - Khemah Ukur - Latihan Amali Pelajar (Pengawasan Pensyarah) - Ceramah/Seminar bersama Tokoh Industri - Program <i>Finishing School</i>

Penawaran Perkhidmatan Kepada Pelajar

Selain dari program berteraskan akademik, perkhidmatan sokongan juga ditawarkan oleh FSPU untuk memenuhi keperluan pelajar dan pihak berkepentingan di samping menyumbang kepada kecemerlangan fakulti secara keseluruhannya. Penawaran perkhidmatan kepada pelajar adalah seperti berikut:

KATEGORI	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN
Fasiliti	- Perpustakaan FSPU - Kafeteria FSPU - Makmal Komputer/CAD/Akustik - Bengkel konkrit - Uji Bahan/ Pencerayaan/ Sains - Persekitaran - Galeri - Bilik dissertasi - Peralatan audio visual - Peralatan muzik - Kemudahan Plotter - Surau - Bengkel kayu - Kemudahan letak kenderaan.
Kaunseling	- Kaunseling Kerjaya - Penasihat Akademik - Program Motivasi Pelajar
Kewangan	- Tabung aktiviti FSPU - Tabung Kebajikan Pelajar

Manakala perkhidmatan dan mekanisme penyampaian kepada pihak berkepentingan ialah:

SEGMENT	PERKHIDMATAN DAN MEKANISMA PENYAMPAIAN
Kakitangan akademik dan bukan akademik	- Aktiviti Hari Keluarga FSPU - Majlis Sambutan Hari Kualiti FSPU - Majlis Berbuka Puasa - Majlis Sambutan Hari Raya
Industri	- Projek Perundingan untuk Badan Profesional dan Industri - Kursus dan Bengkel Profesional Bersama Pihak Industri
Komuniti Setempat	Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM)

2) Visi dan Misi

Ciri-ciri utama budaya organisasi FSPU berpandukan misinya untuk menyediakan program yang diiktiraf badan profesional yang bersesuaian dengan kehendak industri di negara ini. Seajar dengan ini, FSPU telah melengkapkan keperluan industri dengan menawarkan program sarjana dan kedoktoran dalam pelbagai bidang penyelidikan untuk melahirkan pelajar yang berdaya saing seiring dengan kehendak industri.

Visi FSPU

Menjadi sebuah Fakulti yang unggul, menjana kecemerlangan akademik, penyelidikan dan perundingan dalam bidang alam bina di peringkat antarabangsa dan seterusnya melahirkan graduan yang bersedia menangani cabaran di era globalisasi dan menjadi masyarakat yang berilmu, bertaqwa dan berhemah tinggi.

Misi FSPU

Melahirkan profesional dalam bidang alam bina yang mempunyai nilai-nilai murni dengan menyediakan program profesional yang unggul selari dengan industri semasa menerusi pengajaran, penyelidikan dan perundingan yang komprehensif dalam bidang alam bina

Tujuannya ialah menjadikan FSPU sebuah Fakulti yang menerajui pengajian dan penyelidikan peringkat tinggi dalam bidang alam bina. Perlaksanaannya berpandukan nilai-nilai murni yang digariskan di bawah Akta Persekutuan dan Lembaga Profesional yang berkaitan.

Kompetensi Teras Organisasi

- Pengajaran dan pembelajaran
- Penyelidikan
- Perundingan
- Penulisan dan penerbitan
- Kerja-karya kemasyarakatan
- Afiliasi dengan IPT dan industri dalam dan luar negeri.

3) Profil Tenaga Kerja

Tenaga Kerja FSPU Shah Alam dikategorikan dan direkodkan mengikut:

KATEGORI	BILANGAN
Kakitangan akademik	
a) Senibina	40
b) Bangunan	36
c) Ukur Bahan	50
d) Ukur Bangunan	23
e) Pengurusan Hartanah	36
f) Senibina Landskap	21
g) Sains Ukur dan Geometik	32
h) Pengurusan Taman dan Ameniti	16
i) Perancangan Bandar dan Wilayah	29
j) Senibina Dalaman	29
k) Pasca Siswazah	
Kakitangan bukan akademik	
a) Pengurusan	33
b) Teknikal	27
c) Bursari	5

Kumpulan dan segmen tenaga kerja di FSPU Shah Alam turut dibahagikan kepada (1) Kumpulan kakitangan akademik dan (2) Kumpulan kakitangan pentadbiran

Gred Jawatan Staf Akademik 2013

Prof VK7	DM 54	DM 53	DM 52	DM 51	DM 46	DM 45	DM 41	DM 32	DM 29	DT 48	Jumlah
9	27	69	102	2	3	86	8	1	1	4	312

Gred Jawatan Staf Pentadbiran 2013

N 52	N 41	S 41	N 32	JA 29	F 29	N 27	C 22	FT 22	N 22	B 17	C 17	FT 17	N 17	N11	JA17	Jumlah
1	2	1	2	12	1	6	2	2	4	1	3	6	14	2	1	60

Tahap pendidikan tenaga kerja di FSPU Shah Alam meliputi (1) Doktor Falsafah; (2) Ijazah Sarjana; (3) Ijazah; (4) Diploma; (5) Sijil; (6) STPM; (7) SPM. Terdapat banyak usaha yang dijalankan oleh FSPU dalam memberikan motivasi kepada staf bagi meningkatkan kecemerlangan sekaligus mencapai misi dan visi fakulti. Antaranya ialah anugerah dan penghargaan yang disampaikan kepada staf melalui Sambutan Hari Kualiti yang diadakan pada setiap tahun. Penghargaan yang disampaikan adalah kepada:

- | | |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Penerima Anugerah Khidmat Setia UiTM• Penerima Geran Penyelidikan Fundamental FRGS• Penerima Geran Penyelidikan Eksploratori ERGS• Penerima Geran Dana Pembudayaan Penyelidikan RAGS | <ul style="list-style-type: none">• Kakitangan yang Terlibat dalam Kerja Perundingan• Pemenang Pertandingan, Pameran atau Pertunjukan• Kakitangan yang Bersara |
|---|--|

Selain itu, faktor-faktor yang memotivasikan warga FSPU untuk terlibat dalam mencapai misi dan visi fakulti adalah berasaskan kenaikan pangkat kakitangan dan sumbangan kepada masyarakat, termasuk tenaga kerja dan kepelbagaian kerja (ganjaran, faedah utama, keperluan kesihatan dan keselamatan). Konsep kepelbagaian tugas dijalankan di FSPU untuk meningkatkan motivasi di kalangan kakitangan akademik dan bukan akademik. Pendekatan ini dijalankan dengan menggalakkan kakitangan akademik untuk menceburkan diri dalam aktiviti selain tugas teras mereka (pengajaran, bidang penyelidikan dan penulisan), seperti aktiviti kemasyarakatan dan program-program pelajar. Mereka boleh turut melibatkan diri dalam jawatankuasa, persatuan-persatuan dan kelab yang diwujudkan oleh fakulti. Staf akademik yang telah lama berkhidmat juga layak mengambil cuti sabatikal untuk meningkatkan motivasi di kalangan staf dalam aktiviti penulisan, penyelidikan dan perundingan. Staf bukan akademik turut disarankan melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan serta jawatankuasa fakulti. FSPU turut memberikan galakan dan peluang kepada semua staf untuk mempertingkatkan kemahiran dan kompetensi melalui latihan dan program-program pembangunan insaniah.

Di samping itu, Unit Pengurusan Kualiti, Unit Perancangan Strategik dan Jawatankuasa Audit Dalaman telah ditubuhkan untuk meningkatkan budaya kualiti dan memastikan aktiviti-aktiviti fakulti berjalan dengan lancar. Beberapa jawatankuasa kecil turut diwujudkan di bawah Unit Pengurusan Kualiti Fakulti iaitu:

- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none">Jawatankuasa Kecil AKNCJawatankuasa Kecil Hari KualitiJawatankuasa Kecil PenandaranJawatankuasa Kecil Pengembangan IlmuJawatankuasa Kecil PemantauanJawatankuasa Kecil SOSHCoJawatankuasa Kecil Pemantauan | <ul style="list-style-type: none">Jawatankuasa Kecil KIK/KMKJawatankuasa Kecil Pengumpulan dan Analisis DataJawatankuasa Kecil 5SJawatankuasa Kecil Manual Kualiti dan ISOJawatankuasa Kecil Promosi/ Publisiti |
|--|---|

Dalam konteks keperluan keselamatan dan kesihatan di kalangan kakitangan fakulti, pihak fakulti telah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (SOSHCo) pada tahun 2012 selaras dengan matlamat UiTM. Jawatankuasa ini melakukan penerapan berhubung dasar pelaksanaan system kawalan keselamatan dan perlindungan di fakulti secara berterusan serta memastikan pembudayaan sikap mengutamakan keselamatan.



4) Kemudahan yang Terdapat di FSPU

Kemudahan, teknologi dan peralatan utama yang digunakan meliputi:

BILIK OPERASI, KULIAH DAN MAKMAL	- Blok Pentadbiran - Bilik Korporat - Bilik Mesyuarat - Kaunter Pertanyaan - Bilik Operasi Peperiksaan - Bilik Fail dan Rekod - Blok Siswazah - Studio - Bilik Kuliah - Dewan Kuliah - Galleri FSPU - Bilik Plotter - Bilik Audio Visual	- Makmal AutoCAD - Makmal GIS / Remote Sensing - Makmal Akustik - Makmal Penyelidikan - Makmal Ukur Kejuruteraan - Makmal Peralatan Ukur - Makmal Photogrametrik - Makmal Komputer Siswazah - Makmal Angin - Makmal Kualiti Air - Makmal Cahaya - Makmal Artificial
KEMUDAHAN ICT	- Sistem ISIS - Fingerflex Kiosk - Scantron Scanmark ES2800 (Mesin OMR) - sistem PA (pengumuman)	- TV Plasma - LCD projector - Wi-fi
KEMUDAHAN/FASILITI TEMPAT KERJA	- komputer peribadi - talian telefon - mesin fotostat - e-mail - pengimbas (Scanner), pencetak (printer) - penghawa dingin	- perabot - mesin fax - mesin resograph - mesin plan printing - mesin taip elektronik - mesin fotostat warna
KEMUDAHAN SOSIAL	- Bilik Pensyarah, - Staff Lounge - Perpustakaan Kompleks Tahir Majid - Amphitheatre - Tempat Letak Kereta, - Surau - Gazebo/wakaf	- Perpustakaan, - Tempat Rehat Fakulti, - Kafeteria, - Bangku, - Ruang rehat pelajar siswazah, Amphitheater

5) Peraturan Utama Organisasi

Peraturan Operasi Utama

Pihak Pengurusan FSPU sentiasa berusaha untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah efisien dan efektif. Justeru, undang-undang, peraturan dan prosedur yang diperkuatkan di FSPU Shah Alam adalah seperti berikut:

- | | |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> Prosedur Operasi Prosedur Pengurusan Dokumen Sokongan Pekeliling | <ul style="list-style-type: none"> Fail Kursus Portfolio Pengajaran |
|---|---|

Peraturan operasi fakulti juga tertakluk kepada Piawaian persekutuan, negeri dan tempatan, kurikulum, program dan penilaian, peraturan kesihatan dan keselamatan pekerjaan, keperluan pensijilan pentadbir dan tenaga pengajar, peraturan persekitaran dan kewangan:



- Program Akademik (meliputi kurikulum, tenaga pengajar dan persekitaran pembelajaran) diawasi oleh JPA dan Lembaga Akreditasi berkenaan serta MQA.
- Tenaga pengajar dan pentadbiran diawasi oleh JPA melalui kelayakan akademik yang diiktiraf oleh Kerajaan.

Manakala had-had dan batasan penawaran perkhidmatan adalah:

- Fakulti hanya menawarkan program akademik yang diluluskan oleh KPT.
- Perkhidmatan penyelidikan dan perundingan juga adalah melalui kelulusan RMI dan KPT.

b) Pertalian Hubungan Organisasi

Struktur Organisasi FSPU Shah Alam dibahagi kepada Carta Organisasi Akademik dan Carta Organisasi Pentadbiran:



Sistem Governan FSPU Shah Alam berdasarkan kepada Pendekatan Pengurusan Tertinggi hingga ke peringkat Sokongan (Top-down) melalui kepelbagaian mesyuarat dan pekiliing seperti berikut:

Pekiliing Dekan
Mesyuarat Lembaga Akademik Fakulti
Mesyuarat Ketua Pusat Pengajian & Koordinator Kursus
Mesyuarat Pembangunan Akademik
(dengan Timbalan Naib Canselor)
Mesyuarat Kakitangan Akademik

Pertalian pelaporan di antara lembaga Governan/badan pembuat dasar dan kepimpinan kanan adalah seperti berikut:

Dekan	NC
Dekan	TNC
Dekan	Pendaftar
Dekan	Bendahari

Pengurusan Atasan FSPU Shah Alam sentiasa berhubung dengan pelajar melalui:

- Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
- Persatuan Dalaman
- Perjumpaan Dekan bersama pelajar baru
- Perjumpaan Ketua Program dengan wakil pelajar
- Perjumpaan semua pensyarah dengan pelajar.

Pelanggan utama merangkumi segmen pasaran, pelajar dan kumpulan pihak berkepentingan dalam negara dan luar negara (pelajar tempatan dan antarabangsa). Manakala pihak berkepentingan (KPB) yang utama ialah pihak-pihak yang berkait dengan industri pembinaan – majikan, penguasa tempatan, badan kerajaan seperti JKR, juga IPTA dan IPTS.

Keperluan dan jangkaan utama mereka terhadap program, penawaran, perkhidmatan sokongan pelajar dan pihak berkepentingan serta operasinya: (1) Memerlukan program akademik yang diiktiraf di dalam negara oleh Lembaga Profesional dan JPA; serta badan profesional luar negara; (2) Menjangkakan hasil graduan yang berkaliber untuk memenuhi keperluan kerja.

Tiada perbezaan keperluan dan jangkaan ini di kalangan segmen pasaran (kumpulan pelajar dan kumpulan pihak berkepentingan) kerana bakal graduan diharap berfikir global dan dapat menyesuaikan diri dengan tugas kerja di mana sahaja, dalam dan luar negara, di sektor kerajaan dan/atau swasta.

Pembekal, rakan kongsi dan rakan usahasama boleh dikategorikan kepada:

KATEGORI	ANTARA PEMBEKAL, RAKAN KONGSI DAN RAKAN USAHASAMA
a) Industri Pembinaan dan berkaitan	CIDB
b) Badan profesional	LAM, IPDM, ILAM, LPM, BQSM, RISM, BoVAEA, MIP
c) Agensi/Kementerian/Pusat pengajian Kerajaan	SIRIM, MoTOUR
d) Pihak Berkuasa Tempatan	MBSA, MPAG
e) Peringkat Antarabangsa	CIOB, RIBA, RICS
f) Universiti Tempatan	UTM, UM, UKM, UPM, USM, UTHM, UIAM, Politeknik Kementerian, IPTS
g) Universiti Luar negara	University of Salford (UK), King Mongkut's Institute University (Bangkok), Universitas Pancasila (Indonesia), Universitas Gadjah Mada (Indonesia), Eastern Mediterranean University (Turkey), Istanbul Technical University (Turkey) dan Abu Dhabi University (UAE),

Pembekal, rakan kongsi dan rakan usahasama memainkan peranan yang aktif dalam sistem kerja dan penyampaian program pendidikan, penawaran dan perkhidmatan sokongan pelajar dan pihak berkepentingan. Peranan pihak berkepentingan dalam perhubungan pembekal, rakan kongsi dan rakan usahasama adalah seperti berikut:

PIHAK BERKEPENTINGAN	PERANAN DALAM PERHUBUNGAN
Pembekal	- Usahasama dengan Industri - Menjadi penceramah jemputan
Rakan Kongsi	- Menganggotai badan profesional - Menjadi pensyarah jemputan
Rakan Usahasama	- Menjadi pemeriksa luar - Menyediakan anugerah khas untuk pelajar cemerlang

Manakala mekanisme utama untuk komunikasi dan pengurusan hubungan dengan pembekal, rakan kongsi dan rakan usahasama adalah:

PIHAK BERKEPENTINGAN	MEKANISMA UTAMA
Pembekal	- makmal - kaunter FSPU
Rakan Kongsi	- Bilik AV - kajian ibu bapa
Rakan Usahasama	- majikan - peti cadangan
	- kafeteria - prasarana

Peranan kumpulan-kumpulan ini dalam proses-proses inovasi organisasi adalah sebagai pengukur kepada perkhidmatan dan pencapaian Fakulti melalui maklumbalas mereka terhadap kaliber graduan dan perkhidmatan pendidikan, penyelidikan dan perundingan yang diberi.

P2. TAHAP KEDUDUKAN ORGANISASI

FSPU merupakan organisasi perintis yang mempelopori pengajian dalam bidang Alam Bina. FSPU Shah Alam merupakan satu fakulti yang terbesar di Malaysia yang menawarkan program akademik di dalam bidang Alam Bina. Bilangan keseluruhan pelajar di fakulti ini di Shah Alam pada 2013 adalah 4595. Terdapat berbagai pesaing dan rakan usahasama dalam dan luar negara telah dikenali.

a) Persekitaran Persaingan Kelebihan FSPU

- i. Pelan Pengajian yang komprehensif dan digubal mengikut kehendak pasaran daripada masa ke semasa.
- ii. Penggunaan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Pengantar.
- iii. Hampir kesemua program mendapat pengiktirafan dari badan-badan profesional didalam negara dan antarabangsa seperti Chartered Institute of Building, UK (CIOB), The Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS) dan The Royal Institute of British Architects (RIBA) dan Lembaga Jurukur Bahan Malaysia (LJBM).
- iv. Sebanyak 31 program akademik ditawarkan iaitu Sarjana dengan kerja kursus (7), Sarjana tanpa kerja kursus (1), PhD (1) dan Sarjana Muda (22) di FSPU Shah Alam telah mendapat pengiktirafan MQA dan JPA.
- v. FSPU merupakan fakulti terbesar di Malaysia yang menawarkan pelbagai program dalam bidang Alam Bina.

Kekuatan utama fakulti adalah dari jaringan industri dan kerjasama di antara badan profesional, universiti lain, organisasi luar dan juga masyarakat yang menjadi tunggak dalam memacukan kejayaan FSPU. Tahun 2013 telah menyaksikan jalinan kerjasama yang begitu memberangsangkan dimana secara keseluruhan terdapat sebanyak 36 kerjasama samada dalam bentuk penyelidikan, konsultansi dan sebagainya. Diantara organisasi yang bekerjasama dengan FSPU adalah Sime Darby, *Construction Industry Development Board* dan sebagainya. Kejayaan FSPU juga dikenali di rantau Asia melalui program usahasama yang telah dilaksanakan iaitu dengan memeterai pelbagai memorandum persefahaman iaitu MoU dan siri konferensi yang telah dianjurkan bersama universiti-universiti antarabangsa. Usahasama ini membuktikan bahawa tenaga pengajar dan program FSPU diterima oleh masyarakat luar dan kepakaran FSPU dalam bidang alam bina dihormati dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Sepanjang 2013 sebanyak 13 konferensi telah berjaya dilaksanakan dengan usahasama bersama universiti terkenal dan industri di peringkat antarabangsa. Dari perspektif konsultansi dan penyelidikan pula jumlah keseluruhan konsultansi adalah sebanyak RM2.6 juta (atau 30 konsultansi) dan penyelidikan berjumlah RM 4.8 juta. Sebagai sebuah fakulti, FSPU dikenali menerusi kualiti program dan graduan yang dihasilkan. FSPU telah memeterai MoU bersama:

Universiti Antarabangsa yang memeterai MoU dengan FSPU

University of Salford, UK
Eastern Mediterranean University , Turkey
Universitas Gadjia Mada, Indonesia
Universitas Pancasila, Indonesia
King Mongkut's Institute University, Thailand
Istanbul Technical University, Turkey
Abu Dhabi University

FSPU juga mempunyai pengalaman yang mendalam dari segi pengendalian kursus alam bina sebagai fakulti alam bina yang tertua di Malaysia. Ini memberikan FSPU kelebihan dalam persaingannya dengan fakulti alam bina dari IPTA dan IPTS lain dari universiti-universiti berikut:

- Universiti Teknologi Malaysia
- Universiti Malaya
- Universiti Kebangsaan Malaysia
- Universiti Putra Malaysia
- Universiti Tun Hussein Onn



- Universiti Sains Malaysia
- Universiti Islam Antarabangsa
- Politeknik-politeknik Kementerian Pengajian Tinggi

Perubahan Utama yang Sedang Berlaku

Perubahan-perubahan utama semasa yang memberi kesan terhadap kedudukan persaingan organisasi, peluang-peluang bagi inovasi dan kerjasama di dilaksanakan melalui pelan perancangan dan pekeliling-pekeliling yang sedang berkuatkuasa.

Sumber utama data perbandingan persaingan dari komuniti akademik:

- Media massa (TV, laman web, akhbar)
- Informasi UiTM
- Penerbitan oleh Bahagian/Fakulti/Cawangan
- Penerbitan luar UiTM
- Ceramah/penerangan

Sumber utama dari luar kalangan komuniti akademik:

- Interaksi dengan badan-badan profesional
- Media massa (TV, laman web, akhbar)
- Ceramah/penerangan

Walaubagaimanapun terdapat batasan untuk memperolehi data berkenaan kerana data bersifat 'sulit dan terhad' (confidential) bagi organisasi pemilik.

b) Cabaran Strategik

Antara cabaran dan kelebihan utama yang dihadapi oleh FSPU Shah Alam berkaitan kelestarian adalah:

CABARAN PENDIDIKAN DAN PEMBELAJARAN	
Pertambahan pelajar yang cepat (over-subscribed) dan pertambahan fasiliti yang lambat menyebabkan keadaan yang tidak seimbang	Penawaran jenis-jenis program akademik yang futuristik yang menepati kehendak pasaran
Memastikan bakal graduan mendapat pekerjaan 100% (Rujuk Jadual Graduan mendapat pekerjaan selepas tamat) (Rujuk kriteria 7)	Mengikuti perkembangan yang pesat dalam dunia akademik supaya setanding dan ke hadapan dari pencabar-pencabar utama
Penyediaan fasiliti pembelajaran yang setanding dengan permodenan teknologi	
CABARAN PENDIDIKAN DAN PEMBELAJARAN	
Pertambahan pelajar yang cepat (over-subscribed) dan pertambahan fasiliti yang lambat menyebabkan keadaan yang tidak seimbang	
CABARAN SUMBER MANUSIA	
Nisbah staf sokongan dengan staf akademik adalah 1:5 Ini adalah keadaan yang mencabar untuk menguruskan pentadbiran fakulti ini dengan cekap dan berkesan	Nisbah staf sokongan dengan pelajar adalah 1:82 juga menabar pengendalian masa kritikal seperti pendaftaran dan peperiksaan
Merapatkan jurang perbezaan umur dan pengalaman pensyarah baru dengan pensyarah lama	Fakulti mempunyai 312 orang jumlah pensyarah termasuk 8 orang sahaja yang bergelar Profesor
Penglibatan kakitangan akademik di dalam meningkatkan pembelajaran dan penyelidikan menjadi sukar kerana beban kerja hakiki dan tidak hakiki (koordinator) yang berlebihan	
CABARAN BERKAITAN KOMUNITI	
Mengekal dan meningkatkan reputasi sedia ada	Mengekalkan dan mempertingkatkan hubungan baik dengan komuniti
CABARAN UTAMA MENGEKALKAN KEMAMPAHAN	
Kurang sokongan belanjawan dari KPT untuk pembangunan infrastruktur	Kurang ruang perpustakaan untuk sumber rujukan di FSPU Shah Alam dalam proses pembelajaran dan pengajaran
Kekurangan ruang dan fasiliti yang kondusif berbanding bilangan pelajar dan staf	Kepakaran staf sokongan yang terhad

c) Sistem Penambahbaikan Prestasi

FSPU Shah Alam mengekalkan fokus terhadap penambahbaikan pencapaian melalui elemen-elemen utama:

- Pemantauan secara berterusan.
- Kajian Semula Perancangan Strategik.
- Mesyuarat-mesyuarat pengurusan Fakulti
- Penstrukturan semula pengurusan dan pentadbiran FSPU Shah Alam

Selain itu, FSPU Shah Alam mencapai penilaian dan penambahbaikan melalui kaedah penilaian:

PENTADBIRAN AM (STAF & PELAJAR)	
• Laporan Kualiti (Audit) • Laporan Kualiti (Tahunan) • Laporan Pembangunan & Kepimpinan Pelajar	• Laporan Lawatan Akademik • Laporan Latihan Praktikal
KEWANGAN	
• Laporan Belanjawan	
PERJAWATAN (STAF, STAF-FAIL PERIBADI, PELAJAR)	
• Laporan keberadaan Pensyarah • Laporan keberadaan staf pentadbiran • Laporan kehadiran pelajar • Laporan Bulanan Staf pentadbiran	• Laporan "Performance Appraisal" (Maklumat Pengajian) • Laporan Panel Penasihat Akademik & pemeriksa Luar • Laporan Penilaian Kakitangan • Laporan Penilaian Kursus/Seminar Dalam/Luar Negara
FUNGSI-FUNGSI UTAMA (STAF & PELAJAR)	
• Laporan Peperiksaan (Mesyuarat "Post Mortem") • Laporan Keputusan Peperiksaan (Mesyuarat Jemaah)	
• Kertas Kerja Untuk Mesyuarat Senat.	


Secara keseluruhannya, FSPU, sebagai fakulti alam bina tertua di Malaysia telah membuktikan keunggulan dan daya saingnya dengan kejayaan-kejayaan serta penambahbaikan yang telah dicapai pada tahun 2013. Program-program FSPU terus menerima pengiktirafan dari pelbagai badan profesional, selain dari memiliki MoU dengan organisasi tempatan dan antarabangsa. Di samping itu, pelajar-pelajar FSPU juga aktif dalam menyertai pertandingan berasaskan akademik di peringkat nasional dan antarabangsa. Pada tahun 2013, FSPU telah Berjaya memenangi 14 pertandingan termasuk *Architecture Competition* dan Pertandingan Photojournalism sempena sambutan Hari Habitat Sedunia 2013. FSPU sentiasa memperbaiki sistem pengurusan serta pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan fakulti ini kekal relevan dan terus melahirkan modal insan berkualiti di masa hadapan.



1.0 KEPIMPINAN FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR

a) Kepimpinan Kanan

Kepimpinan pengurusan kualiti Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur telah distruktur secara sistematik kepada dua kumpulan, iaitu unit pengurusan kualiti dan unit perancangan strategi seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.1. Barisan kepimpinan ini saling menyokong dalam menerajui FSPU secara efektif dan efisien bagi memastikan kemampanan fakulti.



Rajah 1.1 Kepimpinan Pengurusan Kualiti FSPU

b) Visi, Nilai dan Misi

Visi dan nilai yang dibangunkan oleh FSPU adalah selaras dengan visi UiTM:

Menjadi sebuah fakulti yang unggul menjana kecemerlangan akademik, penyelidikan dan perundingan dalam bidang alam bina di peringkat antarabangsa dan seterusnya melahirkan graduan yang bersedia menanggapi cabaran di era globalisasi dan menjadi masyarakat yang berilmu, bertaqwa dan berhemah tinggi.

Manakala misi fakulti ialah:

Melahirkan profesional dalam bidang alam bina yang mempunyai nilai-nilai murni dengan menyediakan program profesional yang unggul selari dengan industri semasa menerusi pengajaran, penyelidikan dan perundingan yang komprehensif dalam bidang alam bina.

Tujuannya ialah menjadikan FSPU sebuah Fakulti yang menerajui pengajian dan penyelidikan peringkat tinggi dalam bidang alam bina. Perlaksanaannya berpandukan nilai-nilai murni yang digariskan di bawah Akta Persekutuan dan Lembaga Profesional yang berkaitan. Kompetensi teras di FSPU ialah pengajaran dan pembelajaran; penyelidikan; perundingan; penulisan; penerbitan; serta kerja-kerja kemasyarakatan yang berhubungkait dengan misi.

Proses penyebaran visi dan nilai kepada warga FSPU di lakukan secara formal dan tidak formal seperti Jadual 1.1 di bawah.

Jadual 1.1 Kaedah penyebaran visi dan misi

FORMAL	TIDAK FORMAL
Taklimat/Amanat Tahun Baru Naib Canselor; Lembaga Penasihat Fakulti Mesyuarat Peringkat Bahagian/ Fakulti/Dekan/ Cawangan/Senat Mesyuarat Pembangunan Akademik/dengan Timbalan Naib Canselor Mesyuarat Ketua Program Mesyuarat Akademik Fakulti Mesyuarat Lembaga Akademik Fakulti Mesyuarat Koordinator Fakulti – mewakili Koordinator Mesyuarat Pusat pengajian	Temujanji Web dan Blog Laman Sosial Papan Kenyataan Media Elektronik (Plasma Board) Keratan Akhbar

Selain itu, komunikasi secara terus dan kitaran digunakan dalam penyebaran visi dan misi kepada semua staf, pelanggan dan pihak berkepentingan (Rajah 1.2) seterusnya mewujudkan dialog dua hala bagi menyampaikan hasrat, mendapatkan

maklumbalas, memberikan penghargaan dan pengiktirafan serta mencari penyelesaian melalui perkongsian dan perbincangan agar semua pihak beroleh manfaat.



Rajah 1.2 Penyampaian misi dan visi FSPU Shah Alam kepada warga staf dan pihak berkepentingan

Pimpinan kanan memanfaatkan aktiviti staf bagi menyantuni warganya dan menyampaikan amanat secara tidak formal. Jadual 1.2 di bawah menjelaskan di antara aktiviti – aktiviti yang telah di dilaksanakan di dalam FSPU:

- Perayaan Peringkat Fakulti (Majlis Hari Raya);
- Misi Akademik;
- Aktiviti Pelajar; Gotong royong; Khidmat Masyarakat;
- Minggu Mesra;
- Minggu Wawasan;
- Majlis Buka Puasa;
- Majlis Sembahyang Terawih;
- Solat Hajat;
- *Continous Profesional Development Talk*;
- Program Pembangunan & Kepimpinan Pelajar;
- Program Tazkirah Jumaat;
- Program Team-Building (Pengurusan Tertinggi dan Pentadbiran)

Visi dan nilai FSPU disampaikan kepada pelajar melalui Jawatankuasa Akademik FSPU di mana pelajar baharu dimaklumkan berkenaan peraturan dan aspirasi universiti dalam program Minggu Haluan Siswa dibantu oleh MPP dan persatuan – persatuan pelajar serta mengambilkira pandangan pelajar dan membuka ruang penambahbaikan melalui taklimat pelajar dan SUFO. Antara aktiviti – aktiviti pelajar yang dijalankan adalah Seminar Pelajar; Aktiviti Pelajar; Program Pembangunan Pelajar; Minggu Mesra Siswa; Perhubungan Industri; Latihan Amali Pelajar (Pengawasan Pensyarah); Kerjasama dan Perhubungan dengan peringkat antarabangsa

Dalam memenuhi dasar FSPU iaitu menyediakan dan mengendalikan program pengajian alam bina yang berkualiti, FSPU telah berusaha membangunkan kemahiran kepimpinan melalui perlantikan untuk menerajui aktiviti-aktiviti penting fakulti seperti Ketua Pusat Pengajian, Koordinator; Pemantauan Akademik; Jawatankuasa Kualiti; Jawatankuasa Audit dan lain-lain. Melalui penglibatan ini pengurusan dapat mengenalpasti tokoh-tokoh kepimpinan di kalangan warga FSPU. Selain itu, aktiviti penggalakan inovasi dilaksanakan bagi menambahbaik kualiti dan produktiviti kerja seperti penubuhan jawatankuasa KIK dan pertandingan IIDex. Staf – staf akademik juga diberi peluang untuk menganggotai jawatankuasa untuk mengendalikan konferensi – konferensi peringkat nasional dan antarabangsa bagi melatih bakat kepimpinan. Aktiviti – aktiviti kerohanian dan motivasi juga dilaksanakan bagi membantu meningkatkan motivasi dan produktiviti kerja dikalangan staf pentadbiran dan staf akademik. Antara aktiviti yang dilaksanakan pada tahun 2013 adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 1.2 Senarai Penceramah Jemputan (Jun -Disember 2013)

BIL	PENCERAMAH	AGENSI
1.	Isu - isu berkaitan puasa dan sambutan syawal (Ustaz Ahmad Firdaus Ismail)	ACIS
2.	Mensyukuri Nikmat Keamanan (Ustaz Mohd Afiz)	ACIS
3.	Disebalik Zulhijjah (Ustazah Hjh Wan Rafizan Wan Ahmad)	ACIS

1.2.2 Komunikasi dan Prestasi Organisasi

Kepimpinan kanan FSPU Shah Alam berkomunikasi dan membina hubungan dengan semua staf dan pihak berkepentingan melalui pelbagai medium, termasuklah emel, mesyuarat dan taklimat, informasi di laman web dan penganjuran program. Jadual berikut menjelaskan sistem komunikasi yang diamalkan.

Jadual 1.3: Medium Komunikasi di FSPU

PERKARA	PENERANGAN
Email	Dekan menggunakan kemudahan ini untuk mengambil tahu perkembangan semasa yang berlaku di dalam kampus
Mesyuarat dan Taklimat	Platform ini merupakan ruang utama dekan menyampaikan amanat dan polisi fakulti kepada semua staf. Setiap keputusan, isu dan maklumbalas diterima dan dibincangkan secara dua hala.

Jadual 1.4: Kekerapan Mesyuarat yang di adakan di FSPU

PERINGKAT	MESYUARAT	KEKERAPAN	PENGERUSI
Ketua Pusat Pengajian	Mesyuarat Ketua Pusat Pengajian	Bulanan mengikut keperluan	Dekan
Pusat Pengajian	Mesyuarat program dalaman	Bulanan mengikut keperluan	Ketua Pusat Pengajian
Pengurusan Dalaman Pusat Pengajian	Mesyuarat Akademik	Mengikut keperluan	Dekan
	Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti		Dekan
Ketua Pusat Pengajian	Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Fakulti		Dekan

Jadual 1.5: Kekerapan penyaluran maklumat secara terus di FSPU

BIL	PERKARA	KEKERAPAN
1.	Pekeliling/Memo	Mengikut keperluan
2.	Papan Kenyataan	Mengikut keperluan
3.	Laman Sesawang	Mengikut keperluan
4.	Program yang dianjurkan	Mengikut keperluan

Organisasi juga berusaha untuk memberikan penghargaan kepada staf di atas komitmen dan produktiviti yang ditunjukkan di dalam mencapai visi dan misi FSPU. Antara bentuk – bentuk penghargaan yang diberikan oleh kepimpinan atasan FSPU adalah Anugerah dan Kehormat Pelajar - Sijil Dekan; Sijil Pelajar Terbaik UiTM; Hadiah/Cenderamata; Surat-surat Penghargaan; Surat-surat Tahniah; Surat-surat Pengiktirafan – Am; Kenaikan Pangkat.

Dalam memastikan kelestarian tadbir urus FSPU, unit audit dalaman dan penurunan kuasa secara berjadual dilaksanakan bagi memastikan visi dan misi yang dibangunkan tercapai. Proses audit dalaman dalam aspek akademik dan urusan peperiksaan memastikan bahan pengajaran dan pembelajaran menepati kehendak Badan-badan Akreditasi program dan MQA; memenuhi piawai penyediaan dokumen seperti Jadual Syarahan, Portfolio Pengajaran, kertas peperiksaan; memastikan fasiliti ruang dan peralatan di dalam keadaan yang baik dan diselenggara; dapat memastikan pelajar dapat belajar dalam suasana tenang dan meningkatkan kualiti pembelajaran agar tercapai peratusan CGPA yang terbaik, tamat pengajian menepati masa. Proses penurunan kuasa kepada pensyarah-pensyarah contohnya Perlantikan penyelia Utama Kepada Penyelidikan Tesis Ijazah Sarjana/Kedoktoran; Penasihat Akademik Pelajar memberi peluang pensyarah berinteraksi secara langsung dengan pelajar untuk memberi dorongan peningkatan kemajuan akademik dan membuka peluang proses jaminan kualiti pada setiap aspek berkaitan pengurusan di fakulti.

1.3 Governan dan Tanggungjawab sosial

1.3.1 Tadbir urus FSPU

FSPU Shah Alam menekankan akauntabiliti tindakan pihak Pengurusan melalui pematuhan: Peraturan UiTM (Akta UiTM); Pekeliling Naib Canselor; Pekeliling Timbalan Naib Canselor UiTM; Pekeliling Dekan FSPU; Pekeliling Am Kerajaan; Pekeliling Perkhidmatan sementara Akauntabiliti Kewangan ditentukan melalui Pekeliling

Bendahari dan Pekeliling Perbendaharaan. Akauntabiliti kewangan pihak Pengurusan dilakukan dengan memastikan Ketelusan Operasi dan memilih polisi untuk didedahkan kepada ahli lembaga Governan/Badan Penggubal Dasar sebagai munasabah melalui: Akaun dan inventori/Audit; Belanjawan Am; Laporan Belanjawan; Laporan Aktiviti Tahunan Audit Am (Dalam dan Luar).

Ketelusan operasi pihak pengurusan dilakukan secara menekankan audit dalaman dan luar yang bebas dan neutral melalui Pengurusan Fail Audit (Surat Menyurat); Pengurusan Fail Audit (Kertas Kerja); Pengurusan Fail Audit (Persijilan); Audit Am dalam dan luar. Pencapaian kepimpinan kanan termasuk ketua organisasi dinilai melalui Penilaian SKT dan PTK. Audit dalaman dan luar pihak pengurusan dilakukan melalui JK Audit Dalaman yang terdiri daripada pensyarah. Audit luar tertumpu kepada proses akreditasi badan-badan profesional dan MQA yang mengaudit bahan-bahan akademik, infrastruktur; kelayakan staff, penilaian pelajar terhadap program pengajian dan pengurusan dan lain-lain. Setiap pusat pengajian ada JK Akreditasi masing-masing, wakil Badan Akreditasi dalam Pusat pengajian; JK MQA dan Kualiti Akademik.

1.3.2 Penilaian Pencapaian

Bagi tujuan pencapaian dasar FSPU, penambahbaikan kecekapan, keberkesanan dan sistem kepimpinan, satu mekanisma semakan pencapaian telah digunakan. Hasil semakan pencapaian ini kemudiannya digunakan oleh pihak pengurusan kanan untuk menambahbaik proses sedia ada. Mekanisma semakan pencapaian adalah seperti di bawah.

Jadual 1.6: Mekanisma semakan pencapaian

MEKANISMA	INDIKATOR
Akreditasi Badan Profesional	Pencapaian akademik
Sasaran Kerja Tahunan	Pencapaian KPI
SUFO	Maklumbalas pelanggan

1.3.3 Perilaku Beretika dan Mematuhi Perundangan

Pelaksanaan program dan perkhidmatan mengikut perundangan, peraturan dan akreditasi menjurus kepada empat kategori iaitu akademik, staf dan pelajar, pihak berkepentingan dan pengurusan bagi menyediakan perkhidmatan berkualiti sejajar dengan kehendak dan keperluan pelanggan serta pihak berkepentingan. Proses mengikut perundangan diperincikan seperti jadual di bawah.

Jadual 1.7: Perlaksanaan program dan perkhidmatan

Akademik	Soal selidik/kajian penubuhan kursus baru (komuniti/pihak industri/pasaran) Bengkel penyediaan dokumen program baharu Bengkel pemantapan OBE Pemantauan keberadaan pensyarah Semakan dan tindakan SuFO
Staf dan Pelajar	<u>Staf</u> - Galakan menghadiri kursus dalam bidang - Galakan pembentangan kertas kerja - Galakan menyambung pengajian - Pemantauan kehadiran staf - Pemantauan kelas - Analisa keperluan latihan - Laporan kepakaran dalam Prisma - Laporan Tatatertib Kakitangan - Laporan Keberadaan Bulanan Staf - Pengisytiharan Harta dan Liabiliti - Maklumbalas badan akreditasi dan pemeriksa luar <u>Pelajar</u> - Borang Maklumbalas Pelajar (SuFO) - Maklumbalas Latihan Praktikal Pelajar - Maklumbalas Lawatan Akademik - Penilaian Pengajaran Pensyarah - Disiplin dan tatatertib pelajar - Surat Amaran - Laporan kehadiran kuliah - Kaunseling

Pihak Berkepentingan	• Maklumbalas pelanggan
Operasi pengurusan	• Pengendalian aduan dan maklumbalas pelanggan • Kajian keperluan pelanggan • Peti cadangan (Infrastruktur)

1.3.4 Tanggungjawab kemasyarakatan dan sokongan terhadap komuniti utama

FSPU menitikberatkan kesejahteraan dan manfaat masyarakat sebagai sebahagian daripada strategi dan operasi seharian melalui: Aktiviti Pelajar seperti gotong royong; operasi khidmat masyarakat; minggu mesra; misi akademik dan pusat-pusat kecemerlangan. FSPU menitikberatkan kesejahteraan persekitaran, sosial dan sistem ekonomi dimana organisasi menyumbang / mungkin menyumbang melalui: Pusat-pusat Kecemerlangan; Kerjasama dengan Industri berkaitan; Kerjasama dengan Badan Profesional; Kerjasama dengan Agensi/Kementerian/Pusat pengajian Kerajaan; Kerjasama Peringkat Antarabangsa; Kerjasama dengan Universiti Tempatan dan Luar Negara.

FSPU menyokong dan memperkukuh komuniti utama melalui: Aktiviti Pelajar; Misi Akademik; Pameran; Persidangan antarabangsa; Pertandingan peringkat FSPU, UiTM, kebangsaan dan antarabangsa seperti Invention, Inovation and Design (IID) dan Pusat-pusat kecemerlangan, Konferensi Antarabangsa. FSPU Shah Alam telah mengenalpasti komuniti utama seperti Agensi/Kementerian Pusat pengajian Kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan; Universiti Tempatan dan luar negara; Institut Latihan Tinggi; LPIPM (Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia –CIDB); Badan-badan Profesional; Alumni dan Masyarakat Setempat; Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)/Sekolah Menengah/Sekolah Rendah.

FSPU mengenalpasti komuniti ini dan menentukan bidang penglibatan organisasi, termasuk bidang berkaitan kompetensi utama melalui: Perhubungan melalui Badan/Lembaga Profesional seperti LAM/PAM, RIBA, IPDM, RICS, CIOB, ILAM, LPM. Keahlian kakitangan dalam jawatankuasa luar (kebangsaan dan antarabangsa); Jalinan penyelidikan dan perundingan serta khidmat kapakaran (kebangsaan dan antarabangsa – APREA, perlantikan sebagai pemeriksa luar Lincoln University, King Mongkut University, University of Western Sydney; Keanggotaan di dalam pertubuhan kemasyarakatan setempat; Keanggotaan di dalam Badan Akreditasi MPSM; Keanggotaan di dalam Council Members CIOB; SIRIM; Ahli Majlis MBSA; Hakim PJH dan lain-lain



2.0 PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 Pembangunan Strategik

a) Proses Pembangunan Strategik

Pada tahun 2013, FSPU telah mengambil inisiatif penambahbaikan terhadap sistem pembangunan strategiknya dimana perancangan strategik FSPU diselaraskan mengikut teras perancangan strategik UiTM bersandarkan kepada Visi dan Misi serta objektif FSPU yang telah digubal pada tahun 2011. Seperti yang telah dilaporkan didalam laporan AKNC 2012, proses pembangunan strategi FSPU berasaskan kaedah bertatatingkat (*hierarchical*). Ini bererti perancangan strategik FSPU mengikut kerangka perancangan strategik UiTM 2011-2015, manakala perancangan srategik pusat-pusat pengajian di FSPU pula mengikut kerangka Perancangan Strategik FSPU. Oleh itu objektif, strategi-strategi dan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ada dalam panduan Buku RMKe-10 UiTM, Amanat Naib Canselor Tahun 2011/2012 dan 18 Agenda Keutamaan Universiti dijadikan bahan rujukan utama.

Proses perancangan strategi FSPU adalah satu proses yang dinamik. Ianya sentiasa mengambil kira perubahan persekitaran luaran dan dalaman. Oleh itu, proses Perancangan Strategik di FSPU masih dikekalkan seperti kitaran 4 fasa, seperti yang ditunjukkan dalam rajah 2.1.



Rajah 2.1 : Proses Perancangan Strategik FSPU

1) Pembangunan strategi (Strategy Formulation)

Pembangunan strategi FSPU merangkumi pembangunan visi, misi, falsafah, *SWOT Analysis* fakulti.

Visi, Misi dan Objektif FSPU adalah seperti berikut:

VISI
Menjadi sebuah fakulti yang unggul yang menjana kecemerlangan akademik, penyelidikan dan perundingan dalam bidang Alam Bina di peringkat antarabangsa dan seterusnya melahirkan graduan yang bersedia menangani cabaran di era globalisasi dan menjadi masyarakat yang berilmu, bertaqwa dan berhemah tinggi.
MISI
• Menyediakan program profesional yang sesuai dengan keperluan industri semasa. • Melaksanakan pengajaran, penyelidikan dan perundingan yang komprehensif dalam bidang Alam Bina. • Melahirkan profesional dalam bidang Alam Bina yang mempunyai nilai-nilai murni.
OBJEKTIF FSPU
• Mencapai pertambahan peratus bilangan pelajar tamat pengajian dengan CGPA 3.50 ke 15 peratus. • Memastikan sekurang-kurangnya 85 peratus pelajar sepenuh masa lulus dalam tempoh yang ditetapkan • Meningkatkan peratusan tenaga pengajar dengan kelayakkan PhD kepada 60 peratus dan kelulusan profesional kepada 40 peratus tahun 2020 • Memastikan fakulti mendapat geran penyelidikan sebanyak RM 1 juta setiap tahun • Mencapai penglibatan staf akademik dalam bidang penulisan dan penerbitan ilmiah/kerja kreatif pada kadar purata satu per staf akademik setiap tahun.

SWOT Analysis dan core competencies FSPU dikenali seperti di bawah:

i) SWOT ANALYSIS

KEKUATAN (STRENGTHS)	
Pensyarah berpengalaman; di mana 67 peratus pensyarah di fakulti berada dalam kategori DM52 dan ke atas	Majoriti pensyarah berdaftar dengan badan profesional dan berpengalaman bekerja dalam industri.
Pensyarah berkecayaan; seramai 80 pensyarah yang memegang ijazah PhD	Latar belakang pendidikan yang pelbagai di kalangan staf akademik dengan kecekapan akademik tempatan dan antarabangsa.
Peningkatan berterusan pada kurikulum akademik.	Graduan diterima baik oleh industri.
KELEMAHAN (WEAKNESSES)	
Staf lambat menyesuaikan perubahan keperluan akademik	Kekurangan kesinambungan dalam tugas yang dijalankan
Kesukaran mengimbangi jangkaan universiti	Beban kerja ditumpukan di kalangan beberapa staf yang cemerlang
Nisbah pelajar dengan staf tinggi.	
PELUANG (OPPORTUNITIES)	
Permintaan yang tinggi untuk kepakaran dari Industri dan universiti universiti lain.	Jalanan kukuh dengan industri membolehkan pensyarah menjalankan penyelidikan usahasama dengan industri
Kerjasama erat dengan universiti-universiti tempatan dan antarabangsa	
ANCAMAN (THREATS)	
Persaingan dari universiti-universiti tempatan dan antarabangsa	

Dengan mengenali kekuatan dan kelemahan yang ada dalam fakulti dapat membantu meningkatkan keupayaan fakulti menangani perubahan dalam pasaran.




Rajah 2.2 :Pengiktirafan Badan-Badan Profesional

Pengiktirafan lembaga profesional bermaksud graduan dari FSPU secara automatik layak memegang jawatan profesional dalam badan kerajaan dan berkanun. Graduan FSPU yang berminat menjadi ahli profesional berdaftar, layak menduduki peperiksaan profesional khusus setiap bidang di bawah kelolaan Lembaga berkaitan. Ini adalah satu kelebihan Graduan FSPU berbanding dengan graduan dari IPT yang tidak diiktiraf, kerana mereka perlu menjalani peperiksaan dan temuduga tambahan.

ii) Keupayaan Teras (core competencies)

Core competencies digunakan bagi mengukuhkan program-program yang sedia ada di FSPU dan mengenali peluang bagi memulakan program baru. Kompetensi teras (core competencies) di FSPU dikenali melalui kriteria berikut:



Rajah 2.3 Kriteria Kompetensi Teras FSPU.

Melalui kriteria di atas, 4 program dikenalpasti mempunyai kompetensi teras yang sukar ditandingi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.1

Jadual 2.1: Badan-Badan Profesional yang Mengiktiraf Program-Program di FSPU

PROGRAM	BADAN PROFESIONAL YANG MENGIKTIRAF	TAHAP KEKUATAN
Senibina	Royal Institute of British Architect (RIBA)	<i>Rare</i> – Hanya UiTM dan Universiti Malaya yang diiktiraf oleh RIBA di Malaysia
Pengurusan Pembinaan	Chartered Institute of Building, UK	<i>Rare</i> – hanya dua universiti di Malaysia di Malaysia yang di iktiraf oleh CIOB.
Ukur Bahan	Board of Quantity Surveyors Malaysia (BQSM) Royal Institute of Chartered (RICS) Surveyors	<i>Valuable</i> – pengiktirafan BQS membolehkan Universiti menjalankan program ini dan kelayakkan pelajaranya diiktiraf.
Pengurusan Hartanah	Board of Quantity Surveyors Malaysia (BQSM) Royal Institute of Chartered (RICS) Surveyors	<i>Valuable</i> – pengiktirafan BQS membolehkan Universiti menjalankan program ini dan kelayakkan pelajaranya diiktiraf.

2) Pelaksanaan Strategi (Strategy Implementation)

Strategi dan Pelan tindakan yang terkandung dalam dokumen Perancangan Strategik FSPU diumumkan kepada warga FSPU melalui pembentangan yang disampaikan oleh Dekan FSPU dalam mesyuarat Fakulti dan mesyuarat dengan ketua-ketua Pusat Pengajian. Strategi-strategi yang telah digubal dalam Fasa Pembangunan Strategi diperincikan dan dijadikan Pelan Tindakan. Dalam Pelan Tindakan, setiap strategi dipecahkan kepada beberapa aktiviti untuk 3 tahun akan datang. Tarikh mula dan siap ditentukan dan mereka yang bertanggungjawab untuk menetuai setiap aktiviti dikenalpasti. Pelan tindakan dibangunkan dengan mengadakan:

- 1) Objektif tahunan
- 2) Mengubal polisi
- 3) Mengagihkan sumber
- 4) Mengurus konflik
- 5) Memastikan struktur organisasi bertepatan dengan strategi

Pelan tindakan jangka pendek ialah memastikan pelajar dan key stakeholders dapat berfungsi dengan selesa. Ini diperolehi dengan memastikan kemudahan infrastruktur dan fasiliti disediakan dan stakeholders mendapat sumber yang cukup untuk menjalankan aktiviti. Ini akan dapat meningkatkan strategi jangka panjang fakulti iaitu menjadi fakulti Alam Bina yang terunggul di Malaysia.

Pelan tindakan dilaksanakan dengan mewujudkan carta organasasi dan memberikan sumber-sumber dan bajet kewangan yang diperlukan bagi menjalankan aktiviti. Setiap staf yang menetuai setiap unit diminta menyediakan perancangan aktiviti tahunan.

Pencapaian utama sentiasa dipantau berdasarkan Penunjuk Prestasi yang disediakan bagi setiap unit.

Agihan sumber dilakukan berdasarkan keutamaan (priority) dan objektif tahunan. Untuk memastikan sumber yang diperlukan mencukupi, setiap unit diminta menyediakan bajet.

Risiko yang berkaitan dengan perancangan dikenalpasti dengan setiap aktiviti yang dirancang disertakan dengan kertas kerja. Kertas kerja ini dibincangkan sebelum keputusan diambil.

Pelan Sumber Manusia Utama yang digarap dari Objektif Strategik Jangka Pendek dan Jangka Panjang dan Pelan Tindakan adalah melalui Pelunjuran Kerjaya peringkat Jabatan yang menetapkan peratusan Profesor, Profesor Madya, pemegang PhD, pensyarah kanan dan sebagainya agar menepati kehendak kriteria kepakaran oleh Lembaga Akreditasi Profesional. Peningkatan kepakaran juga dicapai melalui penawaran pengajian dan/atau latihan profesional melalui kursus/seminar khas atau latihan industri. Pengunjuran dan pengambilan pensyarah juga berpandukan nisbah pelajar dan tenaga pengajar yang disarankan oleh Badan Akreditasi begitu juga perlunjuran dan pengambilan tenaga pentadbiran supaya berkadar dengan jumlah tenaga akademik dan pelajar.

Pelan sumber manusia dan **kesannya** dibincangkan bersama sebelum diimplementasikan. Apabila diimplementasi, pihak pengurusan fakulti memastikan konflik tidak berlaku dan diuruskan dengan sebaiknya.

Proses ini dijalankan secara berterusan diperingkat fakulti dan jabatan. Mereka yang dipertanggungjawabkan seperti yang ditunjukkan dalam Perancangan Strategik FSPU diminta mengimplementasikannya mengikut jangka waktu yang ditetapkan. Mereka diminta memohon bajet dan juga sumber-sumber. Setiap pusat pengajian pula mengadakan perancangan strategik masing-masing. Perancangan strategik di peringkat pengajian dipastikan selaras dengan perancangan strategik di peringkat fakulti. Peserta-peserta utama ialah pensyarah-pensyarah di peringkat pusat pengajian itu sendiri.

2.3 Penunjuk Prestasi

Ukuran Pencapaian Utama atau Petunjuk untuk mengesan kemajuan Pelan Tindakan adalah berdasarkan ketetapan *milestones* yang telah disediakan agar menepati jadual kerja. Bagi memastikan keseluruhan sistem ukuran Pelan Tindakan mengukuhkan lagi keselarian organisasi adalah melalui pencapaian *Key Performance Index*, Objektif Kualiti, dasar-dasar yang telah diwujudkan, sasaran tarikh siap kerja, piagam pelanggan. Bagi memastikan sistem ukuran merangkumi Pelaksanaan Utama bagi semua bidang, pelajar dan pihak berkepentingan adalah melalui pencapaian *Key Performance Index*, maklumbalas pelajar dan majikan, Lembaga Akreditasi, Laporan Pemeriksa Luar serta maklumbalas alumni. Untuk tahun 2013, FSPU masih menggunakan Petunjuk Prestasi Utama yang disenaraikan dalam Buku Perancangan Strategik RMKe-10 UiTM.

Perlaksanaan Strategi melibatkan pembangunan polisi, penentuan sasaran, pengagihan sumber. Strategi turut digubal dengan menentukan objektif jangka pendek, membuat carta organisasi, mengubal polisi dan mengagihkan sumber-sumber. Berdasarkan RMKe-10 FSPU, 7 Agenda Utama telah disenaraikan. Agenda-Agenda ini diambilkira melalui pembangunan polisi, penentuan sasaran dan pengagihan sumber. 7 Agenda Utama tersebut adalah;

1. Akademik
2. Industri
3. Penyelidikan
4. Keusahawanan
5. Blended Learning
6. Alumni
7. Prasarana Berkualiti

Proses pelaksanaan ini dibuat secara berterusan melalui objektif strategic mengikut agenda utama yang telah di tentukan di atas. Dan bagi memastikan kesinambungan proses ini, setiap agenda utama disusuli dengan objektif strategic dan strategi strategi yang berkaitan ke arah pencapaian agenda utama. Selain itu, semua *KPI* atau petunjuk prestasi ditetapkan diperingkat ini bagi membolehkan proses penilaian dibuat dan tindakan pemantauan atau penambakan perlu dilakukan. Sebagai contoh terdekat, untuk agenda utama Akademik dan Industri, salah satu Objektif Strategiknya adalah untuk mengadakan usahasama dengan pelbagai universiti diseluruh dunia juga badan professional serta badan-badan berkuasa tempatan seperti majlis perbandaran. *KPI* FSPU adalah sepuluh (10) Mou/MoA dmeterai setahun. Pelbagai Mou dan MoA yang dipersetujui dengan universiti dalam dan luar negara malah pihak industri, akan dilaksanakan dan dikemaskini oleh Pengurus Projek yang telah ditetapkan FSPU.

Pengurus Projek akan melaksanakannya agar ianya sejajar dengan perancangan yang telah dibuat oleh pihak pengurusan atasan FSPU.

Jadual 2.1 Perlaksanaan Mou dan MoA di FSPU

Bil	Nama projek	Pengurus Projek
1	Mou dengan University of Salford, UK	Prof Madya Dr Fadzil Hassan
2	Mou dengan Eastern Mediterranean University , Turkey	Prof Dr Mohamed Yusoff Abbas
3	Mou dengan Universitas Gadjia Mada, Indonesia	Mohd Faizal Foad @ Fuad
4	Mou dengan Universitas Pancasila, Indonesia	Dr Hjh Norizan Ahmad
5	Mou dengan King Mongkut's Institute University, Thailand	Prof Dr Mohamed Yusoff Abbas
6	Mou dengan Istanbul Technical University, Turkey	Prof Dr Mohamed Yusoff Abbas
7	Mou dengan Abu Dhabi University	Prof Madya Hj Kamran Shavarebi
8	Mou dengan Malaysian Institute of Planners/Federal Department of Town and Country Planning	Prof Dr Hjh Dasimah Omar
9	Mou dengan Alor Gajah Municipal Council Malaysia	Prof Madya Dr Hjh Fatimah Yusof

Pemilihan/pembahagian Pengurus Projek (*person-in-charge*) adalah berdasarkan sumber yang paling relevan (*direct-source*) seseorang Pengurus Projek tersebut atau dalam erti kata lain Pegawai Tanggungjawab yang paling berkaitan dengan sesuatu perancangan.

Dalam Agenda Utama **Akademik** juga, Objektif Strategiknya telah diselaraskan dengan Objektif UiTM untuk memenuhi 5 *Key performance Indicator (KPI)*.

Objektif Strategik	Strategi
Memenuhi 5 'KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)' akademik yang telah ditetapkan oleh UiTM	a) KPI 1 - Peratus Kegagalan pelajar setiap kursus untuk semua program adalah < 25% b) KPI 2 - Peratus ketidakhadiran peperiksaan akhir < 5% c) KPI 3 - Peratusan kegagalan pelajar keseluruhan < 3% d) KPI 4 - Peratus pelajar mendapatkan Anugerah Dekan > 10% e) KPI 5 - Peratus pelajar mendapat ANC > 1%

Agenda Utama **Penyelidikan** menggariskan Objektif Strategik Mencapai *Myra Score* yang juga telah ditetapkan oleh UiTM.

Objektif Strategik	Strategi
MENCAPAI MYRA SCORE	a) 2013 - 30% b) 2014 - 35% c) 2015 - 40% d) Menggalakkan pelajar tahun akhir melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana e) Sasaran Pertambahan Tenaga Pengajar dengan PhD setiap tahun - 1 dari setiap pusat pengajian (10 pusat pengajian: 10 org Tenaga Pengajar dengan PhD) f) Sasaran Penerbitan/ penyelidikan Berimpak Tinggi (SCOPUS/SI/ELSEVIER) g) Menambah bilangan Tenaga Pengajar yang berdaftar dengan Badan Professional

Keusahawanan/penjanaan pendapatan dikalangan pelajar dan staff FSPU juga telah dijadikan salah satu Agenda Utama FSPU, juga selari dengan Objektif UiTM. Keusahawanan dikalangan pelajar telah bermula pada Julai 2012.

Objektif Strategik	Strategi
KEUSAHAWANAN Menerapkan nilai keusahawanan dalam diri pelajar FSPU	a) FSPU mengadakan 2 kali <i>talk</i> berkenaan keusahawanan kepada pelajar FSPU b) Aktiviti- aktiviti Keusahawanan yang diadakan - Pasar Rabu - FSPU Bizz Club
PENJANAAN PENDAPATAN	a) Menjana pendapatan FSPU sekurangnya 1 JUTA setahun b) Menambah bilangan latihan/konsultasi/dan program berkaitan sebanyak 50 projek setahun

Memacu kearah **Blended Learning (BL)**, FSPU telah meletakkan **BL** sebagai salah satu agenda Utamanya. Pihak Atasan FSPU telah mula mengeluarkan surat meminta semua pusat pengajian mengenalpasti kod subjek yang akan dijadikan kod **BL** bermula semester Jan 2013. **BL** telah diletakkan dibawah Jawatankuasa *i-learn* FSPU. Jawatankuasa ini bertindak mempromosikan penggunaan *i-learn* sebagai medium **BL** disamping memberi latihan kepada semua staff akademik yang terlibat. Beberapa siri kursus telah di buat untuk memenuhi kehendak staf FSPU seterusnya memacu ke arah

BL. Jawatankuasa ini terdiri dari semua wakil i-learn pusat pengajian supaya semua maklumat dapat disampaikan dengan lebih efisien kepada semua staf akademik di 10 pusat pengajian di FSPU. BL juga telah diambil kira dalam semakan silibus yang sedang dibuat oleh pusat pengajian tertentu.

FSPU juga memandang berat terhadap Agenda Utama **Alumni** fakulti ini. Walaupun hal ini telah di ketengahkan namun sehingga tahun 2013 masih belum ada aktiviti yang dijalankan. Jawatankuasa terlibat juga telah mula dibentuk dan senarai aktiviti juga telah disediakan. Jawatankuasa dijangka akan memulakan strategi Makan malam/ *Homecoming Dinner* tidak lama lagi.

Tidak dilupakan **Prasarana Berkualiti**. FSPU menjadikan ianya salah satu agenda utama fakulti ini. Hal ini demikian kerana pihak pengurusan yakin dengan prasarana yang berkualiti, pencapaian pelajar juga akan bertambah baik. Kedua-duanya berkait rapat antara satu sama lain. Objektif Strategiknya masih dirangka bagi memenuhi agenda utama FSPU.

3) Penilaian (Evaluation)

Sebelum strategi lama disemak semula dan strategi baru dibangunkan, pencapaian FSPU untuk dua tahun sebelumnya dikaji. Dalam menilai pencapaian fakulti, FSPU menggunakan data-data hasil kajian UiTM dan juga FSPU dan membandingkan dengan sasaran yang ditentukan.

Proses **penilaian** juga dijalankan secara berterusan. Setiap jabatan diminta menilai pencapaian masing-masing. Pencapaian selalunya dibincangkan dalam mesyuarat fakulti dan pusat pengajian dengan menggunakan maklumat-maklumat yang dikumpul. Oleh itu dalam setiap Bengkel Perancangan strategik, penilaian dan pembangunan strategi dibuat serentak.

Setelah menjalankan strategi pelaksanaan, penilaian pencapaian dan strategi setiap enam bulan dijalankan termasuk membandingkan sasaran dan pencapaian.

i) Agenda Utama : Akademik

Contoh Pembandingan sasaran dan prestasi/pencapaian yang dilakukan FSPU

Objektif Strategik	Strategi	Petunjuk Prestasi JAN 2013	Petunjuk Prestasi JUN 2013
Memenuhi 5 'KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)' akademik yang telah ditetapkan oleh UiTM	a) KPI 1 - Peratus Kegagalan pelajar setiap kursus untuk semua program adalah < 25%	TIDAK CAPAI	TIDAK CAPAI
	b) KPI 2 - Peratus ketidakhadiran peperiksaan akhir < 5%	0.43% (CAPAI)	0.6% (CAPAI)
	c) KPI 3 - Peratusan kegagalan pelajar keseluruhan < 3%	1.54% (CAPAI)	1.93% (CAPAI)
	d) KPI 4 - Peratus pelajar mendapatkan Anugerah Dekan > 10%	1.9% (CAPAI)	1.44% (CAPAI)
	e) KPI 5 - Peratus pelajar mendapat ANC > 1%	10.72% (CAPAI)	9.82% (TIDAK CAPAI)

Pada tahun 2013, FSPU hanya mencapai 4 bintang untuk sesi peperiksaan Jan 2013 manakala 3 bintang bagi sesi peperiksaan Jun 2013.

ii) Agenda Utama : Penyelidikan

Contoh Pembandingan sasaran dan prestasi/pencapaian yang dilakukan FSPU.

Objektif Strategik	Strategi	Petunjuk Prestasi 2013
MENCAPAI MYRA SCORE	a) 2013 - 30% b) 2014 - 35% c) 2015 - 40% d) Menggalakkan pelajar tahun akhir melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana e) Sasaran Pertambahan Tenaga Pengajar dengan PhD setiap tahun - 1 dari setiap pusat pengajian (10 pusat pengajian: 10 org Tenaga Pengajar dengan PhD) f) Sasaran Penerbitan/ penyelidikan Berimpak Tinggi (SCOPUS/SI/ELSEVIER) g) Menambah bilangan Tenaga Pengajar yang berdaftar dengan Badan Profesional	Capai. 2012 - 70 pensyarah (PhD) 2013 - 80 pensyarah (PhD) Capai. 148 penerbitan pada tahun 2012 181 penerbitan pada tahun 2013 Sebanyak 194 staf berdaftar dengan badan profesional tempatan. manakala 40 dengan badan profesional antarabangsa

iii) Agenda Utama : Keusahawanan

Contoh Unjuran sasaran dan prestasi/pencapaian yang dilakukan FSPU.

Objektif Strategik	Strategi	Petunjuk Prestasi MAC-JULAI 2013	Petunjuk Prestasi SEPT-JAN 2013	Inisiatif Strategi
Menerapkan keusahawanan dikalangan pelajar FSPU	a) Mengadakan <i>talk /carnival</i> berkenaan Keusahawanan kepada pelajar FSPU sekurangnya 2 kali/ semester b) Aktiviti- aktiviti keusahawanan dikalangan pelajar FSPU - menjalankan Pasar Rabu setiap hari rabu - menubuhkan <i>FSPU Bizz Club</i>	2 kali/Sesi i) Sep 2012 - Jan 2013 FSPU Mini Carnival - Entrepreneur bertempat di FSPU Square and Amphitheatre ii) May 2013, Kursus Program Keusahawanan - Basic Accounting courses, Dewan Kuliah FSPU telah dijalankan Bermula Mac 2012 sehingga sekarang Dalam kerangka penubuhan	2 kali / i) Dec 2013, Entrepreneur & Prospect Talk bertempat di Dewan Kuliah FSPU. Berjalan pada setiap hari rabu Belum ada kemajuan	Pihak Koordinator keusahawanan telah menyediakan kertas kerja kepada KPT dimana dapat menerapkan budaya keusahawanan berserta latihan intensif dan tajaan dikalangan pelajar. Untuk maklumat, FSPU telah memenangi Entrepreneurship Awards 2013.

Menggunakan empat kriteria iaitu **Consistency, Consonance, Feasibiliti dan Advantage** bagi menentukan kesesuaian strategi strategi yang dijalankan..Berdasarkan hasil penilaian pencapaian, FSPU, kesesuaian strategi-strategi yang dijalankan disemaksemula. Kriteria yang digunakan bagi menilai kesesuaian atau *appropriateness* strategi yang digunapakai oleh FSPU ialah seperti berikut:

- i) **Consistency** – Strategi yang digunapakai di FSPU konsisten dengan strategi UiTM. Ini dapat dilakukan dengan menentukan strategi-strategi FSPU tidak bercanggah dengan strategi-strategi yang digubal dalam buku Perancangan Strategi UiTM Ke-10.
- ii) **Consonance** - Menyemak strategi FSPU selari dengan tren di universiti-universiti lain. Contohnya, jika universiti-universiti terkemuka di dunia menekankan kepada penerbitan dan penghasilan sumber kewangan dari hasil pengkomersialan, maka FSPU seharusnya mengikuti tren tersebut.
- iii) **Feasibiliti** - iaitu dapat dilakukan. Contohnya, menambah bilangan Tenaga Pengajar yang berdaftar dengan Badan professional atau mengurangkan kadar peratusan kegagalan pelajar dalam peperiksaan.
- iv) **Advantage** -memberikan kelebihan kepada fakulti. Contohnya, FSPU menilai semula adakah pengiktirafan dari badan-badan profesional luar negara memberikan kelebihan kepada fakulti.

Berdasarkan kriteria tersebut, FSPU berpandangan bahawa strategi yang sedia ada setakat ini perlu dikekalkan dan inisiatif strategi/penambaian jika perlu dilakukan, untuk mencapai KPI yang telah ditetapkan.

Pergambilkiraan Strategi (Strategy considerations)

Perkara-perkara yang diambil kira dalam membangun strategi ialah:

Faktor-faktor luaran

1. Ekonomi – perkembangan industri pembinaan dan mengenalpasti sektor-sektor yang berpotensi untuk dibangunkan. Kajian pasaran juga dijalankan untuk memastikan permintaan majikan-majikan.
2. Sosial - perubahan gaya hidup penduduk Malaysia di ambilkira untuk mengenalpasti penambahbaikan program-program.

3. Politik dan kerajaan- melihat dasar-dasar kerajaan dalam bidang pendidikan dan halatuju UiTM.
4. Teknologi – perubahan teknologi dalam industri binaan yang perlu dimasukkan kedalam silibus.
5. Persaingan- dari universiti-universiti dalam dan luar negara. Walaupun program akademik di FSPU mendapat permintaan tinggi (over-subscribed), program akademik baru yang dirancang dipastikan tidak bertindih dengan tawaran sediaada mengemukakan keistimewaan tersendiri. Kemampunan juga FSPU dipastikan dengan menawarkan program akademik yang menepati kehendak pasaran dan tenaga pengajarnya mempunyai kepakaran seiring.

Faktor-faktor dalaman

1. Mengambil kira keupayaan program-program menepati tahap piawai seperti diperlukan oleh Lembaga Profesional, semakan kurikulum ke atas semua program dibuat berterusan supaya sentiasa bergerak dengan kehendak semasa (minima setiap 5 tahun).
2. Meneliti permohonan kemasukkan pelajar dan pensyarah dan kadar pengangguran pelajar, maklumbalas kajian pelajar yang dijalankan oleh PPS dan pengiktirafan badan-badan profesional.
3. Menentukan tahap keserjanaan tenaga pengajar sentiasa dipertingkatkan melalui penambahan bilangan pemegang PhD, profesional berdaftar, penglibatan mereka di dalam penyelidikan, penulisan dan pembentangan kertas akademik selain kerja-kerja perundingan.
4. Melihat sama ada keperluan semua pelajar dan pihak berkepentingan dapat dipenuhi dengan menjalankan kertas kaji selidik/maklumbalas berterusan dari pelajar semasa (setiap semester) dan majikan berkenaan melalui laporan latihan praktikal.
5. Meneliti maklumbalas dari pihak pemeriksa luar yang mewakili industri dan profesion serta juga wakil IPT lain. Apabila sesi lawatan penilaian/pemantauan pemeriksa luar, pelajar akan mengadakan sesi forum dan lain – lain aktiviti yang berkaitan. Segala maklumbalas disampaikan terus kepada pihak Jabatan semasa sesi taklimat penutup.
6. Laporan Badan Akreditasi dan Alumni.
7. Sumber kewangan- peruntukan kewangan kepada FSPU yang diluluskan oleh UiTM.

4. Pemantauan (Control)

Perubahan perancangan dilakukan melalui proses pemantauan berterusan berpandukan Pelan Tindakan di atas. Sistem Pemantauan UePMO dan perlantikan DPMO yang diperkenalkan oleh Pusat Perancangan Strategik UiTM juga membantu perjalanan Pelan Tindakan tersebut. Ia dipertahankan melalui Mesyuarat Ketua-ketua Program, Mesyuarat Koordinator-koordinator Fakulti dan Laporan Berkala J/K Fakulti selain perbincangan secara *impromptu* oleh Dekan, Timbalan-timbalan Dekan bersama Koordinator Perancangan Strategik. FSPU meminta setiap pengurus projek yang terlibat memasukkan laporan atau 'outcome' setiap Agenda Utama tersebut (1 - 7) ke dalam UePMO supaya status setiap Agenda Utama tersebut dapat di pantau secara berterusan oleh pihak pengurusan atasan dan mengambil langkah yang sepatutnya.

Bil	Agenda Utama	Pengurus Projek yang akan memasukkan laporan atau 'outcome' ke dalam UePMO
1	Akademik	Prof Madya Rashidah Abd Rahman
2	Industri	Prof Madya Rashidah Abd Rahman
3	Penyelidikan	Mazzen Khalid
4	Keusahawanan	Nur Hidayah Idris
5	Blended learning	Hafidzah Abd Aziz
6	Alumni	Sr Mohd Faizal Foad
7	Prasarana berkualiti	Nor Hisyam Hussin
8	Kepimpinan	Dr Noriah Othman

Penetapan dan melaksanakan Pelan Tindakan yang diubahsuai sekiranya memerlukan perubahan rancangan dan pelaksanaan segera tindakan yang baru adalah melalui semakan terhadap tempoh siap setiap inisiatif (*progress revision and adjustment*) turut dicatat untuk dibanding dgn tarikh dirancang dalam *Pelan Tindakan*. Perbincangan dibuat secara telus dalam Mesyuarat Akademik Fakulti, Mesyuarat Ketua-ketua Program, Mesyuarat Koordinator-koordinator Fakulti dan Laporan Berkala Jawatankuasa Fakulti.

2.5 Unjuran Pencapaian

Unjuran pencapaian berdasarkan kepada Penunjuk Prestasi Utama yang disenaraikan dalam Dokumen Perancangan Strategik FSPU 2013. Berikut adalah contoh-contoh unjuran FSPU untuk 2013;

1. 4 artikel yang disiarkan dalam akhbar-akhbar akhir 2013.
2. 50% program mencapai 5-bintang HEA KPI.
3. 3 program Sentuhan Kasih "FSPU -" Operasi Khidmat Masyarakat "- untuk menggalakkan manusia dan membawa bantuan kepada mereka yang memerlukannya.
4. 10 graduan Doktor Falsafah (minimum 1 daripada setiap Centre - 10 daripada FSPU)
5. 30 judul dalam jurnal indeks yang tinggi (diindeks penerbitan)
6. Jurnal Alam Bina - untuk diindeks
7. Kerjasama dengan universiti-universiti tempatan dan luar negara



3.0 TUMPUAN PELANGGAN

Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur (FSPU) sentiasa memberikan tumpuan kepada maklumbalas dari pelanggan dan pihak yang berkepentingan bagi membuat penambahbaikan kepada fakulti. Unit Kualiti FSPU merupakan pasukan yang bertanggungjawab bagi mengendali dan mengurus data berkaitan kepuasan pelanggan dan pihak berkepentingan. Kategori tumpuan adalah seperti berikut:

- Pelanggan utama adalah Pelajar
- Pelanggan industri adalah Majikan
- Pelanggan perkhidmatan adalah Masyarakat

3.1 SUARA PELANGGAN

Tumpuan yang dilakukan oleh FSPU didalam memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan telah diukur melalui

5P – PERANCANGAN, PENGHEBAHAN, PERLAKSANAAN, PENYELIAAN DAN PENILAIAN.

Jadual 3.1. Keperluan dan Kehendak Pelanggan Berdasarkan 5P

TUMPUAN PELANGGAN – 5P	KAEDAH PENGUKURAN / PROSES PENGURUSAN JALINAN DENGAN PELANGGAN
PERANCANGAN	Setiap program yang dirancang merangkumi objektif tujuan, sasaran pelanggan, pengisian aplikasi dan implikasi bajet yang terlibat.
PENGHEBAHAN	Penghebahan kepada pelanggan dan pihak berkepentingan perlu dilakukan setelah perancangan dibuat. Penghebahan perlu dilakukan bagi memastikan pelanggan mengetahui aktiviti yang dijalankan seiring dengan keperluan pelanggan.
PERLAKSANAAN	Implementasi aktiviti yang telah dirancang akan dilaksanakan setelah mengikut prosidur yang ditetapkan
PENYELIAAN	Pemantauan terhadap aktiviti atau projek secara berkala
PENILAIAN	Dinilai melalui borang tahap kepuasan pelanggan serta impak kepada fakulti dan pelajar. Penilaian tahap kepuasan oleh pelajar dan pihak yang berkepentingan melalui borang maklum balas pelanggan untuk melihat impak kepada fakulti dan pelajar.



Rajah 3.1. Proses Pengurusan Jalinan Dengan Pelanggan

a. Perhatian terhadap Pelajar dan Pihak berkepentingan

Fakulti amat mengambil berat tentang keperluan pelajar dan pihak berkepentingan. 2 pendekatan yang digunakan ialah:

- i. Kaedah formal: Melalui sesi kritik, forum, bengkel dan perjumpaan.
- ii. Kaedah tidak formal: mengisi borang maklumbalas yang disediakan di tempat tumpuan seperti kaunter, makmal, kafetaria dan perpustakaan.

Perjumpaan Wakil Pelajar/ Persatuan Pelajar Bersama Pihak Pengurusan Tertinggi Fakulti

Fakulti mengadakan perjumpaan bersama wakil pelajar, wakil persatuan bagi membincangkan permasalahan dan kepentingan pelanggan. Perjumpaan diadakan sekali setiap semester. Di antara isu-isu yang telah diselesaikan adalah keperluan kemudahan prasarana dan kebajikan pelajar.


b. Penentuan Tahap Kepuasan Pelajar dan Pihak Berkepentingan

FSPU menggunakan berbagai kaedah untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan utamanya bagi mendapatkan maklumat seperti berikut:

(1) Kehendak pelajar

Jadual 3.2. Sistem pengukuran kepuasan pelajar dan pihak berkepentingan

SISTEM PENGUKURAN KEPUASAN PELAJAR DAN PIHAK BERKEPENTINGAN	
e-Aduan Sistem ini membolehkan pelajar dan pihak berkepentingan mengutarakan secara langsung segala permasalahan, pujian pandangan dan cadangan kepada FSPU. Sistem yang dipantau oleh bahagian korporat membantu mengenalpasti kehendak dan keperluan pelanggan	SuFO Setiap pelajar yang menilai pensyarah secara atas talian menguna SuFO. Maklumat yang diperolehi ini digunakan untuk mengenalpasti kelemahan pensyarah sepanjang proses P&P serta prasarana. Melaluinya penambahbaikan dilakukan untuk semester berikutnya supaya ia menepati kehendak pelanggan.
Entrance and Exit Survey Soalselidik ini mengenalpasti tahap kefahaman pelajar yang boleh membantu pensyarah menilai kaedah pengajaran dan pembelajaran terbaik untuk meningkatkan keupayaan pengajaran oleh pensyarah terhadap pelajar.	Soal selidik persepsi pelajar terhadap system pengurusan kualiti Ia adalah soalselidik secara dalam talian yang diedarkan oleh INQKA kepada para pensyarah dan pelajar untuk penambahbaikan sistem pengurusan kualiti FSPU yang dikawalselia oleh FSPU.



Rajah 3.2 Jumlah Kerosakan di FSPU

(2) Kehendak Masyarakat


Fakulti memainkan peranan penting bagi memenuhi kehendak pasaran di mana, FSPU telah menfokuskan tumpuan kepada masyarakat dengan memberi peluang untuk menjalankan perhubungan antara pelanggan.

i. Kepuasan pelanggan semasa sesi temuduga pelajar baru

Fakulti telah mengadakan kajian soal selidik terhadap kepuasan pelanggan semasa sesi temuduga pelajar baru bagi kemasukan setiap semester. Borang Soal selidik tahap kepuasan pelanggan telah diedarkan kepada ibu bapa dan calon temuduga bagi menilai tahap perkhidmatan yang ditawarkan.

Sesi Temuduga dan Ujian lukisan bagi pelajar baru merupakan salah satu inisiatif fakulti untuk memberi perkhidmatan cemerlang kepada pihak yang berkepentingan.

Fakulti telah mewujudkan satu sistem yang dinamik bagi melancarkan sesi berkenaan. Berikut adalah penilaian terhadap tahap kepuasan pelanggan dan pihak yang berkepentingan.



Rajah 3.3 Bilangan Calon Temuduga yang Mengisi Borang Maklumbalas

Jadual 3.4 Tahap Kepuasan Calon Temuduga semasa Sesi Temuduga 2013

	Layanan Staf	Sesi Pendaftaran	Sesi Taklimat Kepada Calon	Proses Ujian Lukisan	Proses Temuduga	Perkhidmatan Keseluruhan
Lelaki	3.65	3.59	3.65	3.63	3.69	3.67
Perempuan	3.57	3.53	3.52	3.50	3.38	3.47
Jumlah Min	3.61	3.56	3.58	3.56	3.63	3.56

(3) Kehendak Majikan Dan Industri

Bagi memastikan program-program akademik dan bukan akademik yang disediakan memenuhi kehendak industri, fakulti mengambil langkah dengan mengadakan hubungan dan jaringan industri di dalam dan di luar negara. Di antara kaedah yang dilakukan adalah melalui:

Maklumbalas dari industri mengenai tahap *soft skill* pelajar semasa sesi temuduga bersama majikan dan maklumbalas industri mengenai tahap kemampuan pelajar melalui latihan industri adalah penting untuk melahirkan graduan yang berkualiti. Bagi memastikan pelajar mempunyai nilai dan etika serta kemahiran yang diperlukan oleh majikan, laporan dari majikan akan diambil kira bagi penilaian pelajar bagi subjek latihan amali. Malahan fakulti akan sentiasa memantau kualiti dan tahap keupayaan pelajar menghadapi dunia pekerjaan. Maklumbalas pelajar terhadap latihan praktik yang disediakan turut diambil kira untuk penambahbaikan di masa dating. Disertakan sampel maklumbalas pelajar dari Pusat Pengajian Senibina Landskap terhadap latihan praktik yang telah dihadiri.

Jadual 3.5.1 Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Kesesuaian Pejabat

Kesesuaian Organisasi / Pejabat			
Jantina	Jumlah kakitangan teknikal dengan bebanan kerja	Keselesaian ruang pejabat	Kemudahan peralatan dalam pejabat
Lelaki (n=5)	3.20	3.00	3.40
Perempuan (n=11)	2.91	3.09	2.82
Jumlah Min	3.00	3.06	3.00

Jadual 3.5.2 Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Skop Kerja

Skop Kerja					
Jantina	Kesesuaian tugas yang diberi mengikut bidang pelajar	Had masa dengan tugas yang diberikan	Kekerapan kerja lebih masa	Penglibatan dalam proses rekabentuk hingga peringkat akhir dalam projek landskap	Bebanan kerja
Lelaki (n=5)	3.80	3.60	3.20	3.20	3.20
Perempuan (n=11)	3.36	3.18	3.09	3.09	3.09
Jumlah Min	3.50	3.31	3.13	3.13	3.13

Jadual 3.5.3 Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Bimbingan dari Penyelia Organisasi

Bimbingan dari Penyelia Organisasi				
Jantina	Kesesuaian tugas yang diberi mengikut bidang pelajar	Had masa dengan tugas yang diberikan	Kekerapan kerja lebih masa	Penglibatan dalam proses rekabentuk hingga peringkat akhir dalam projek landskap
Lelaki (n=5)	3.80	3.60	3.60	3.60
Perempuan (n=11)	3.45	3.36	3.36	3.27
Jumlah Min	3.56	3.44	3.44	3.38

3.2 PENGLIBATAN PELANGGAN

a) Program Pendidikan dan Perkhidmatan Serta Sokongan Pelajar dan Pihak Berkepentingan

1) Semakan kurikulum secara berkala

Kaedah yang dijalankan oleh FSPU didalam mengenalpasti kualiti dalam pembelajaran dan pengajaran telah diadakan iaitu dengan mengadakan semakan kurikulum oleh setiap jabatan bagi 4 - 5 tahun sekali. Ini bertujuan untuk memastikan silibus memenuhi keperluan industri. Semakan kurikulum dilakukan dengan mengambil kira elemen kemahiran insaniah, untuk memastikan program mengaplikasikan konsep Outcome Based Education (OBE) yang menitikberatkan 3 domain pembelajaran iaitu kognitif, psikomotor dan efektif serta diseliasemak kualiti kandungan silibus selaras dengan kehendak badan professional seperti berikut:

- LAM (Lembaga Arkitek Malaysia),
- RISM (The Royal Institution of Surveyors Malaysia),
- ILAM (Institute of Landscape Architects Malaysia),
- BQSM (Board of Quantity Surveyors Malaysia) dan
- BoVAEA (The Board of Valuers, Appraisers and Estate Agents Malaysia).

2) Program bersifat motivasi dan inovatif

Pelajar bukan sahaja diajar secara teori, malahan diwajibkan untuk membuat latihan amali dan lawatan ke industri bagi memberi gambaran sebenar kepada pelajar mengenai keperluan subjek. Malahan sesi ceramah oleh golongan profesional sering diadakan yang dikendalikan oleh Pusat Pengajian seperti berikut:

i. **Lawatan ke Industri**

Beberapa lawatan ke Industri telah dilakukan oleh Pelajar Sarjana Sains Pengurusan Projek Pembinaan Bersepadu (AP776) bagi melihat isu-isu dalam bidang projek pembinaan.

ii. **'Survey Camp' Pelajar Jabatan Sains Ukur Geomatik.**

Kaedah ini untuk memberi pendedahan kepada pelajar di kajian tapak bagi tempoh hampir 2 bulan. Khemah ukur (*Survey Camp*) wajib dihadiri oleh setiap pelajar jabatan selama 3 semester berturut semasa cuti semester. Pelajar akan membuat kerja-kerja ukur di tapak kajian seperti di laut, hutan dan gunung mengikut kesesuaian kursus dengan penyeliaan pensyarah.

iii. **Lawatan Akademik**

Bagi memastikan fakulti menjalinkan kerjasama erat dengan industri, lawatan akademik di dalam dan di luar negara telah dan akan dirancang oleh jabatan dengan memastikan lawatan akademik yang ingin dijalankan relevan dengan keperluan dan kehendak bagi melahirkan pelajar profesional.

iv. **Jaringan industri**


Fakulti menjalinkan kerjasama erat dengan industri dan universiti di dalam dan di luar negara untuk memartabatkan lagi professionalism dalam akademik di FSPU seperti MoU dengan CIDB dan *University of Salford*, UK.

v. **Program latihan teknikal, pembuatan dan kemahiran**


Kaedah ini untuk memberi pendedahan kepada pelajar untuk program latihan pembuatan inovatif secara amali, contohnya program membuat perabot buluh dan rotan untuk kursus senibina dalaman.

vi. **Latihan Kemahiran Insaniah**

Latihan ini diadakan untuk pelajar meningkatkan kemahiran insaniah mereka. Rajah 3.4 dan 3.5 menunjukkan peratusan tahap kemahiran insaniah pelajar.



Rajah 3.4. Graf Penilaian Tahap Kompetensi Kemahiran Insaniah (KI) Kemahiran Berkomunikasi di Kalangan Pelajar FSPU, UiTM



Rajah 3.5. Graf Penilaian Tahap Kompetensi Kemahiran Insaniah (KI) Kemahiran Kerja Berpasukan di Kalangan Pelajar FSPU, UiTM

vii. Program *Finishing School* FSPU

Seramai 51 pelajar telah menyertai Program Finishing School FSPU pada 6-7 April 2013. Program ini bertujuan untuk Memantapkan Tahap Kompetensi Kemahiran Insaniah (KI) Pemikiran Kritis & Kemahiran Menyelesaikan Masalah di Kalangan Pelajar UiTM.

Semua program yang dilaksanakan di atas melibatkan pelajar, pensyarah, fakulti dan industri terbabit untuk memastikan kejayaan program tersebut memberi impak kepada pelajar dan pensyarah dari segi peningkatan pengetahuan, jatidiri, kemahiran dan motivasi.

3) Peningkatan program

Program-program FSPU telah mendapat pengiktirafan daripada badan-badan profesional peringkat nasional seperti LAM (Lembaga Arkitek Malaysia), RISM (The Royal Institution of Surveyors Malaysia), ILAM (Institute of Landscape Architects Malaysia), BQSM (Board of Quantity Surveyors Malaysia) dan BoVAEA (The Board of Valuers, Appraisers and Estate Agents Malaysia). Selain daripada itu, FSPU juga telah mendapat pengiktirafan daripada badan-badan profesional peringkat antarabangsa seperti Royal Institute of Chartered Surveyors (RICS), Chartered Institute of Building (CIOB), International Federation of Interior Architects (IFI) dan Royal Institute of British Architects (RIBA). Staf di FSPU juga ada yang dilantik untuk menjadi ahli lembaga Pacific Real Estate Society (PRESS), pemeriksa luar University of Western Sydney dan Lincoln University.

Terdapat juga staf FSPU yang dilantik menjadi profesor pelawat contohnya profesor pelawat di King Mongkut's Institute of Technology Ladkrabang, Thailand. Di dalam negara ramai staf FSPU terlibat sebagai ahli panel penilai MQA, penilai pengelasan hotel Kementerian Pelancongan Malaysia (MoTOUR), ahli lembaga LAM & CAAEM LAM.

Usahasama dan kerjasama bersama FSPU dengan organisasi dalam dan luar negara juga dimeterai seperti Memoranda Persefahaman (MoU) dengan Malaysian Institute of Planners / Federal Department of Town & Country Planning, King Mongkut's Institute Technology Ladkrabang (Bangkok), Universitas Pancasila (Indonesia), Universitas Gadjah Mada (Indonesia), Eastern Mediterranean University (North Cyprus), Istanbul Technical University (Turkey) dan Abu Dhabi University (UAE).

Pelajar-pelajar di FSPU juga telah memenangi 14 pertandingan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Bil.	Pertandingan	Tarikh	Peringkat	Medal /awards	Anjuran
1.	Competition Architecture : Buku di China		Antara bangsa	Anugerah Pelajar Terbaik RISM	RISM
2.	Pertandingan Photojournalism sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia 2013		Antara bangsa	Tempat Pertama Tempat Kedua Tempat Ketiga	RISM
3.	Novel Research and Innovation Competition (NRIC)	19-23 Ogos 2013	Nasional	1 emas, 4 perak dan 6 gangsa daripada 17 penyertaan	USM
4.	National Geomatic Competition Student Award		Nasional	1 Gold Medal 2 Silver Medal 1 Bronze	RISM
5.	National Innovation Invention Design	11- 12 Dis. 2013	Nasional	2 Gold Medal 1 Special Awards	UiTM Perak

Bil.	Pertandingan	Tarikh	Peringkat	Medal /awards	Anjuran
6.	Anugerah Lembaga Jurukur Bahan Malaysia Untuk Disertasi		Nasional	Thesis Terbaik Pelajar Ukur Bahan Institusi Pengajian Tinggi	UiTM
7.	Pertandingan Idea Rekabentuk Cadangan Lanskap Laman Parlimen Malaysia dan Lakaran Bangunan Parlimen		Nasional	Tempat Pertama Tempat Ketiga	Kerajaan Malaysia
8.	Greentech House Competition, GTH 2013		Nasional	1st Prize	GTH
9.	Invention, Innovation & Design – IIDEX 2013		Nasional	Gold Medal Silver Medal	UiTM Shah Alam,
10.	Winner Ikon Varsiti BH		Nasional	Individual Category: Design-Creativity	Berita Harian
11.	Pertandingan Merekabentuk Blok Akademik untuk MDAB		Nasional	Second Fourth Sixth	MDAB
12.	PAM Architecture Student Workshop and Exhibition 2013 at ONE Utama		Nasional	First Prize: Booth Design First Prize: Model Making Best Student Awards	PAM
13.	Top 10 Finalist Tan Sri Ar. Chan Sau Lai Architecture Student Award 2013		Nasional	Special Mention Finalist	PAM
14.	MSSA Open Ideas Competition 2013		Nasional	3 rd – 5 th Prize	CIDB



Tempat Pertama, Greentech House Competition, GTH 2013





Pemenang Ikon Varsiti BH, Berita Harian

4) Mentor-mentee

Fakulti menfokuskan konsep bimbingan bertujuan untuk memberi khidmat nasihat bukan sahaja kepada pelajar malah kepada pesyarah muda. Semua pelajar akan dibimbing oleh pensyarah terpilih yang dikenali sebagai mentor melalui kaedah janjitemu dan tutor. Manakala bagi tenaga pengajar pula, pensyarah muda akan dibimbing oleh pensyarah kanan melalui bimbingan penyelidikan. Nisbah bagi mentor-mentee pensyarah dengan pelajar adalah 1:15 dan nisbah pensyarah muda dengan pensyarah kanan ialah 1:1.

5) Maklumbalas pelajar terhadap staf akademik

Bagi memastikan kaedah penyampaian dan pengajaran tenaga pengajar dapat difahami oleh pelajar. Pihak fakulti telah mewajibkan agar semua pelajar wajib mengisi Student Feedback Online (SuFO). Hasil dari maklumbalas tersebut akan membantu fakulti untuk membuat penambahbaikan dari segi kualiti mengajar

6) Tumpuan kepada Pembangunan dan Kepimpinan Pelajar

Pembangunan dan kepimpinan pelajar menjadi asas kepada peningkatan kualiti pelajar. Bagi meningkatkan kepimpinan ini, pihak FSPU telah merangka pelbagai aktiviti terutamanya yang melibatkan penglibatan pelajar di dalam persatuan dalaman pelajar di FSPU. Pelajar-pelajar yang terlibat aktif di dalam persatuan telah diberi penerangan agar melaksanakan program yang memberi impak yang tinggi yang secara tidak langsung dapat membentuk pembangunan dan kepimpinan pelajar tersebut.

7) Pemantauan Penggunaan Tabung Amanah Pembangunan Pelajar (TAPA)

Setiap permulaan semester, pihak Fakulti akan mengeluarkan Jadual Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Pembangunan Pelajar (TAPA) di mana mesyuarat ini

akan meluluskan peruntukan kewangan yang dimohon oleh pelajar-pelajar samada dari persatuan dalaman atau pusat pengajian masing-masing. Selain bertindak di dalam proses kelulusan peruntukan, Jawatankuasa ini juga akan memantau penggunaan TAPA untuk setiap bulan agar ianya dapat digunakan secara sama rata serta tidak berlaku lebihan atau kekurangan bajet di akhir semester nanti.

Jadual 3.4. Aktiviti pelajar FSPU

Bil.	Pusat Pengajian	Mac-Julai 2013 (RM)	Sept. 2013 – Jan. 2014 (RM)
1	Perancang Bandar dan Wilayah	32,043	23,162
2	Senibina	32,100	33,497
3	Ukur Bahan	25,130	26,318
4	Pengurusan Hartanah	10,525	22,355
5	Pengurusan Pembinaan	16,093	26,260
6	Senibina Dalaman	9,060	18,790
7	Senibina Landskap	11,026	16,792
8	Pengurusan Taman dan Ameniti	17,025	30,091
9	Ukur Bangunan	24,411	23,185
10	Sains Ukur dan Geomatik	24,601	26,955
11	Siswazah	16,994	21,435
Jumlah		219,008	268,840

Aktiviti umum FSPU membelanjakan sebanyak RM 275,962.00, manakala kegiatan semua aktiviti pelajar telah membelanjakan sebanyak RM 487,848.00 (rujuk jadual 3.4). Untuk tahun 2013, sebanyak 348 aktiviti telah dijalankan dengan jumlah pembiayaan TAPA sebanyak RM 763,810.00. Ini juga telah menunjukkan bahawa, pelajar-pelajar FSPU aktif di dalam melaksanakan aktiviti persatuan dalaman yang secara tidak langsung juga menggambarkan bahawa pihak FSPU menggalakkan pelajar supaya menceburkan di dalam aktiviti persatuan bagi peningkatan kualiti kemahiran Insaniah di dalam diri masing-masing.

8) Majlis penyampaian Sijil Anugerah Dekan

Majlis penyampaian Sijil Anugerah Dekan diadakan setiap semester bagi menghargai pelajar-pelajar yang cemerlang di dalam akademik dengan mendapat keputusan peperiksaan GPA 3.50 di dalam semester sebelumnya. Penyampaian sijil Dekan ini disampaikan oleh Dekan sendiri. Seramai lebih kurang di antara 980 pelajar FSPU penerima Sijil Anugerah Dekan ini. Dengan adanya majlis ini secara tidak langsung juga akan meningkatkan lagi motivasi serta semangat semua pelajar di dalam mencapai keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan akhir semester.

Jadual 3.5. Anugerah Dekan pelajar FSPU 2013

Bil.	Pusat Pengajian	Anugerah Dekan/APF	ANC/ASC
1	Perancang Bandar dan Wilayah	48	0
2	Senibina	74	2
3	Ukur bahan	109	0
4	Pengurusan Hartanah	100	4
5	Pengurusan Pembinaan	76	2
6	Senibina Dalaman	150	1
7	Senibina Landskap	71	1
8	Pengurusan Taman dan Ameniti	59	3
9	Ukur Bangunan	78	2
10	Sains Ukur dan Geomatik	120	2
11	Siswazah	74	4
Jumlah		959	21

9) Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar

Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar atau lebih dikenali sebagai Majlis Pra-Graduan (MPG) merupakan majlis yang diadakan bagi setiap semester bagi meraikan

semua pelajar semester akhir serta memberi penganugerahan kepada pelajar semester akhir yang cemerlang di dalam bidang akademik. Di dalam majlis anugerah ini juga akan memberi pengiktirafan kepada persatuan-persatuan dalaman pelajar yang cemerlang di dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti persatuan sepanjang semester tersebut.

Semua aktiviti persatuan dalaman pelajar yang telah diadakan sepanjang semester akan dinilai dari sudut 5P iaitu perancangan, promosi, pelaksanaan, penyeliaan dan laboran program. Kategori-kategori yang akan dipertandingkan adalah Anugerah Persatuan terbaik kategori OPKIM, Akademik, Kreatif dan Inovatif, Aktif dan Kerohanian.

Jadual 3.6. Anugerah Persatuan Dan Aktiviti Pelajar Terbaik FSPU 2013

Bil	Kategori	Sem mac-julai 2013	Sem september - januari 2014
		Nama persatuan	Nama persatuan
1	Kategori ilmiah /akademik	Archisa	Emas
2	Kategori kreatif dan inovatif	Ideas	Archisa
3	Kategori khidmat masyarakat	Perubahan	Builders
4	Kategori kerohanian	Builders	Emas
5	Kategori keusahawanan	Pams	Pams
6	Terbaik keseluruhan	Builders	Emas
7	Penasihat persatuan terbaik	PM Hjh Zaiton Main (emas)	PM Hjh Zaiton Main (emas)
8	Presiden persatuan terbaik	Rafiuddin Roslan (solar)	Emas

10) Penyeliaan Pelanggan dan Pihak Berkepentingan

i. Tatatertib Disiplin Pelajar

Pihak Fakulti sangat menitikberatkan disiplin dan sahsiah rupadiri pelajar. Pada tahun 2013, pihak pengurusan Hal Ehwal Pelajar Fakulti, telah menjalankan Ops Sahsiah Rupadiri dengan kerjasama pihak Polis Bantuan. Ops Sahsiah Rupadiri ini telah dibuat 2 kali untuk satu semester. Pelajar-pelajar yang tidak mematuhi peraturan sebagai seorang pelajar UiTM seperti tidak memakai tanda nama, berambut panjang, memakai selipar dan kesalahan-kesalahan lain akan dikenakan kompaun yang akan dikeluarkan oleh Pegawai yang bertugas. Selain itu juga, kesalahan akademik seperti membawa nota ke dalam bilik peperiksaan juga akan dibawa ke Lembaga Tatatertib Fakulti untuk perbincangan.

Jadual 3.12 Laporan Tatatertib 2013

BIL	KESALAHAN	SESI MAC-JULAI 2013	SESI SEPTEMBER -JANUARI 2014	JENIS HUKUMAN	JUM LAH
1	Peperiksaan	8	7	1 Orang pelajar dikenakan amaran keras didenda RM 500 14 Orang pelajar dikenakan amaran keras dan digantung satu semester	15
2	Sahsiah rupadiri	6	0	Semua pelajar dikenakan amaran dan didenda rm 50.00	6
Jumlah keseluruhan					21

ii. Alumni

Fakulti menjalin kerjasama erat dengan Alumni dengan membabitkan penglibatan mereka di dalam aktiviti akademik dan bukan akademik Fakulti. Setiap Jabatan melantik seorang pensyarah sebagai Koordinator Alumni Jabatan. Koordinator adalah bertanggungjawab untuk memastikan jalinan berterusan antara fakulti dan alumni.

iii. Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) FSPU

Proses pilihanraya bagi memilih Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) FSPU telah diadakan pada 22 November 2013 di mana seramai 3 orang calon pelajar

bertanding di dalam pilihanraya kali ini. Peratusan keluar mengundi adalah sebanyak 53% dan melibatkan keseluruhan pelajar FSPU seramai 4595 orang. Pihak Fakulti telah mengadakan beberapa inisiatif untuk menggalakkan pelajar-pelajar keluar mengundi iaitu seperti mengadakan program Rapat Umum bersama calon-calon serta telah mengedarkan Badges FSPU kepada pelajar-pelajar yang telah membuat pembuangan undi.

Seramai 30 orang staf terlibat yang terdiri dari staf pentadbiran dan staf akademik yang dilantik sebagai Urusetia Pilihanraya tahun ini. Jawatankuasa yang terlibat dibawah pemantauan Timbalan Dekan (HEP):

- Jawatankuasa Pembuangan Undi
- Jawatankuasa Keselamatan
- Jawatankuasa Teknikal
- Jawatankuasa Kecil Pembuangan Undi

iv. Sukan Antara Fakulti (SAF) 2013

Setiap tahun pihak Pusat Sukan UiTM Shah Alam akan menganjurkan Sukan Antara Fakulti (SAF) di mana ianya akan melibatkan penyertaan pelajar-pelajar untuk mewakili Fakulti masing-masing bagi bertanding di dalam acara yang disertai.

Pihak Fakulti telah berjaya mengekalkan pencapaian 2011 dan 2012 sebagai Naib Johan Sukan Antara Fakulti (SAF) untuk tahun 2013. Pencapaian sebagai Naib Johan 2013 di belakang Fakulti Sains Sukan Rekreasi (FSR) adalah pencapaian yang baik disebabkan berjaya mengekalkan prestasi 2012. Untuk tahun 2012 FSPU mendapat 239 mata manakala untuk 2013 mendapat 226 mata dengan sedikit penurunan mata. Ini juga telah menunjukkan bahawa aktiviti sukan yang dijalankan oleh setiap persatuan di dalam FSPU telah berjaya meningkatkan lagi kualiti pelajar yang bertanding di samping pengurusan yang cekap.

Jadual 3.7. Pencapaian Kemenangan dalam SAF 2013

KUTIPAN MATA
KEJOHANAN SUKAN ANTARA FAKULTI UiTM
(SAF) 2013

TARIKH : 20 / 11 / 2013
MASA DIKEMASKINI : 11.30 PAGI

BIL	FAKULTI	JOHAN	N.JOHAN	KE-3	KE-3 BERSAMA	KEEMPAT	SUKU AKHIR	MENYERTAI	MENARIK DIRI	JUMLAH MATA	KEDUDUKAN								
1	FSR	22	264	6	48	3	18	7	35	2	8	5	10	6	6	0	0	389	1
2	FSPU	9	108	5	40	2	12	3	15	4	16	8	16	19	19	0	0	226	2
3	FSKM	3	36	3	24	4	24	6	30	2	8	7	14	23	23	0	0	159	3
4	EDU	4	48	3	24	0	0	6	30	2	8	12	24	22	22	0	0	156	4
5	FKM	4	48	4	32	2	12	0	0	4	16	10	20	16	16	0	0	144	5
6	FP	0	0	7	56	2	12	3	15	4	16	10	20	22	22	0	0	141	6
7	FSPPP	4	48	2	16	0	0	2	10	0	0	8	16	26	26	0	0	116	7
8	FKK	2	24	1	8	1	6	7	35	0	0	7	14	29	29	1	-5	111	8
9	FSG	0	0	2	16	0	0	8	40	2	8	2	4	34	34	2	-10	92	9
10	FUU	0	0	3	24	3	18	2	10	1	4	9	18	25	25	5	-25	74	10
11	FPA	0	0	1	8	2	12	1	5	2	8	11	22	28	28	2	-10	73	11
12	MEDIC	1	12	3	24	0	0	2	10	0	0	2	4	20	20	0	0	70	12
13	FKE	0	0	1	8	2	12	5	25	0	0	7	14	21	21	3	-15	65	13
14	FKPM	2	24	0	0	0	0	2	10	0	0	3	6	30	30	2	-10	60	14
15	APB	1	12	0	0	2	12	2	10	0	0	3	6	25	25	1	-5	60	15
16	FPP	2	24	3	24	0	0	3	15	0	0	9	18	23	23	9	-45	59	16
17	FSSR	0	0	3	24	0	0	1	5	0	0	4	8	24	24	1	-5	56	17
18	FKA	0	0	3	24	0	0	2	10	0	0	1	2	17	17	4	-20	33	18
19	PPHP	0	0	0	0	0	0	1	5	0	0	2	4	13	13	6	-30	-8	19
20	MUZIK	0	0	1	8	0	0	0	0	0	1	4	0	13	13	7	-35	-10	20
21	FGIGI	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	12	12	7	-35	-23	21
JUMLAH		54		51		23		63		24		120		448		50			

Kejohanan Bolasepak Piala Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) dan Piala Pengarah Pembangunan Pelajar (PPP)

Kejohanan Bolasepak Piala Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) dan Piala Pengarah Pembangunan Pelajar (PPP) telah dianjurkan oleh Pusat Sukan UiTM Shah Alam dari bulan Mei-Jun 2013 yang melibatkan penyertaan pelajar dari Fakulti, Kelab, Persatuan Dalaman serta Kolej. Anggaran sebanyak 30 pasukan

telah menyertai kedua-dua Kejohanan Bolasepak ini. Pihak Fakulti juga telah menghantar 2 Pasukan bolasepak untuk menyertai kedua-dua Piala ini.

Pasukan Bolasepak FSPU telah mendapat Naib Johan di dalam Piala Timbalan Naib Canselor (HEP) manakala FSPU B telah mendapat Tempat Ke suku akhir di dalam Piala Pengarah Pembangunan Pelajar (PPP).

Jadual 3.8. Pencapaian sukan antara fakulti (SAF) 2013

Bil.	Permainan	Wanita	Lelaki
1	Bola Baling	Pusingan Kedua	Pusingan Kedua
2	Badminton (Berpasukan)	Suku Akhir	Johan
3	Bolasepak (5 Sebelah)	Naib Johan	Suku Akhir
4	Tenpin Bowling	Pusingan Awal	Pusingan Awal
5	Hoki	Peringkat Kumpulan	Ketiga Bersama
6	Bola Tampar	Pusingan Kedua	Peringkat Kumpulan
7	Skuasy (Individu)	Johan	Pusingan Awal
8	Sepaktakraw Antara Regu	Naib Johan	Suku Akhir
9	Senamrobik	Johan	Pusingan Awal
10	Ping Pong	Suku Akhir	Peringkat Kumpulan
11	Boling Padang Berempat	Naib Johan	Naib Johan
12	Tarik Tali	Johan	Johan
13	Larian Saf	Johan	Tempat Ketiga
14	Catur	Pusingan Awal	Pusingan Awal
15	Tenis (Individu)	Pusingan Awal	Tempat Ketiga
16	Bola Keranjang	Suku Akhir	Pusingan Awal
17	Renang	Keempat	Pusingan Awal
18	Petanque	Peringkat Kumpulan	Pusingan Kedua
19	Frisbee	Suku Akhir	Peringkat Kumpulan
20	Ragbi (10 Sebelah)	-	Johan
21	Ragbi Sentuh (Wanita)	Pusingan Awal	-
22	Bola Jaring	Tempat Ketiga Bersama	-
23	Kayak	Naib Johan	Johan & Naib Johan
24	Indoor Rowing	2 Johan & Keempat	Pusingan Awal
25	Softball	Suku Akhir	Suku Akhir
26	Memamah	Keempat	Keempat
27	Berbasikal	Ketiga Bersama	Keempat



FSPU Naib Johan SAF 2013

11) Program dan Perkhidmatan

i. *Tatatertib Disiplin Pelajar*

Fakulti amat menitikberatkan disiplin dan sahsiah rupadiri pelajar. Fakulti telah mengamalkan konsep bimbingan dan nasihat bukan dalam bentuk hukuman bagi melahirkan pelajar yang berdisiplin dan beretika. Pelajar-pelajar yang didapati melanggar peraturan disiplin akan diambil tindakan tatatertib.

ii. *Khidmat nasihat pelajar dan peluang kerjaya*


Pihak fakulti sedaya upaya berusaha untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan khususnya kepada pelajar di Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur. Antara inisiatif yang telah dilakukan adalah memberi keselesaan kepada pelajar dalam mendapatkan khidmat kaunseling tanpa perlu ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) di Bangunan Budisiswa, dengan menempatkan seorang kaunselor di fakulti, ia sekaligus dapat memberi kesan yang positif terhadap pelajar dalam mendapatkan maklumat serta tips daripada kaunselor samada melalui sesi kaunseling dan sesi bimbingan yang dijalankan.

Bermula dari 1 Julai 2010, seorang kaunselor telah ditempatkan di Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur secara sepenuh masa dan ini memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dengan kaunselor secara lebih dekat dan mudah. Peranan kaunselor amat penting dalam melahirkan mahasiswa yang mempunyai pemikiran yang holistik bagi melahirkan generasi yang bukan sahaja berorientasikan akademik malah mengabungkan elemen-elemen spiritual dan kemahiran insaniah yang mana telah diterapkan bersama kepada pelajar.

Dalam menjalankan sesi kaunseling di Fakulti, Akta Kaunselor 1998 dan Kod Etika Kaunselor adalah sentiasa menjadi rujukan utama bagi kaunselor dalam menjamin keberkesanan perkhidmatan sesi kaunseling yang diberikan. Pada tahun 2013 juga, kaunselor Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur telah mendapat Sijil Pendaftaran Kaunselor dan Perakuan Amalan Dwi Tahunan (KBPA) dari pihak Lembaga Kaunselor Malaysia yang merupakan aspek yang paling penting untuk menjaga bidang Profesional Kaunselor dalam member perkhidmatan kaunseling kepada pelajar. Antara perkhidmatan yang diberikan oleh kaunselor di fakulti adalah seperti kaunseling individu dan kaunseling kelompok disamping sesi bimbingan individu dan bimbingan kelompok yang melibatkan isu berkenaan kerjaya pelajar.

Sepanjang tempoh tahun 2013, seramai 774 orang pelajar telah mendapatkan perkhidmatan kaunselor di Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur. Jumlah keseluruhan kes kaunseling telah dibahagikan kepada enam kategori yang asas

iaitu kategori iaitu peribadi, kerjaya, akademik, sosial, keewangan dan lain-lain kes yang berkaitan dengan permohonan cuti khas, sesi konsultasi, pengesahan sijil pelajar dan perkhidmatan yang berkaitan dengan pentadbiran.



Rajah 3.6. Bidang perkhidmatan kaunselor di FSPU


Bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan, Kaunselor di fakulti juga turut menyumbang kepada Pusat Kerjaya dan Kaunseling Bahagian Hal Ehwal Pelajar bagi menyediakan platform kepada pelajar untuk berinteraksi dengan majikan melalui sistem Jobshop Uitm. Para pelajar yang mendaftar dengan sistem Jobshop boleh mendapatkan maklumat kerjaya secara online dengan mudah secara tidak langsung, para pelajar boleh mendapatkan maklumat mengenai kekosongan jawatan di syarikat-syarikat yang berdaftar dengan jobshop uitm. Manakala bagi pihak majikan, mereka mampu untuk mengenalpasti calon-calon yang layak untuk mengisi kekosongan jawatan disyarikat mereka dengan hanya mendaftar dengan Jobshop UiTM. Berikut adalah rangkaian yang boleh dimanfaatkan oleh para pelajar untuk mendapatkan maklumat mengenai kerjaya di <http://www.jobshop.uitm.edu.my/>

12) Tumpuan kepada Industri

Fakulti memfokuskan kerjasama erat bersama industri dengan memastikan, pelajar diberikan pendedahan kepada suasana sebenar dunia industri dari dalam dan luar negara. Mekanisme yang digunakan adalah lawatan ke tapak kajian, penyertaan didalam pertandingan, konferensi, latihan praktikal serta penyertaan dalam badan profesional.

i) Jalinan dengan Pihak Industri Dalam Negara

FSPU adalah antara fakulti yang dapat menjana serta penyumbang utama daripada bidang perundingan bagi tahun 2013. Selain itu 'Industrial attachment' untuk pensyarah bagi pensyarah muda dibawah skim Vice Chancellor Special Project (VCSP). Tujuan perlaksanaan program ini adalah untuk meningkatkan kepakaran dan kompetensi dalam bidang tertentu serta hubungan universiti dengan industri. Berikut adalah contoh perundingan yang telah dilaksanakan oleh Fakulti:



Jadual 3.9 Antara Projek Perundingan yang dilaksanakan oleh FSPU pada 2013

Bil.	Nama	Tajuk Konsultansi	Jumlah (RM)	Rujukan	Tarikh
1	Prof. Madya Dr. Jasmee Jaafar	Membangun dan mewujudkan pengkalan data hartanah UiTM kampus Shah Alam menggunakan GIS	89,500	100-RMI 37/7/3133	20.2.2013 hingga 22.6.2013
2	Prof. Madya Dr. Khoiri Mohd. Dimiyati	Taxi counter terminal stock take and detail taxi fair study due diligence study for peninsular malaysia	4,550	100-RMI 37/7/3181	7.1.2013 hingga 30.5.2013
3	Prof. Madya Dr. Jasmee Jaafar	Penyelidikan mengurus projek secara efektif, Maktab Koperasi Malaysia	6,040	100-RMI 37/7/3184	21.5.2013 hingga 23.5.2013
4	Prof. Madya Dr. Jasmee Jaafar	Pengkalan data hartanah UiTM kampus Shah Alam menggunakan GIS	115,000	100-RMI 37/7/3209	7.3.2013 hingga 31.12.2013
5	Prof. Madya Dr. Habsah Hashim	Cadangan melaksanakan penambahbaikan indikator gerbang MURNINET Wilayah Persekutuan menggunakan kriteria liveable cities	222,712	100-RMI 37/7/3133	20.3.2013 hingga 20.10.2013
6	Dr. Mohd Zafrullah Mohd taib	Pembangunan Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti	500,000	PFSPU-100 (01/23/05/13)	29.7.2013 hingga 4.4.2014

ii. Jalinan dengan Pihak Industri Luar Negara

Fakulti menggalakkan pelajar menyertai organisasi luar untuk mendapatkan pengalaman melalui latihan praktikal di dalam dunia sebenar. Program latihan amali telah di masukkan kedalam silibus bagi menjalankan latihan amali di dalam dan luar Negara. Antaranya ialah MoU dengan *Construction Industry Development Board (CIDB) Malaysia* dan *University of Salford, United Kingdom*.

iii. Jalinan dengan Pihak Badan Profesional

Fakulti menfokuskan pelajar agar terlibat dengan badan-badan profesional di dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran profesional semasa sedang di dalam pengajian. Di antara kursus dan bengkel profesional yang melibatkan pelajar adalah Kursus *Green Card* yang dianjurkan oleh CIDB setiap semester bagi memberi maklumat tentang kepentingan keselamatan di tapak pembinaan disamping melayakkan pelajar berada di tapak pembinaan.

Fakulti juga akan membiayai yuran keahlian badan profesional seperti Yuran Keahlian, Yuran untuk menghadiri Seminar dan membiayai yuran pendaftaran.

13) Tumpuan Kepada Masyarakat

Selaras dengan saranan dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu menggalakkan penglibatan pelajar-pelajar di dalam aktiviti kemasyarakatan, pihak pengurusan Hal Ehwal Pelajar Fakulti juga telah memberi sokongan serta galakan kepada persatuan-persatuan dalaman pelajar FSPU untuk menggerakkan serta memperbanyakkan lagi aktiviti berbentuk kemasyarakatan yang juga akan memberi impak yang tinggi bukan sahaja kepada Fakulti tetapi juga kepada UiTM.

Penglibatan pelajar di dalam Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM) merupakan aktiviti untuk meningkatkan lagi pembangunan modal insan di samping melahirkan ramai lagi pelajar-pelajar yang mempunyai nilai jati diri yang kukuh serta menerapkan nilai-nilai murni di dalam membantu masyarakat sekeliling yang memerlukan bantuan. Secara tidak langsung juga, mereka akan lebih prihatin dengan keperluan masyarakat.

Jadual 3.10 Antara aktiviti khidmat masyarakat yang telah dijalankan oleh pelajar FSPU

Bil.	Aktiviti	Persatuan	Tarikh	Tempat
1.	Program Operasi Khidmat Masyarakat Teratak Ayahanda	GEOMASS	8 Jun 2013	Pusat Jagaan Siti Noraini
2.	Program Kebajikan dan khidmat Masyarakat	BUILDERS	25 Mei 2013	PPRT Lembah Pantai
3.	Orientasi Khidmat masyarakat	EMAS	6 Okt. 2013	Bentung Pahang
4.	Program Kebajikan dan kemasyarakatan	Park and Ameniti	2-3 Nov. 2013	Wakaf Desa Fahmi



4.0 PENGUKURAN, ANALISA DAN PENGURUSAN ILMU

4.1 Pengukuran, Analisis dan Penambahbaikan Prestasi

Pengukuran adalah satu proses yang positif, ia penting bagi mengukur pencapaian objektif yang menentukan halatuju, sebagai alat penetapan matlamat, pemantauan kriteria dan standad prestasi yang ditetapkan. Kriteria bagi pengukuran prestasi FSPU mengambil kira Visi UiTM untuk menjadi Universiti bertaraf dunia dan universiti penyelidikan.

FSPU meletakkan 6 petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators, KPI*) bagi mencapai visi tersebut. FSPU juga memberikan tanggungjawab kepada badan-badan yang berkaitan untuk mengumpul maklumat dan meletakkan mekanisma-mekanisma untuk menyemak prestasi dari masa ke semasa.

Petunjuk Prestasi	Badan Pengukur Prestasi	Mekanisma Penyemak Prestasi	Mekanisma Menyebar-luaskan KPI
- Objektif Kualiti - Hal Ehwal Akademik - Hal Ehwal Pelajar - Fasiliti - Kewangan - Perpustakaan - Perpustakaan	- Pusat Perancangan Strategik - Pusat Pengajian - HEA - RMI - Bendahari	- Mesyuarat Fakulti - Mesyuarat Pusat Pengajian - Mesyuarat Pentadbiran - Pemantauan Akademik - Pemantauan Prestasi Pentadbiran - Bengkel Perancangan Strategik	- Mesyuarat Fakulti - Laman sesawang - E-mel

KPI ini ditentukan melalui perbincangan dalam Bengkel Perancangan Strategik FSPU. KPI yang digunakan oleh Universiti terkemuka di dunia juga dijadikan penanda aras untuk memastikan bahawa FSPU dapat bersaing di peringkat global. Dalam bengkel Perancangan Strategik FSPU, kesemua bahagian fakulti diwakili Ketua Pusat Pengajian bagi memastikan KPI ini difahami dan diterima pakai oleh kesemua warga FSPU. Pendekatan ini adalah untuk memastikan proses pengumpulan maklumat sentiasa lancar.

Sebahagian besar maklumat bagi pengukuran prestasi diperolehi dari fakulti sendiri. Maklumat dari berbagai sumber ini diintegrasikan oleh koordinator-koordinator yang dilantik di peringkat fakulti.

a) Pengukuran prestasi

(1) Ukuran Prestasi

FSPU Shah Alam memilih, mengumpul dan mengintegrasikan data dan maklumat melalui empat kategori. Ini adalah selaras dengan objektif strategik dan pelan tindakan FSPU:

- Pentadbiran Am (staf dan pelajar)
 - Laporan Kualiti (audit)
 - Laporan Kualiti (tahunan)
 - Laporan Pembangunan & Kepimpinan Pelajar
 - Laporan Lawatan Akademik
 - Laporan Latihan Praktikum
- Kewangan
 - Laporan belanjawan
- Perjawatan (staf, staf- fail peribadi, pelajar)
 - Laporan keberadaan staf
 - Laporan keberadaan staf pentadbiran
 - Laporan kehadiran pelajar
 - Laporan bulanan staf pentadbiran
 - Laporan Penilaian Prestasi (maklumat pengajian)
 - Laporan Panel Penasihat Akademik & Pemeriksa Luar
 - Laporan Penilaian Kakitangan
 - Laporan Penilaian Kursus/ Seminar Dalam/ Luar Negara

- iv. Fungsi- fungsi utama (staf & pelajar)
 - Laporan Peperiksaan (Mesyuarat 'Post Mortem')
 - Laporan keputusan peperiksaan (mesyuarat jemaah)
 - Kertas kerja untuk mesyuarat Senat
 - Laporan bengkel Perancangan Strategik

Pengukuran prestasi di FSPU adalah berdasarkan objektif Kualiti, KPI bahagian Hal Ehwal Pelajar, bahagian Akademik, bahagian Kewangan, bahagian Fasilitas dan juga bahagian Perpustakaan.

Jadual 4.1: Pengukuran Prestasi Mengikut Objektif Kualiti FSPU

Objektif Kualiti/ Sasaran	Perkhidmatan Utama	Kekerapan Pengukuran
Mencapai pertambahan peratusan bilangan pelajar tamat pengajian dengan CGPA 3.50 ke 15%	Pengurusan dan Profesional	Setiap semester
Memastikan sekurang- kurangnya 90% pelajar sepenuh masa lulus dalam tempoh yang ditetapkan	Pengurusan dan Profesional	Setiap semester
Meningkatkan peratusan tenaga pengajar dengan kelayakan PhD kepada 60% dan kelulusan profesional kepada 40% pada tahun 2015	Pengurusan dan Profesional	Tahunan
Memastikan fakulti mendapat geran penyelidikan sebanyak RM1 juta setiap tahun	Penyelidikan	Tahunan
Mencapai penglibatan staf akademik dalam bidang penulisan dan penerbitan ilmiah/ kerja kreatif pada kadar purata satu per staf akademik setiap tahun.	Penerbitan	Tahunan

Jadual 4.2: Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP)

Perspektif	Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Perspektif Pelanggan	Sasaran	Kekerapan pengukuran
Modal Insan	Bilangan kehadiran pelajar ke Modul Kemahiran Insaniah	100%	Setiap semester
Maklum balas pelajar	Indeks kepuasan pelanggan	100%	Setiap semester
Aktiviti pelajar	Bilangan aktiviti pelajar (lawatan, bengkel, seminar)	100%	Tahunan
Tata tertib	Peratusan pelajar meniru, tidak menepati sahsiah rupa diri	0%	Setiap semester

Jadual 4.3: Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA)

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Perspektif	Kekerapan pengukuran	Pencapaian Jan 2013	Pencapaian Jun 2013
Peratus kegagalan kursus hendaklah kurang daripada 25%	Peperiksaan akhir	Setiap semester	Peratusan - 12% (Tercapai)	11%- (Tercapai)
Peratus ketidakhadiran dalam peperiksaan hendaklah kurang daripada 5%	Peperiksaan akhir	Setiap semester	Peratusan Tidak Hadir – 0.43% (Tercapai)	0.6%- (Tercapai)
Peratus pelajar gagal hendaklah kurang dari 3%	Peperiksaan akhir	Setiap semester	Peratusan Kegagalan – 1.54% (Tercapai)	1.93% - (Tercapai)
Peratus pelajar mendapat Anugerah Naib Canselor (ANC) hendaklah melebihi 1%	Peperiksaan akhir	Setiap semester	Peratusan ANC - 1.9% (Tercapai)	1.44%- (Tercapai)
Peratus pelajar mendapat Anugerah Dekan (AD) hendaklah melebihi 10%	Peperiksaan akhir	Setiap semester	Peratusan- 10.72% (Tercapai)	9.82%- (Tercapai)

Jadual 4.4: Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Melibatkan Bahagian Kewangan

Objektif Strategik	Petunjuk Utama (KPI)	Mekanisme Pengukuran	Sasaran
Memperkemas pengurusan kewangan dan harta benda: - Elaun perjalanan staf - Utiliti - Sewaan - Bekalan minuman - Bahan/ bekalan bengkel - Bahan/ bekalan lain - Pembaikan/ penyelenggaraan - Perkhidmatan - Harta - Seminar/ kursus - Caj lain- lain	Peraturan perbelanjaan/ peruntukan	Laporan Pejabat Bendahari Zon 9	Memastikan proses penyampaian kewangan dilaksanakan mengikut piawaian, prosedur dan peraturan yang ditetapkan.

Jadual 4.5: Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Melibatkan Fasiliti

Petunjuk Utama (KPI)	Mekanisme Pengukuran	Sasaran
Kualiti dan aksesibiliti ruang (makmal, bengkel, bilik pensyarah, kemudahan lain)	Bilangan, nisbah staf dan nisbah pelajar	100%
Keberkesanan ruang (studio- based and non- studio based)	Bilangan dan nisbah pelajar dengan ruang	Memenuhi keperluan Unit Perancangan Ekonomi dalam konteks: fasiliti, ruang, peralatan

Jadual 4.6: Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Melibatkan Bahagian Perpustakaan Alam Bina

Petunjuk Utama (KPI)	Sasaran	Kekerapan pengukuran
Bahan silibus berada dalam koleksi	Melebihi 80%	Setiap tahun
Jumlah kehadiran pengunjung perpustakaan	Melebihi 3,700 orang sebulan	Setiap tahun
Menjalankan program bersama fakulti	4 kali setahun	Setiap tahun
Memastikan bahan perpustakaan diguna	Melebihi 22%	Setiap tahun
Bilangan 'info alert' setahun	Melebihi 30	Setiap tahun
Memperkasakan koleksi bahan 'Open Access'	Sekurang- kurangnya 100 judul setahun	Setiap tahun

Tanggungjawab menganalisis dan menyemak pencapaian KPI dan objektif kualiti digalas oleh setiap pusat pengajian. Pencapaian KPI ini disebar-luaskan kepada semua staf dan pelajar di fakulti dari masa ke semasa samada melalui laman sesawang, e-mel atau dibincangkan dalam pelbagai mesyuarat yang diadakan di fakulti.

Bagi setiap keputusan yang tidak menepati sasaran, ianya dibincangkan di dalam mesyuarat tertentu dan masalah akan dikenalpasti. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) sebagai contohnya belum pernah mencapai 100% sasaran kehadiran pelajar bagi setiap semester ke modul Kemahiran Insaniah sejak diperkenalkan tiga tahun lepas. Namun begitu, sasaran masih tidak diubah kerana Fakulti berpendapat kemahiran bukan akademik ini dilihat dapat meningkatkan *employability* dan dijadikan persediaan pelajar untuk menghadapi dunia pekerjaan kelak. Fakulti terus menyasarkan ianya akan menjadi 100% realiti dengan memberi galakan sepenuhnya kepada pelajar. Selain dari peruntukan yang diterima dari bahagian HEP UiTM, bahagian HEP FSPU juga telah menambah peruntukan bagi menyediakan makanan untuk peserta. Hebahan mengenai kehadiran dibuat melalui student portal, e-HEP dan di papan notis HEP. Surat amaran pula dikeluarkan kepada pelajar yang tidak menghadiri sesuatu modul.


KPI Bahagian Akademik pula diambil dari KPI HEA UiTM dan dibincangkan perkembangannya di dalam Perancangan Strategik Fakulti. Lima KPI yang

disenaraikan sememangnya agak sukar dicapai namun selepas menyemak pencapaian Tahun 2013 sebelum ini, FSPU telah mencapai ke semua KPI akademik yang dinyatakan (Rujuk Jadual 4.3). Walau bagaimanapun, Fakulti berpendapat pencapaian ini perlu dipertingkatkan bagi tahun seterusnya dengan memastikan Ketua Pusat Pengajian dan Koordinator Kursus bertanggungjawab mengenalpasti punca masalah dan penyelesaian sebelum membincangkannya semula di mesyuarat peringkat Pusat Pengajian. Pensyarah yang terlibat akan dipanggil dan tindakan susulan bagi menyelesaikan masalah akan diambil.

Peruntukan kewangan adalah bergantung kepada belanjawan yang telah disediakan oleh pihak Fakulti. Pihak Bendahari Zon 9 bertanggungjawab memastikan proses penyampaian kewangan dilaksanakan dengan baik. Mesyuarat diadakan untuk membincangkan dan meluluskan sebarang permohonan yang diperlukan. Peruntukan Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA) juga banyak membantu dalam urusan pembelajaran pelajar dimana setiap persatuan pelajar diminta untuk membuat aktiviti – aktiviti yang bermanfaat setiap semester. Maklumat mengenainya penting bagi membantu fakulti membuat pelunjuran dan agihan yang lebih sistematik untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.

Tidak dinafikan dalam usaha untuk menjadi universiti bertaraf dunia, FSPU memerlukan prasarana yang terbaik dan tercanggih. Perancangan dan pelaksanaan yang sistematik membolehkan FSPU mempunyai fasiliti yang boleh dibanggakan. Namun begitu, masalah kekurangan ruang terutamanya untuk program '*design-based*' masih wujud. Nisbah pelajar dengan ruang amat tidak sesuai tetapi dijangka akan dapat diatasi apabila bangunan baru bagi Fakulti dijadualkan siap pada tahun 2015 di kampus Puncak Alam.

Selain mengukur pengiktirafan dari badan-badan profesional di peringkat global, FSPU juga mengukur tahap kepuasan pelajarannya, iaitu *stakeholder* yang terpenting bagi FSPU. Komen dan maklumbalas dari industri juga diambil kira. Hasil dari Kajian Pengesanan 2013, mendapati bahawa tahap kepuasan graduan FSPU dalam semua aspek (Kurikulum, Sistem Penilaian, Bimbingan Kerjaya, Tenaga Pengajar dan Kemudahan Prasarana) adalah meningkat dan melebihi tahap kepuasan graduan UiTM keseluruhannya. Pencapaian keseluruhan FSPU juga adalah lebih tinggi daripada pencapaian keseluruhan UiTM (lihat Rajah 4.1).



Rajah 4.1: Perbandingan Indeks Tahap Kepuasan Pelajar terhadap FSPU dan UiTM keseluruhannya 2013

Nota: Sumber Kajian Pengesanan 2013, PPS

Oleh itu, boleh dirumuskan bahawa dengan pengukuran dari berbagai sudut, samada dari badan-badan profesional dari luar negara atau pengamal dari industri dan juga maklumbalas dari pelajar, prestasi FSPU adalah baik.

(2) Perbandingan Data

Untuk menentukan daya saing program-program yang dikendalikan di FSPU, pencapaiannya perlu dibandingkan dengan fakulti-fakulti dalam UiTM dan juga fakulti-fakulti Alam Bina di dalam dan luar negara. Dengan meneliti pencapaian KPI, FSPU dapat menentukan kedudukannya di peringkat antarabangsa dan mengenalpasti kekuatan dan kelemahannya. Tahap pencapaian KPI dapat mengenal pasti sumber-sumber yang dikehendaki bagi penambahbaikan dan langkah-langkah yang perlu diambil.

Dari segi pengiktirafan, semua program di FSPU telah mendapat akreditasi dari badan profesional contohnya LAM, RIBA, IPDM, RICS, CIOB, ILAM dan sebagainya. Proses akreditasi berjalan mengikut prosedur yang telah ditetapkan dan ia akan diperbaharui sebelum tempohnya berakhir. Jadi, semua Pusat Pengajian bertanggungjawab untuk memenuhi semua syarat-syarat yang diberi, sekaligus memastikan prestasi di tahap yang dikehendaki.

Seperti sedia maklum, FSPU juga telah melaksanakan sistem pengajaran dan pembelajaran (P&P) berasaskan OBE. Sistem ini telah terbukti berkesan berdasarkan keputusan KPI HEA sebelum ini di mana majoriti kod kursus yang berjaya mencapai kegagalan kursus kurang dari 25% adalah dari kod yang telah mengikut OBE. Pemantauan akan dibuat oleh Jawatankuasa Pemantauan Profesional Pensyarah dan juga melalui semakan laporan untuk silibus sebelum semester baru bermula. Oleh itu, dari perbandingan dan analisis dijalankan, kekuatan dan kelemahan FSPU dapat dikenalpasti. Ini membolehkan FSPU mengambil tindakan penambahbaikan. Maklumat ini disebarkan kepada staf melalui bengkel dan dibincangkan dalam mesyuarat fakulti dan Pusat Pengajian.

Maklumat luaran digunakan dan penting dalam merangka pelan tindakan. Ia diperolehi daripada maklumbalas majikan terhadap graduan dan pelajar menjalani latihan industri, misi akademik, kajiselidik pihak berkepentingan, industri, alumni dan juga masyarakat sekitar. Maklumat-maklumat ini penting bagi menyokong keputusan operasi dan strategik.

(3) Data pelajar dan Pihak berkepentingan

Bagi mendapatkan maklumat suara pelanggan, FSPU sentiasa berusaha meningkatkan tahap kepuasan mereka. Maklum balas dan aduan dari pelajar sentiasa diambil berat dan dibincangkan dalam pelbagai mesyuarat di FSPU seperti Mesyuarat Lembaga Akademik, Mesyuarat Ketua Program dan Mesyuarat Disiplin Pelajar.

Data diambil secara kaedah manual dan juga elektronik. Berikut adalah data yang diambil:

Jadual 4.7: Cara Data Diambil (Kaedah Manual dan Elektronik)

Kaedah	Mekanisme
Manual	Majlis Perwakilan Pelajar Taklimat
Elektronik	E- mail

Sekiranya aduan itu didapati munasabah, tindakan penambahbaikan dilakukan. Namun begitu, FSPU lebih menitik beratkan pendekatan proaktif untuk mengenalpasti masalah pelajar melalui soal selidik yang dijalankan di peringkat fakulti dan Kajian Pengesanan yang dijalankan oleh Pusat Perancangan Strategik.. Setiap maklumbalas akan disalurkan kepada pihak tertentu yang bertanggungjawab di atas perkara tersebut.

(4) Ukuran Agility/ Flexibility

Dalam usaha mencapai visinya, FSPU perlu dinamik dengan melihat *trend* (aliran) yang berlaku dalam industri. FSPU memahami bahawa KPInya perlu diubah sekiranya berlaku perubahan aliran dalam industri dan juga perubahan aliran di peringkat global. Sistem pengukuran prestasi yang fleksibel diguna untuk memastikan sistem ini mampu bertindak balas terhadap perubahan luaran dan dalaman.

Untuk memastikan FSPU dapat mengesan perubahan-perubahan yang berlaku, FSPU melantik pemeriksa luar dari industri dan ahli akademik dari luar negara bagi setiap programnya. Pemeriksa luar sering memberi pandangan yang kritis dan membina mengenai program yang dijalankan serta membuat perbandingan dengan program di universiti dalam dan luar negara.

Perbincangan yang kerap diadakan dengan badan profesional dapat memastikan bahawa program yang dijalankan memenuhi kehendak industri. FSPU juga amat berbangga sebahagian besar pensyarah FSPU sendiri menjadi ahli badan profesional dan ada di antara mereka ini menjadi Ahli Majlis badan tersebut, sekaligus dapat memastikan kurikulum program-program di FSPU sentiasa relevan dan ditahap terbaik.

b) Analisa dan semakan prestasi

KPI yang disediakan oleh Unit Perancangan Strategik FSPU sentiasa dinilai setiap semester melalui mekanisme kajiselidik, pemantauan dan audit. Maklumat pencapaian KPI FSPU dan kemampuan organisasi diterima dalam bentuk laporan bertulis, laporan perbandingan, analisis data dan dibincangkan dalam Mesyuarat Akademik Fakulti, Mesyuarat Pusat Pengajian, Mesyuarat Peperiksaan dan Mesyuarat bersama Koordinator yang diadakan setiap semester dan Bengkel Perancangan Strategik FSPU yang diadakan setiap tahun.

Setelah data dikumpulkan, ianya akan dianalisa menggunakan analisis deskriptif, analisis perbandingan dan juga analisis tren. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisa dan menyemak pencapaian KPI, objektif Kualiti dan perancangan strategik FSPU; analisis perbandingan diguna untuk membandingkan pencapaian FSPU dengan fakulti lain; serta analisis tren diguna untuk menilai peningkatan atau penurunan prestasi dalam jangka masa tertentu.


Terdapat empat kriteria yang digunakan dalam semak semula KPI FSPU, iaitu sama ada ianya:

- i. Konsisten dengan KPI UiTM keseluruhannya
- ii. Bersesuaian atau harmonis (*consonance*) dengan aliran (*trend*) dalam industri
- iii. Boleh dicapai (*achievable*)
- iv. Memberi kebaikan (*advantageous*) dari segi daya saing.

Ke semua KPI dianalisis berdasarkan kriteria yang tersebut di atas. Kriteria di atas bukan sahaja menilai aspek dalaman (*consistency* dan *achievable*) bahkan juga aspek luaran (*consonance* dan *advantageous*). Analisis ini akan menghasilkan kesimpulan dan dapat menentukan tindakan yang perlu diambil untuk proses penambahbaikan. Dengan pemantauan dan penilaian yang kerap dilakukan di semua peringkat dan bahagian, ia membolehkan FSPU menjadi sebuah fakulti yang lebih dinamik dan berdaya saing.

Setakat ini KPI FSPU mencapai empat kriteria yang disenaraikan di atas. Secara keseluruhannya peratus graduan FSPU (perbandingan daripada keseluruhan 26 Fakulti di UiTM), yang telah mendapat pekerjaan dalam tempoh tersebut lebih tinggi dari peratus pelajar UiTM keseluruhannya. Namun begitu, walaupun FSPU menduduki tempat ketiga dalam jumlah graduan yang dikeluarkan, namun peratus graduannya yang masih belum mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian masih belum memuaskan (lihat Rajah 4.2). Terdapat lebih dari 30% program yang mempunyai kadar employability yang rendah pada tahun 2013. Ia agak membimbangkan disebabkan terdapat salah tafsir mengenai program yang ditawarkan melalui media. Oleh itu, fakulti

telah mengambil langkah untuk memberi kesedaran kepada orang awam, pelajar dan juga pensyarah tentang peluang pekerjaan yang ditawarkan bagi graduan program berkenaan dan mempromosikannya melalui program Misi Akademik Fakulti dan juga melalui media.



Rajah 4.2: Peratus Pelajar yang belum mendapat Pekerjaan mengikut Fakulti 2013

Nota: Sumber Kajian Pengesanan 2013, PPS

Pemantauan prestasi bagi pensyarah dilaksanakan bagi memastikan proses pengajaran adalah bertahap kualiti yang tinggi. Pemantau terdiri daripada Jawatankuasa dan individu yang dilantik di peringkat Fakulti. Antara mekanisme yang diguna ialah seperti di dalam Jadual 4.8.

Jadual 4.8: Pemantauan Prestasi Pensyarah Secara Berkala di FSPU

Penilaian	Kekerapan pemantauan	Individu dipantau	Pemantau	Komponen Pengukuran
Kualiti pengajaran di bilik kuliah	Dijalankan sekali ke atas setiap pensyarah baru (mematuhi kehendak kursus KAP)	Pensyarah baru	Pembimbing/ Penyelia yang dipilih oleh pensyarah dinilai	Sahsiah rupa diri, Cara pengendalian kuliah
Semakan bahan pengajaran dan pembelajaran pensyarah	Setiap semester	Semua pensyarah	Ketua Pusat Pengajian/ Koordinator Kursus	Fail kursus, Portfolio Pengajaran
Pemantauan pensyarah di bilik kuliah	Setiap semester	Semua pensyarah dan dipilih secara rawak	Jawatankuasa yang dilantik	Keberadaan pensyarah, ketepatan masa, Penggunaan BI semasa kuliah, Sahsiah rupa diri pensyarah, Sahsiah rupa diri pelajar

Selepas pemantauan dibuat, Jawatankuasa akan menyediakan laporan dan dibentangkan di dalam mesyuarat Perlaksanaan Pemantauan Profesionalisma Pensyarah (PRO-PENS). Namun begitu, hasil laporan tidak dipanjangkan kepada pensyarah- pensyarah yang dipantau seperti mana yang disebut dalam garis

panduan tanggungjawab Jawatankuasa PRO-PENS. Selain itu, prestasi pensyarah juga boleh diukur menerusi SUFO, SKT dan juga proses kenaikan pangkat.

Kemampuan Fakulti juga dinilai melalui laporan mesyuarat, seminar, bengkel dan ulasan, kritikan dan cadangan membina oleh kakitangan akademik dan sokongan. Semua sumber maklumat ini akan memberi analisis lengkap Fakulti termasuk penajajaran misi fakulti, perancangan strategik dan pelaksanaan, proses keberkesanan dan kecekapan, aliran prestasi dan jangkaan pihak berkepentingan.

c) Penambahbaikan Prestasi

(1) Perkongsian Amalan Terbaik

Hasil penilaian KPI didokumentasi dan disebarikan kepada warga UiTM dan juga dibincangkan dalam pelbagai mesyuarat FSPU antaranya Mesyuarat Penyelidikan, Mesyuarat Peperiksaan dan Mesyuarat Akademik Fakulti. Ianya juga dibincangkan dengan Pemeriksa Luar dan wakil badan profesional. Terdapat pensyarah- pensyarah FSPU yang menjadi pemeriksa luar universiti lain dan ini membolehkan FSPU berkongsi pengalaman dan juga belajar dari pengalaman universiti yang terbabit.

Segala amalan terbaik dikongsi bersama melalui saluran di bawah:

Jadual 4.9: Saluran Perkongsian Amalan Terbaik

Saluran	Aktiviti/ program
Taklimat	Taklimat kepada semua Ketua Pusat Pengajian/ program/ unit
Bengkel	Perkongsian maklumat
Pembentangan	Hasil kertas penyelidikan pensyarah yang telah dibentangkan di seminar/ konferens akan dikongsi bersama dengan seluruh warga Fakulti di dalam satu kolokium

Dari segi Hal Ehwal Akademik, langkah- langkah penambahbaikan yang telah diluluskan oleh LAF ialah menganjurkan kem motivasi bagi pelajar lemah yang tidak mencapai CGPA 2.50, mengadakan sesi perjumpaan dengan pelajar yang gagal dalam kursus tersebut, memberi kelas tambahan untuk kursus yang mempunyai peratusan kegagalan yang tinggi setiap semester dan memberi taklimat akademik (khas) kepada semua pelajar yang telah diluluskan permohonan Rayuan Meneruskan Pengajian (RMP).

FSPU juga menggalakkan lawatan akademik ke luar negara untuk mempunyai agenda lawatan yang mana rombongan pelajar melawat universiti yang berkaitan di situ. Biasanya, taklimat diberi oleh pihak universiti itu dan ini akan mendedahkan pelajar dan pensyarah pengiring tentang amalan-amalan di universiti itu. Impak dari lawatan dan hasil kerjasama dengan pihak luar telah berjaya meletakkan FSPU atau UiTM secara amnya untuk berada di peta dunia. Para pelajar yang mengambil bahagian dalam bengkel di luar negara juga telah diwajibkan untuk berkongsi pengalaman dengan pelajar yang lain agar ia menjadi aspirasi semua untuk lebih cemerlang dalam pelajaran. Sebagai contoh, pelajar dari Pusat Pengajian Senibina telah berkongsi pengalaman melalui program Archifest dan pameran di FSPU.

Bagi mengatasi masalah kelemahan dari aspek penulisan, fakulti telah mengambil pendekatan untuk mengadakan bengkel- bengkel penyediaan penyelidikan di peringkat fakulti dan juga bengkel pemurniaan untuk mencapai kertas penyelidikan bermutu tinggi. Selain itu, staf akademik Fakulti juga digalakkan untuk berkongsi pengalaman bagi membantu rakan- rakan yang lain untuk memajukan diri melalui seminar, kolokium, perbincangan dan bengkel. Pensyarah- pensyarah yang berpengalaman dipanggil untuk memberi nasihat serta tunjuk ajar agar proses itu berjalan lancar.

Terdapat juga institusi pengajian tinggi dan juga sekolah-sekolah yang membuat lawatan ke FSPU. Ia amat penting untuk memberi pendedahan kepada pihak luar tentang keupayaan dan amalan baik yang dijalankan oleh pihak Fakulti.

(2) Prestasi Masa Hadapan

Unjuran prestasi pada masa hadapan dibuat berdasarkan isu yang timbul hasil dari semakan prestasi sebelumnya. Dari analisis KPI dan carta-carta yang disediakan, FSPU memadankan prestasi dengan sumber yang ada. Ini membolehkan FSPU

membuat unjuran untuk masa depan dan menentukan langkah-langkah penambahbaikan.

Jadual 4.10: Objektif Kualiti FSPU 2013

Objektif Kualiti 2013	Kekerapan Pengukuran
Mencapai pertambahan peratusan bilangan pelajar tamat pengajian dengan CGPA 3.50 ke 15%	Setiap Semester
Memastikan sekurang- kurangnya 90% pelajar sepenuh masa lulus dalam tempoh yang ditetapkan	Setiap Semester
Meningkatkan peratusan tenaga pengajar dengan kelayakan PhD kepada 60% dan kelulusan profesional kepada 40% pada tahun 2015	Setiap Tahun
Memastikan fakulti mendapat geran penyelidikan sebanyak RM1 juta setiap tahun	Setiap Tahun
Mencapai penglibatan staf akademik dalam bidang penulisan dan penerbitan ilmiah/ kerja kreatif pada kadar purata satu per staf akademik setiap tahun.	Setiap Tahun

(3) Penambahbaikan berterusan dan Inovasi

Bagi memastikan penambahbaikan berterusan, FSPU perlu mendokumentasikan segala aktiviti. Penemuan- penemuan kajian semula prestasi FSPU adalah penting untuk peningkatan dan penambahbaikan berterusan dan peluang untuk menghasilkan inovasi. Namun begitu, perlu dinyatakan di sini bahawa langkah berikut penting bagi memastikan proses penambahbaikan ini berjalan dengan lancar. Pertama, Fakulti perlu mencari keseragaman dalam pelaksanaan dan kesedaran serta kemahuan perlu timbul di kalangan warga Fakulti sendiri, bukan membuatnya kerana terpaksa atau dipaksa. Ia juga perlu dilakukan secara berdegil (gradually) dan teratur. Dari sudut ini, Fakulti telah sedaya upaya untuk menyampaikan maklumat penemuan kajian semula prestasi kepada staf agar seluruh organisasi dapat menyokong dan berganding bahu untuk meningkatkan pencapaian.

Dari segi fasiliti misalnya, penambahbaikan dilakukan dari masa ke semasa bagi meningkatkan kepuasan pelajar dan pengguna yang lain. Antaranya ialah penambahan ruang pembelajaran, peralatan AV di bilik kuliah, pemasangan *cubicle* seluruhnya, dinding kalis bunyi di bilik kuliah, penambahan meja di makmal CAD, pemasangan CCTV, naik taraf dan penambahan ruang galeri, naik taraf kemas lantai bilik pensyarah, penggunaan *swipe card* untuk makmal, dewan dan juga bilik utama. Selain itu, jubin dan tempat surat pensyarah di staff lounge juga telah diperbaiki dari masa ke semasa. Sememangnya unit Fasiliti banyak menerima aduan, contohnya keadaan studio yang tidak mempunyai penghawa dingin selama satu semester namun disebabkan masalah kekangan bajet dan skop kerja antara Fakulti dan Pusat. Namun begitu, pihak Fakulti masih lagi cuba sedaya upaya untuk mengatasi masalah ini dengan harapan ianya tidak akan mengganggu prestasi pembelajaran pelajar.

Fakulti juga mengambil kira komen dari Pemeriksa Luar bagi menambahbaik prestasi. Sebagai contoh, apabila Pemeriksa Luar ataupun Majlis Akreditasi bagi Pusat Pengajian Senibina memberi komen mengenai kekurangan ruang studio, pihak Pusat Pengajian Senibina telah mengambil langkah proaktif dengan meminta Fakulti menambah lebih ruang pada semester yang berikutnya. Masalah ruang bagi program 'design- based' ialah walaupun jumlah studio mencukupi, namun ruang pembelajaran untuk pelajar adalah sangat terhad. Penambahbaikan ini sentiasa dipantau dan disuarakan pada mesyuarat tertentu. Bangunan baru FSPU di kampus Puncak Alam yang akan beroperasi pada 2016 kelak dijangka dapat menyelesaikan masalah ini. Selain daripada itu, fakulti sentiasa memberi sokongan penuh terhadap setiap pusat pengajian terutama sekali berkenaan hal akreditasi dan validasi program. Pusat Pengajian Senibina misalnya telah melantik Profesor David Dernie dari University of Westminster, UK sebagai Pemeriksa Luar untuk memastikan prestasi program adalah dalam keadaan terbaik dan membantu dalam kelangsungan validasi Royal Institute of British Architect (RIBA) ke atas program Senibina di FSPU.

Selain itu, bagi meningkatkan kualiti pengajaran pensyarah, Fakulti amat menyokong dan memberi peluang para pensyarah untuk mengikuti kursus- kursus berkaitan terutamanya yang dijalankan oleh ILQAM. Kursus seperti Ipad for Teaching & Learning,

Prezi dan sebagainya dapat membantu pensyarah mengajar mengikut perkembangan teknologi semasa.

Bagi meningkatkan mobiliti pelajar pula, pihak fakulti amat menyokong usaha untuk membawa pelajar mengadakan lawatan akademik, pertukaran pelajar, bengkel dan juga membuat latihan praktikal di luar negara. Ia amat penting untuk memberi pendedahan kepada pelajar, meningkatkan keyakinan diri mereka, sekaligus membuktikan pelajar FSPU boleh bersaing di peringkat antarabangsa. Fakulti juga memberi kemudahan kewangan bagi para pelajar yang ingin memasuki pertandingan, membentangkan kertas penyelidikan dan juga menyertai misi kemanusiaan di dalam dan luar negara.

Selain itu, peluang yang terhasil dari penemuan kajian semula prestasi akan disebarkan kepada staf, pihak berkepentingan, pelajar dan juga orang awam melalui mesyuarat, perbincangan, bengkel, seminar, media cetak, dan sebagainya.

4.2 Pengurusan Maklumat dan Ilmu

a) Data, Maklumat dan Pengurusan Ilmu

(1) Ciri-ciri data

Ketepatan dan integriti data dipastikan dengan mendapatkan maklumat daripada orang yang arif dan bertanggungjawab mengenai maklumat tersebut. Sekiranya perlu, maklumat dikumpul daripada dua atau tiga sumber lain bagi tujuan semakan silang (*cross-checking*). Selain itu, untuk memastikan integriti data, perlu dipastikan ianya tepat, lengkap dan terkini. Ia juga perlu boleh diakses pada bila-bila masa apabila diperlukan.

Jadual 4.11: Tatacara Data, Maklumat dan Pengetahuan Diuruskan

Tujuan	Tatacara
Ketepatan	- Dokumen adalah terkini
Keselamatan dan kerahsiaan	- Membuat salinan pendua data digital secara berkala - Bilik khas dan peti besi berkombinasi sentiasa berkunci dan hanya boleh diakses oleh individu tertentu - Penggunaan login dan password untuk maklumat kepada pengguna yang diberi kuasa - Surat aku janji
Ketepatan masa	- Memastikan maklumat yang disediakan mengikut kekerapan dan tempoh yang ditetapkan
Integriti dan kebolehpercayaan	- Penyediaan maklumat secara berkala serta data dan maklumat dari sumber yang sah

Audit dalaman dan audit luaran perlu dibuat di mana fail dan maklumat (kewangan dan fasiliti) diperiksa secara rambang yang dilakukan setiap tahun di FSPU dapat memastikan bahawa maklumat yang digunakan adalah tepat. Untuk memastikan data dapat diperolehi pada waktu yang dikehendaki, fakulti menggunakan cara *Real-time Data Entry* dan meletakkan tarikh input; contohnya ialah markah peperiksaan dan penghantaran borang penyelidikan. Maklumat yang tidak sulit boleh diperolehi dari laman sesawang FSPU yang sentiasa dikemaskini dari masa ke semasa oleh Unit ICT FSPU. FSPU juga melantik koordinator-koordinator bagi mengumpul, mendokumentasi, menyebar dan menyimpan maklumat dari masa ke semasa. Mesyuarat rasmi dan tidak rasmi di FSPU merupakan cara terpenting dalam mendapat dan menyalurkan maklumat kepada warga fakulti.

FSPU mempunyai seorang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat yang bertanggungjawab memperkembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa, penyelenggaraan sistem dan memberikan latihan serta bantuan teknikal kepada pengguna. Selain itu, semua juruteknik komputer FSPU telah dilatih untuk menangani dan mampu mengendalikan sistem jika berlaku kecemasan. Mereka juga perlu mematuhi semua jenis garis panduan, standard dan prosedur yang telah ditetapkan.

Data penting hanya boleh dikeluarkan dengan melalui permintaan bertulis samada melalui borang atau surat. Maklumat – maklumat sulit yang disimpan dalam komputer

hanya boleh diperolehi dengan mendapatkan sistem kata laluan dan capaian terhad dari pegawai yang dipertanggungjawabkan bagi menyimpan maklumat tersebut. Data dan maklumat penting mengenai peperiksaan disimpan di dalam peti besi berkombinasi, manakala fail peribadi staf pula disimpan di dalam bilik khas.

Sumber- sumber data dan maklumat dikawal dan diurus seperti jadual di bawah:

Jadual 4.12: Sumber-sumber Data dan Maklumat

Pihak bertanggungjawab	Maklumat
Pejabat Dekan	Visi dan misi FSPU, maklumat korporat UiTM
Ketua Pusat Pengajian/ Koordinator Kursus	Program yang ditawarkan, maklumat kursus dan akreditasi
Unit ICT	Maklumat, peraturan dan prosedur mengenai rangkaian komputer
Lain- lain bahagian	Maklumat berkaitan bahagian

(2) Data dan Kesediaan Maklumat

Pihak berikut bertanggungjawab terhadap penyediaan data dan maklumat yang diperlukan:

Jadual 4.13: Pihak Bertanggungjawab Terhadap Penyediaan Maklumat

Maklumat	Pihak bertanggungjawab
Penyelidikan dan Inovasi	Unit Penyelidikan dan Jaringan Industri FSPU
Aktiviti kualiti dan anugerah	Jawatankuasa Kualiti FSPU
Prestasi HEA	Bahagian HEA FSPU
Prestasi HEP	Bahagian HEP FSPU
Sumber Manusia	Bahagian Pentadbiran FSPU
Prestasi kewangan	Pejabat Bendahari Zon 9
Sumber maklumat pengajaran dan pembelajaran	Perpustakaan
Aduan dan maklum balas pelanggan	Bahagian Pentadbiran FSPU
Cadangan program baru, perancangan strategik	Unit Perancangan Strategik FSPU

Pengendalian maklumat perlu mengambil kira beberapa langkah keselamatan, contohnya memastikan ianya sentiasa tepat dan lengkap dari masa ke semasa. Selain itu, pendedahan maklumat penting kepada pihak yang tidak berkenaan perlu dihalang.

Pihak Fakulti memastikan semua data dan informasi disediakan dalam pelbagai sumber seperti laman sesawang Fakulti, *I-Learn* dan manual fail- pusat pengajian, pentadbiran, kursus, portfolio pengajaran. Sebahagian besar data boleh diakses melalui sistem atas talian oleh setiap staf, pelajar dan pihak lain yang berkepentingan. Maklumat khas pula boleh diperolehi melalui Ketua Pusat Pengajian/ Koordinator Kursus dan pegawai yang ditugaskan di pejabat pentadbiran. Setiap pusat pengajian dibekalkan sebuah 'external hard disk' untuk menyimpan data- data penting dan adalah menjadi tanggungjawab Ketua Pusat Pengajian untuk memastikan ianya selamat.

Bagi memastikan data dan maklumat terkini selari dengan keperluan pendidikan dan seiring dengan perubahan teknologi dalam operasi organisasi, pihak fakulti mendapatkan nasihat daripada pemeriksa luar, panel penasihat industri dan profesor pelawat. Senarai kertas penyelidikan dari tahun 1990 hingga 2011 juga telah dimuatnaik di laman web FSPU bagi memudahkan pensyarah, pelajar dan juga orang awam untuk mengakses dan merujuk kepada hasil kajian pensyarah. Selain daripada itu, kakitangan organisasi juga boleh mendapatkan jurnal di atas talian yang telah dilanggan oleh perpustakaan melalui sistem jaringan yang efektif. Cara ini dapat membantu meningkatkan pengetahuan pensyarah tentang isu semasa dalam bidang masing- masing.

(3) Pengurusan Pengetahuan

Maklumat dan pengetahuan dapat dikongsi bersama di FSPU dengan semua staf, pelajar dan pihak berkepentingan melalui usaha- usaha berikut:

- Mendokumentasikan melalui penerbitan seperti Jurnal, laporan, kertas penyelidikan.
- Memasukkan maklumat ke dalam laman sesawang
- Mengadakan seminar, syarahan terbuka, konferensi dan bengkel dalam dan luar negara

- Melalui akses bank kertas soalan
- E- mel UiTM
- Papan pengumuman
- Risalah
- I-Learn
- Portal pelajar
- Facebook
- Blog-blog persendirian
- Sistem mentor-mentee (Penasihat Akademik)
- Perhubungan berterusan dengan pihak industri Alam Bina (latihan praktikal, latihan profesional, kerjasama penyelidikan, konsultasi/ perundingan projek, pertandingan)
- Perhubungan berterusan dengan Fakulti Alam Bina luar dan dalam Negara (MoU, pertukaran pelajar, bengkel dalam negeri dan antarabangsa, lawatan akademik, syarahan, Pemeriksa Luar)
- Perhubungan berterusan dengan warga alumni (dana, pendedahan pengetahuan dan teknologi)

(4) Kesediaan maklumat ketika kecemasan

Kesemua data penting dan kritikal yang dikumpul di FSPU mempunyai salinan (*back up*) yang disimpan di tempat berasingan dari maklumat asal. Setiap koordinator bertanggungjawab mempunyai salinan individu bagi tujuan keselamatan dan mengelakkan kehilangan data. Sekiranya berlaku kecemasan, salinan data boleh diperolehi dari pemacu, cakera padat dan salinan keras yang disimpan di tempat khas. Ini akan mengurangkan masa yang diperlukan bagi memulihkan data. Data penting dipindahkan secara berkala dan disimpan dalam bentuk salinan keras dan salinan digital.

Sebagai contoh, FSPU mewajibkan semua pensyarah untuk mempunyai salinan digital dan salinan keras keputusan peperiksaan pelajar. Bahagian Hal Ehwal Akademik juga menghantar peringatan berbentuk e-mail agar semua pensyarah menyimpan salinan digital keputusan itu di bilik operasi peperiksaan untuk memudahkan semua urusan.

Jika berlaku sebarang masalah yang di luar kawalan Fakulti, nombor telefon perunding komputer telah disediakan supaya mudah dihubungi. Ini kerana semasa berlaku kecemasan, kebolehsediaan perkakasan dan perisian sistem termasuk dalam kontrak dan menjadi tanggungjawab perunding komputer.



5.0 FOKUS KEPADA TENAGA MANUSIA

Modal insan dalam Falsafah Pendidikan di Malaysia merupakan suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Modal insan atau tenaga kerja ini perlu digembeling untuk mencapai kejayaan dalam sesuatu organisasi. Turut dititikberatkan di sini adalah suasana tempat kerja yang kondusif yang mampu melahirkan suasana kerja yang ceria ke arah penerapan **Budaya Kerja Perdana: Budaya Kerja Kelas Pertama** seperti yang telah diwar-warkan oleh Pengurusan Atasan UiTM dalam melaksanakan fungsi dan tercapainya objektif organisasi tersebut.

Pembangunan modal insan adalah suatu cara untuk mengenal kemahiran dan kebolehan tenaga kerja yang diperlukan dalam proses pengambilan pekerja dan dalam jangka masa yang sama dapat memberi sumbangan kepada tempat kerja tersebut. Fakulti dengan ini amat memerlukan tenaga kerja bagi mencapai visi, misi dan objektif yang telah disasarkan untuk dicapai dalam satu-satu jangka masa tertentu.

5.1 Persekitaran Tenaga Manusia

a) Kapasiti Tenaga Manusia

Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur pada dasarnya adalah berteraskan Alam Bina yang terdiri daripada sepuluh (10) bidang pengajian bagi memenuhi keperluan industri dan badan professional masa kini. Fakulti dibantu oleh 312 kakitangan akademik dan 60 kakitangan pentadbiran bagi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan jayanya mengikut misi dan visi universiti. Pecahan kakitangan Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur mengikut kategori bagi tahun 2013 adalah seperti berikut.

Jadual 5.1: Jumlah staf akademik dan pentadbiran fakulti (sehingga Dis 2013)

Kategori Sumber Manusia	Jumlah
Staf Akademik	312
a) Profesor	9
b) Prof. Madya	96
c) Pensyarah Kanan	104
d) Pensyarah	103
Staf Pentadbiran dan Teknikal	60
Jumlah Keseluruhan	372

Pemilihan kakitangan akademik dan pentadbiran adalah mengikut proses dan prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Sumber Manusia (JPbSM) UiTM. Bagi kakitangan akademik,

Bagi memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran fakulti, Skim Tenaga Pengajar Muda (TPM) di tawarkan kepada graduan-graduan Ijazah Sarjana Muda yang memiliki prestasi akademik yang cemerlang. Sesi temuduga di jalankan mengikut proses dan prosedur yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Sumber Manusia (JPbSM). Para calon yang terpilih akan di tawarkan untuk menyambung pengajian di dalam negara atau luar negara. Berikut adalah jumlah biasiswa TPM yang telah diluluskan pada tahun 2013.

Jadual 5.2: Bilangan biasiswa TPM peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah yang ditawarkan oleh fakulti bagi tahun 2013

BIASISWA TPM	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA	TOTAL
SARJANA	9	1	10
DOKTOR FALSAFAH	7	0	7

Dari segi peningkatan kelayakan akademik dikalangan staf, juga turut diberi peluang untuk meningkatkan tahap pembelajaran ke peringkat Doktor Falsafah (*Ph.D*) dengan tawaran biasiswa staf. Ini adalah merupakan galakan dan rangsangan kepada staf yang telah bersedia untuk melanjutkan pelajaran. Untuk memastikan kesinambungan tugas pengajaran, para pensyarah diberi biasiswa dan cuti belajar mengikut giliran dan perancangan yang dibuat oleh setiap Pusat Pengajian. Bagi staf akademik yang tidak layak memohon biasiswa staf kerana telah melebihi umur, mereka masih berpeluang melanjutkan pelajaran di bawah skim Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biaya (CBBPTB). Dalam usaha memperkasakan kecemerlangan akademik ke arah matlamat menjadi sebuah universiti penyelidikan, pensyarah-pensyarah digalakkan memohon tempat belajar di universiti-universiti terkemuka di luar negara.

Setelah pihak Fakulti mengenalpasti tenaga kerja yang sesuai untuk ditawarkan, pihak Fakulti akan menyalurkan senarai yang Berjaya ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia untuk ditawarkan biasiswa selepas calon-calon tersebut memenuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan. Senarai berikut adalah jumlah kakitangan yang telah menerima biasiswa dalam dan luar negara untuk meningkatkan tahap kompetensi dikalangan staf.

Jadual 5.3: Jumlah staf akademik yang menerima biasiswa Doktor Falsafah bagi tahun 2013

BIASISWA STAF AKADEMIK	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA	SUDAH LAPOR DIRI
DOKTOR FALSAFAH	36	10	10

Staf akademik yang telah lama berkhidmat layak untuk mengambil cuti sabatikal sebagai satu insentif bagi mengekalkan motivasi disamping memperoleh masa untuk melakukan aktiviti akademik seperti menulis buku, menjalankan penyelidikan bersama industri atau memberi khidmat rundingan di agensi luar. Cuti sabatikal kurang dari tiga (3) bulan diuruskan oleh pihak Fakulti sementara yang melebihi tiga (3) bulan dimajukan ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Staf akademik yang baru berkhidmat disyaratkan untuk mengikuti latihan industri selama enam (6) hingga dua belas (12) bulan untuk menimba pengalaman serta mendalami pengetahuan amali dalam bidang profesional masing-masing. Bagi staf selain staf akademik, semua proses pengambilan dan penempatan adalah dilaksanakan oleh pihak Pengurusan Perjawatan yang akan mengagihkannya kepada pihak Fakulti. Walau bagaimanapun pihak Fakulti masih diberi peluang untuk turut sama dalam sesi temuduga yang dijalankan.

Selain itu pensyarah-pensyarah di FSPU juga amat digalakkan untuk menjadi ahli pertubuhan profesional dalam bidang masing-masing. Yuran keahlian tahunan di dalam pertubuhan profesional dibayar oleh pihak UiTM melalui Pejabat Bendahari. Antara pertubuhan profesional serta Lembaga Profesional dalam dan luar negara yang dianggotai oleh pensyarah-pensyarah FSPU adalah seperti berikut:

Jadual 5.4: Jumlah staf akademik terlibat dengan pertubuhan / lembaga profesional

BIL	PERTUBUHAN / LEMBAGA PROFESIONAL	BIL. PENSYARAH
1	Pertubuhan Perancang Malaysia	13
2	Pertubuhan Arkitek Malaysia	10
3	Pertubuhan Juru Ukur Malaysia	-
4	Pertubuhan Senibina Dalam Malaysia	15
5	Institut Arkitek Landskap Malaysia	9
6	Lembaga Perancang Bandar Malaysia	11
7	Lembaga Arkitek Malaysia	9
8	Lembaga Juru Ukur Bahan Malaysia	21
9	Lembaga Juru Ukur Tanah Semenanjung Malaysia	2
10	Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah Malaysia	7
11	Malaysian Institute of Professional Property Managers	22
12	Chartered Institute of Building (CIOB) UK	11
13	Royal Institute of British Architect (RIBA), UK	-
14	Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS), UK	52

b) Keupayaan Tenaga Manusia

Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur merangkumi sepuluh (10) bidang pengajian di sektor alam bina (*built environment*) dan di dalamnya terdapat bidang reka bentuk (*design*) dan bukan reka bentuk (*non-design*) adalah seperti berikut:

- i) Pusat Pengajian Senibina
- ii) Pusat Pengajian Senibina Dalaman
- iii) Pusat Pengajian Senibina Landskap
- iv) Pusat Pengajian Perancang Bandar dan Wilayah
- v) Pusat Pengajian Ukur Bahan
- vi) Pusat Pengajian Ukur Bangunan
- vii) Pusat Pengajian Pembinaan
- viii) Pusat Pengajian Pengurusan Hartanah
- ix) Pusat Pengajian Pengurusan Taman & Ameniti
- x) Pusat Pengajian Sains Ukur dan Geomatik

Secara dasarnya dalam menyempurnakan kerja di Fakulti, bidang utama merangkumi beberapa aspek seperti berikut:

- i) Pentadbiran Fakulti
- ii) Pengajaran dan Pembelajaran
- iii) Penyelidikan dan Perundingan
- iv) Penulisan dan Penerbitan
- v) Jaringan Industri

(1) Pentadbiran Fakulti

Dalam menentukan kerja dapat dilaksanakan dengan sempurna bidang tugas dan skop kerja yang jelas perlu disediakan bagi setiap staf. Struktur dan fungsi serta carta organisasi yang mantap dapat menjamin kesempurnaan setiap tugas yang dijalankan. FSPU terbahagi kepada 3 bahagian dalam menuruskan fakulti secara komprehensif iaitu:

- i) Bahagian Pentadbiran – Menguruskan urusan staf pentadbiran dan staf akademik
- ii) Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) – Menguruskan aktiviti dan hal ehwal pelajar
- iii) Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) – Menguruskan hal ehwal akademik

Fakulti ini diterajui oleh seorang Dekan yang dilantik bagi tempoh dua (2) tahun dari kalangan staf akademik dibantu oleh empat (4) orang Timbalan: Timbalan Dekan (Akademik), Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar) dan Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Jaringan Industri) dan Timbalan Pendaftar Kanan. Disamping itu juga turut dibantu dengan beberapa pentadbir akademik bagi memantapkan sistem pentadbiran dan pengurusan. Berikut adalah senarai pentadbir akademik fakulti bagi tahun 2013.

Jadual 5.5: Pentadbir akademik fakulti bagi tahun 2013

JAWATAN	NAMA	TREK (PADA SEMESTER SEMASA)	TARIKH LANTIKAN
Dekan	Prof. Madya Dr. Masran Saruwono	Kepimpinan Akademik	01.01.2013 – 31.12.2014
Timb. Dekan (Hal Ehwal Pelajar)	Dr. Noriah Othman	Kepimpinan Akademik	01.01.2012 – 31.12.2013
Timb. Dekan (Hal Ehwal Akademik)	Prof. Madya Zarina Yasmin Hanur	Kepimpinan Akademik	01.01.2013 – 31.12.2014
Timb. Dekan Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN)	Prof. Dr. Hj. Abdul Hadi Nawawi	Kepimpinan Akademik	01.01.2013 – 31.12.2014
Timb. Pendaftar Kanan	Raja Norhayati Raja Abdul Majid	Pengurusan Profesional	03.06.2013 – 24.10.2014
Ketua Pusat Pengajian Perancangan Bandar & Wilayah	Dr. Siti Mazwin Kamaruddin	Kepimpinan Akademik	01.08.2013 – 31.12.2013
Ketua Pusat Pengajian Senibina	Prof. Madya Dr. Ahmad Ridzwan Othman	Kepimpinan Akademik	01.10.2012 – 30.09.2014



JAWATAN	NAMA	TREK (PADA SEMESTER SEMASA)	TARIKH LANTIKAN
Ketua Pusat Pengajian Ukur Bahan	Dr. Nasaruddin Hj Faisol	Kepimpinan Akademik	01.08.2013 – 31.07.2015
Ketua Pusat Pengajian Pengurusan Hartanah	Sr Mohd Faizal Foad @ Fuad	Kepimpinan Akademik	01.08.2013 – 31.07.2015
Ketua Pusat Pengajian Pembangunan	Dr Emma Marinie Ahmad Zawawi	Kepimpinan Akademik	01.08.2013 – 31.07.2015
Ketua Pusat Pengajian Senibina Dalaman	Prof Madya Jazman Shah Amir	Kepimpinan Akademik	01.08.2013 – 31.07.2015
Ketua Pusat Pengajian Senibina Landskap	Abd Hassan Wahab	Kepimpinan Akademik	01.08.2013 – 31.07.2015
Ketua Pusat Pengajian Ukur Bangunan	S. Dr Robiah Abdul Rashid	Kepimpinan Akademik	01.08.2013 – 31.07.2015
Ketua Pusat Pengurusan Taman & Ameniti	Prof Madya Suria Sulaiman	Kepimpinan Akademik	01.01.2012 – 31.12.2013
Ketua Pusat Pengajian Sains Ukur dan Geomatik	Prof Madya Sr Dr Mohamad Halmi Kamaruddin	Kepimpinan Akademik	01.08.2013 – 31.07.2015
Ketua Pusat Pengajian Siswazah	Prof Madya Dr Hajah Faridah Ismail	Kepimpinan Akademik	01.08.2013 – 31.07.2015
Ketua Pusat Pengajian Luar Kampus	Ani Maslina Saleh	Kepimpinan Akademik	01.08.2013 – 31.07.2015
Koordinator Kursus AP243	Mazuiyah Mohd Dom	Kepimpinan Akademik	01.08.2013 – 31.07.2015
Koordinator Kursus AP881 & AP991	Prof Madya Dr Roshana Takim	Kepimpinan Akademik	01.02.2012 – 31.01.2014
Koordinator Kursus AP779	Sr Dr Nor Rima Muhamad Ariff	Kepimpinan Akademik	01.08.2013 – 31.07.2015
Koordinator Kursus AP777	Prof Madya Hj Amran Abdul Rahman	Kepimpinan Akademik	01.08.2013 – 31.07.2015
Koordinator Kursus AP776	Prof Madya Sr Ruslan Affendy Arshad	Kepimpinan Akademik	01.08.2013 – 31.07.2015
Koordinator Kursus AP775	Dr Norbaya Ab Rahim	Kepimpinan Akademik	01.08.2013 – 31.07.2015
Koordinator Kursus AP771	Prof Madya Dr Hazlina Hamdan	Kepimpinan Akademik	01.08.2013 – 31.07.2015
Koordinator Kursus AP772	Prof Madya Dr Kamaluddin Hj Taib	Kepimpinan Akademik	01.09.2012 – 31.08.2014
Ketua Pusat Kecermelangan Geospatial Technology (CGT)	Prof Madya Dr Wan Mohd Naim Wan Mohd	Penyelidikan	01.04.2013 – 31.03.2015
Ketua Pusat Kecermelangan Construction Project and Infrastructure Management (CPIM)	Prof MNadya Dr Fadzil @ Padzil Hassan	Kepimpinan Akademik	01.04.2013 - 31.03.2015
Ketua Pusat Kecermelangan Environmental Design & Management (CEDM)	Prof Dr HjH Dasimah Omar	Penyelidikan	01.04.2013 - 31.03.2015
Ketua Pusat Kecermelangan Real Estate Research (CORE)	Prof Dr Ting Kien Hwa	Pengajaran & Pembelajaran	01.04.2013 - 31.03.2015
Ketua Pusat Kecermelangan Environment-Behaviour Studies (c-Bs)	Prof Dr Mohamed Yusoff Abbas	Penyelidikan	01.04.2013 - 31.03.2015
Ketua Pusat Kecermelangan Applied Biodiversity Conservation & Sustainable Development (CABCSO)	Mohd Salleh Daim	Kepimpinan Akademik	01.10.2013 - 30.09.2015
Pengarah Pusat Kokurikulum	Prof Madya Sr Hj Mohammad Yaziz Hj Ahmad	Kepimpinan Akademik	16.08.2012 - 30.09.2015
Pengarah Akademik Kepolisian UiTM-PDRM	Prof Madya Dr Rosmin Talib	Kepimpinan Akademik	01.08.2013 - 31.07.2015
Ketua Penyelidikan (Geran Antarabangsa & Pusat Kecermelangan)	Prof Madya Dr Sabarinah Sheikh Ahmad	Kepimpinan Akademik	15.06.2013 - 14.06.2015
Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar)	Prof Madya Dr Mizan Hitam	Kepimpinan Akademik	01.09.2012 - 31.08.2014
Felo Kanan Institut Pengangkutan Malaysia (MITRANS)	Prof Madya Hj Zakaria Ahmad	Kepimpinan Akademik	01.01.2013 - 31.12.2015
Pengarah Pusat Pembangunan Modal Insan Keusahawanan (MASMED)	Prof Madya Dr Jamalunlaili Hj Abdullah	Kepimpinan Akademik	01.06.2013 - 30.05.2014
Ketua Penyelidikan (Sains Sosial & Pengurusan)	Prof Madya Dr Mohamad Nidzam Rahmat	Kepimpinan Akademik	01.09.2012 - 31.08.2014
Koordinator Kursus Usahasama UiTM-PDRM	Ahmad Shazrin Mohamed Azmi	Pengajaran & Pembelajaran	01.12.2013 - 30.11.2014

JAWATAN	NAMA	TREK (PADA SEMESTER SEMASA)	TARIKH LANTIKAN
Penyelaras Perancangan Strategik	Prof Madya Dr Ismail Rahmat	Pengajaran & Pembelajaran	02.05.2013 - 31.12.2014
Ketua Jaringan Akademia	Dr Rosmadi Ghazali	Kepimpinan Akademik	01.04.2013- 31.03.2015
Associate Fellow Institut Pengangkutan Malaysia (MITRANS)	Dr Nasaruddin Haji Faisol	Kepimpinan Akademik	01.03.2013- 28.02.2015
Associate Fellow Institut Pengangkutan Malaysia (MITRANS)	Prof Madya Dr Jamalunlaili Abdullah	Kepimpinan Akademik	01.03.2013- 28.02.2015
Associate Fellow Institut Pengangkutan Malaysia (MITRANS)	Prof Madya Dr Roshana Takim	Kepimpinan Akademik	01.03.2013- 28.02.2015
Associate Fellow Institut Pengangkutan Malaysia (MITRANS)	Prof Madya Dr Khoiri Mohd Dimyati	Kepimpinan Akademik	01.03.2013- 28.02.2015
Associate Fellow Institut Pengangkutan Malaysia (MITRANS)	Prof Dr Hj Abdul Hadi Nawawi	Kepimpinan Akademik	01.03.2013- 28.02.2015
Felo Penyelidik Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI)	Dr Zulkiflee Abd Latiff	Penyelidikan	02.03.2013 – 28.02.2014
Ketua Unit Pengurusan Kualiti	Prof Madya Dr Rohana Mahbub	Kepimpinan Akademik	01.06.2012- 31.05.2014
Felo i-Learn Fakulti	Siti Suhaidah Sahab	Pengajaran & Pembelajaran	01.07.2012- 31.06.2014

Setiap staf mempunyai senarai tugas dan skop kerja yang jelas dan ini boleh dilihat dalam kandungan Portfolio Pengajaran bagi staf akademik dan Fail Meja bagi staf pentadbiran.

Sebagai sebuah institusi pendidikan, pelanggan utama FSPU adalah para pelajar serta ibu-bapa atau penjaga mereka. Setiap pelajar yang mempunyai sebarang masalah dari segi pengurusan akademik, boleh mendapatkan khidmat di FSPU yang mempunyai staf bertugas mengikut giliran dalam waktu pejabat. Pihak pentadbiran yang terdiri dari Penolong Pendaftar (Akademik), Ketua Pusat Pengajian, menyelesaikan setiap masalah pelajar mengikut peraturan-peraturan sediaada. Bagi membimbing para pelajar untuk menamatkan pengajian mengikut pelan pengajian yang telah ditetapkan, pensyarah-pensyarah di fakulti bertindak sebagai Penasihat Akademik. Bagi pelajar yang menghadapi masalah peribadi pula, pihak fakulti mempunyai seorang kaunselor yang boleh memberi khidmat nasihat dan bimbingan.

(2) Pengajaran dan Pembelajaran

Setiap staf akademik diamanahkan tugas pengajaran mengikut perkiraan Amanah Tugas Pensyarah (ATP) yang disarankan oleh Universiti. Agihan kursus untuk diajar oleh setiap staf akademik dilakukan oleh Ketua Pusat Pengajian masing-masing mengikut pengkhususan, pengetahuan dan kemahiran setiap staf. Bagi staf akademik yang terpaksa mengambil ATP yang lebih untuk menampung kekurangan sementara staf disebabkan pensyarah bercuti untuk melanjutkan pelajaran, cuti bersalin atau cuti sakit, pihak pengurusan fakulti membenarkan mereka menuntut elaun mengajar separuh masa. Bagi staf akademik yang menjalankan tugas pentadbiran atau yang lebih cenderung ke arah penyelidikan, tugas pengajaran dan pembelajaran mereka dikurangkan.

Amanah Tugas Syarahan (ATP) bertujuan untuk memberikan gambaran sebenar jumlah jam bekerja pensyarah dan menyeragamkan agihan tugas akademik pensyarah di fakulti/pusat/cawangan. Amanah Tugas Pensyarah (ATP) diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif pada 8 Ogos 2011. ATP telah menetapkan jam kontak pensyarah kepada 39 jam seminggu. Agihan ATP adalah asas kepada penyediaan Sasaran Kerja Tahunan (SKT), penilaian prestasi dan kriteria kenaikan pangkat.

Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dibuat untuk memastikan pembahagian permorkahan adalah berdasarkan penilaian yang sewajarnya mengikut peringkat pembelajaran. Penilaian dibahagikan kepada tiga (3) peringkat iaitu peringkat I, II dan III. Peringkat I merangkumi penilaian dari segi mengingati, peringkat II adalah dari sesi

mengaplikasi dan juga pemahaman dan peringkat III adalah dari segi mencipta, menilai dan juga menganalisis seperti jadual di bawah:-

Peringkat	%	Penilaian
Peringkat I	10%	Mengingati
Peringkat II	50%	Mengaplikasi/pemahaman
Peringkat III	40%	Mencipta/menilai/menganalisis

Penilaian bagi tahun 1-3 adalah berbeza dari segi pembahagian peratus untuk memastikan kesetaraan permarkahan mengikut tahun pembelajaran. Bagi tahun pertama penilaian dari segi *cognitive* adalah dititikberatkan manakala tahun kedua dan ketiga pembelajaran perlu dilebihkan dari segi tahap *psychomotor* seperti yang tertera di dalam jadual spesifikasi *curriculum design-teaching-learning-assessment*

Jadual 5.7: Jadual Spesifikasi *curriculum design-teaching-learning-assessment*

Tahun	Level I Cognitive	Level II Physcomotor	Level III Affective
3	20%	50%	30%
2	40%	50%	10%
1	40%	50%	10%

(3) Penyelidikan dan Perundingan

Dalam usaha menyemarakkan penyelidikan ke arah matlamat menjadi sebuah universiti penyelidikan, setiap kakitangan akademik amat digalakkan untuk memperolehi geran penyelidikan menerusi segala peluang yang ada seperti geran dari Kementerian Pengajian Tinggi (FRGS, ERGS, PRGS, E-Science), Kementerian Pertanian, Kementerian Alam Sekitar dan Teknologi Hijau dan sebagainya, serta geran-geran dari organisasi-organisasi di luar negara. ATP pensyarah mengambilkira penglibatan mereka dalam aktiviti penyelidikan.

Dalam menyahut aspirasi universiti untuk menggarap kecemerlangan akademik kaum bumiputera, pensyarah-pensyarah di setiap pusat pengajian, dengan bantuan staf pentadbiran, juga terlibat dengan proses merangka dan menyiapkan dokumen cadangan program-program baru di peringkat sarjana muda dan pasca-siswazah mengikut keperluan *Malaysian Qualification Agency* (MQA). Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur merupakan sebuah Fakulti yang sinonim dengan kegiatan perundingan. Bukan sahaja terunggul di kalangan fakulti-fakulti yang ada di UiTM, tetapi staf akademik FSPU disegani di arena alam bina negara kerana telah banyak menghasilkan rekabentuk, kajian dan cadangan projek serta berjaya mempamerkan hasil kerja profesional yang bermutu. Pihak universiti juga memberi kebenaran untuk pensyarah menjalankan perundingan selepas waktu bekerja. Para pensyarah yang mampu bergiat aktif dalam perundingan tanpa mengabaikan tugas di bilik kuliah dan studio merupakan aset penting yang perlu dihargai. Begitu juga mereka yang sanggup meluangkan masa serta tenaga untuk menganggotai jawatankuasa-jawatankuasa di pertubuhan-pertubuhan profesional dan lembaga untuk bidang masing-masing.

Bagi meningkatkan budaya penyelidikan di kalangan warga kakitangan akademik FSPU, galakan secara berterusan bagi kakitangan akademik untuk memohon pelbagai dana dan geran penyelidikan seperti RIF, FRGS (sains dan teknologi, sains sosial pengurusan dan SSP). Jumlah pemegang dana penyelidikan bagi tahun 2013 adalah seperti berikut:-

Jadual 5.8: Senarai Pemegang Dana Penyelidikan Bagi Tahun 2013

BIL	KETUA PENYELIDIK	TARIKH DANA	JUMLAH (RM)
PEMEGANG DANA RAGS			
1	Hazwani Ramli	15.09.2013	50,000
J	Nurulhusna Qamaruzzaman	15.09.2013	50,000
u	Mysarah Maisham	15.09.2013	50,000
m	Noor Aisyah Asyikin Mahat	15.09.2013	50,000
l	Shazwan Mohamed	15.09.2013	50,000
6	Siti Nur Farhana Ab Latif	15.09.2013	50,000
a	Dr Shahrul Yani Said	15.09.2013	50,000
h	Zarina Alias	15.09.2013	50,000
9	Wan Zuriea Wan Ismail	15.09.2013	50,000
10	Ahmad Shahrin Said	15.09.2013	50,000
k	Siti Suhana Judi	15.09.2013	50,000
12	Mohamed Ikhwan Nasir Mohamed Anuar	15.09.2013	50,000
e	Rostam Yaman	15.09.2013	50,000
w	Abu Bakar Abd Hamid	15.09.2013	50,000
a	Sarah Mazhar Iqbal Khan	15.09.2013	50,000
n	Ahmad Sharim Abdullah	15.09.2013	50,000
17	Hasnizan Aksah	15.09.2013	50,000
g	Elma Dewiyana Ismail	15.09.2013	50,000
a	Aidatul Fadzlina Bakri	15.09.2013	50,000
PEMEGANG DANA FRGS			
1	Prof. Dr Abdul Hadi Nawawi	25.11.2013	75,800
2	Prof Madya Dr Rohana Mahbub	25.11.2013	75,800
d	Prof Madya Dr Faridah Ismail	25.11.2013	60,200
a	Azman A. Rahman	15.11.2013	91,000
PEMEGANG DANA NRGS			
1	Dr Zulhabri Ismail	01.12.2013	151,000
PEMEGANG DANA ERGS			
1	Prof Dr Hj Ismail Rahmat	01.06.2013	55,000
y	Prof Madya Dr Sabarinah Sh Ahmad	01.06.2013	55,000
e	Prof Madya Dr Abd Manan Samad	01.06.2013	100,200
PEMEGANG DANA CIFI			
n	Prof Madya Dr Abd Manan Samad	01.12.2013	60,000
g	Prof Madya Dr Kamarul Bahrain Shuib	01.12.2013	60,000
3	Prof Madya Dr Sabarinah Sh Ahmad	01.12.2013	60,000
4	Dr Zulhabri Ismail	01.12.2013	40,000
d	Dr Mohamad Nidzam Rahmat	01.12.2013	40,000
PEMEGANG DANA PSI			
1	Prof. Dr Abdul Hadi Nawawi	01.12.2013	40,000
t	Prof Madya Dr Faridah Ismail	01.12.2013	40,000
e	Prof Madya Dr Rohana Mahbub	01.12.2013	40,000
r	Prof Dr Hj Ismail Rahmat	01.12.2013	40,000
i	Dr Zulhabri Ismail	01.12.2013	40,000
6	Prof Madya Dr Abd Manan Samad	31.12.2013	60,000
m	Prof. Dr Dasimah Hj Omar	01.12.2013	60,000
a	Dr Eran Sadek Said Md Sadek	01.12.2013	60,000
9	Prof Madya Datin Dr Hj Hamimah Adnan	01.12.2013	60,000
10	Prof Madya Dr Kamarul Bahrain Shuib	01.12.2013	60,000
11	Prof Madya Dr Sabarinah Sh Ahmad	01.12.2013	60,000
12	Dr Mohd Zafrullah Mohd Taib	01.12.2013	40,000
13	Prof Dr Ting Kien Hwa	01.12.2013	40,000
14	Prof Madya Dr Norhati Ibrahim	01.12.2013	60,000
15	Dr Mohamad Nidzam Rahmat	01.12.2013	60,000
16	Prof Madya Dr Masran Saruwono	01.12.2013	40,000
17	Dr Hajah Norizan Ahmad	01.12.2013	40,000
18	Dr Shahrul Yani Said	01.12.2013	40,000
19	Prof Madya Dr Roshana Takim	01.12.2013	40,000
20	Prof Madya Dr Jamalunlaili Abdullah	01.12.2013	60,000
21	Prof Madya Dr Sabarinah Sh Ahmad	01.12.2013	40,000
22	Prof Madya Dr Zulkiflee Abd Latif	01.12.2013	40,000
23	Dr Fatimah Yusof	01.12.2013	40,000
24	Dr Nor Aizam Adnan	01.12.2013	60,000
25	Dr Zulkiflee Abd Latif	01.12.2013	40,000

Jadual 5.9: Jumlah Pemegang Dana Penyelidikan Bagi Tahun 2013

Jenis Dana	Jumlah Pemegang Dana
RAGS	19
FRGS	4
NRGS	1
ERGS	3
CIFI	7
PSI	26
Jumlah Keseluruhan	60

Jumlah kewangan dana yang diterima secara keseluruhan untuk penyelidikan adalah RM 4,837,400.00.

(4) Penulisan dan Penerbitan

Selain terlibat dengan penyelidikan dan perundingan, staf akademik juga turut dilibatkan menghasilkan penulisan dan penerbitan dari kerja penyelidikan dan perundingan yang dijalankan. Penulisan dan penerbitan dalam bentuk jurnal berwasit, tidak berwasit, *chapter in books*, kertas pembentangan dan sebagainya adalah antara yang telah dilakukan oleh staf akademik FSPU. Bagi tahun 2013 beberapa penerbitan dan penulisan telah diterbitkan seperti berikut:

Jadual 5.10: Jumlah penulisan dan penerbitan staf akademik

Jenis Penulisan dan Penerbitan	Jumlah
Jumlah penerbitan sebagai rujukan (citation) – jurnal berwasit termasuk rujukan kertas prosiding	181
Penerbitan berimpak faktor kumulatif	0
Penerbitan bagi rujukan kumulatif	2
Jumlah penerbitan bagi bukan rujukan (citation) – jurnal berindeks	15
Jumlah penerbitan bagi bab dalam buku (<i>chapter in book</i>)	2

(5) Jaringan Industri

Bagi mengukuhkan hubungan akademik fakulti dengan institusi pendidikan dan agensi, jaringan industri telah dibuat dengan beberapa memorandum persefahaman (MOU) dan memorandum perjanjian (MOA) dijalankan dengan beberapa agensi di dalam dan di luar negara. Antara projek MOU dan MOA adalah seperti berikut:

Nama Projek	Ketua Projek
MoU with University of Salford, United Kingdom	PM Dr Padzil Hassan
MoU with Eastern Mediterranean University, Turkey	Prof Dr Mohamed Yusoff Abbas
MoU with Universiti Gadjah Mada, Indonesia	Mohd Faizal Foad @ Fuad
MoU with Universitas Pancasila, Indonesia	Dr Hjh Norizan Ahmad
MoU with King Mongkut's Institute of Technology, Thailand	Prof Dr Mohamed Yusoff Abbas
MoU with Istanbul Technical University, Turkey	Prof Dr Mohamed Yusoff Abbas
MoU with Abu Dhabi University	PM Hj Kamran Shavarebi
MoA with Malaysian Institute of Planners/Federal Department of Town and Country Planning	Proh Dr Hjh Dasimah Omar
MoU with Alor Gajah Municipal Council Malaysia	PM Dr Hjh Fatimah Yusof

Bagi memantap lagi sistem akademik fakulti, seramai 22 orang staf akademik telah di hantar keluar negara bagi latihan industri.

c) Persekitaran Tenaga Kerja

Bagi menampung keperluan staf seramai 376 orang dan jumlah pelajar lebih kurang 5000 orang, ruang kerja dan pengajaran yang kondusif diperlukan. FSPU mempunyai dua (2) bangunan utama iaitu :

FSPU 1 adalah di Kompleks Tahir Majid yang menampung tujuh (7) pusat pengajian

- Pusat Pengajian Senibina
- Pusat Pengajian Senibina Dalam
- Pusat Pengajian Senibina Landskap
- Pusat Pengajian Perancang Bandar dan Wilayah

- v) Pusat Pengajian Ukur Bahan
- vi) Pusat Pengajian Pembinaan
- vii) Pusat Pengajian Pengurusan Hartanah


FSPU 2 adalah di Menara Sultan Abdul Aziz Shah yang menampung 3 pusat pengajian.

- i) Pusat Pengajian Ukur Bangunan
- ii) Pusat Pengajian Sains Ukur & Geomatik
- iii) Pusat Pengajian Pengurusan Taman & Ameniti


Selain itu FSPU turut menyediakan infrastruktur yang selesa seperti perpustakaan Fakulti, ruang rehat pensyarah dilengkapi dengan komputer dan mesin cetak, dan juga kafeteria. Kafeteria turut mengasingkan ruang duduk antara pelajar dan staf.

Aspek keselamatan amat dititikberatkan di FSPU kerana terdapatnya pelajar Pasca Siswazah yang menghadiri kelas malam dan kedapatan juga penyarah yang mengajar Pelajar Luar Kampus (PLK) di hujung minggu. Untuk tujuan itu, CCTV telah dipasang di semua blok untuk tujuan keselamatan staf dan juga harta benda. Selain CCTV, semua bilik komputer, perpustakaan dan juga bilik pensyarah dilengkapi dengan *grill* keselamatan.

Khidmat Polis Bantuan UiTM turut ditempatkan di pintu masuk ke bangunan FSPU untuk mengawal keselamatan Fakulti secara giliran bagi memastikan sistem kawalan keselamatan sentiasa terjamin. Tempat letak kereta turut dilengkapi dengan sistem berpaling di FSPU. Pengukuran prestasi dan matlamat penambahbaikan bagi setiap keperluan staf turut diukur dengan kepentingan jawatan seperti kenaikan pangkat.



Gambar 5.1: Plan kawasan bangunan FSPU 1



Gambar 5.2: Plan kawasan bagi sebahagian bangunan FSPU 2

Fasiliti mengikut bangunan di FSPU:

FASILITI	FSPU 1	FSPU 2
Bilik Pensyarah	/	/
Blok Pentadbiran	/	/
Staff Lounge	/	/
Bilik Koporat	/	/
Bilik Mesyuarat	/	/
Kaunter Pertanyaan	/	/
Bilik Operasi Peperiksaan	/	/
Bilik Fail dan Rekod	/	/
Pantri	/	/
Blok Siswazah	/	/
Studio	/	/
Bilik Kuliah	/	/
Dewan Kuliah	/	/
Galleri FSPU	/	/
Surau	/	/
Bilik Plotter	/	/
Bilik Audio Visual	/	/
Makmal Autocad	/	/
Makmal GIS / Remote Sensing	/	/
Makmal Akustik	/	/
Makmal Penyelidikan	/	/
Makmal Ukur Kejuruteraan	/	/
Makmal Peralatan Ukur	/	/
Makmal Photogrametrik	/	/
Makmal Komputer Siswazah	/	/
Makmal Angin	/	/
Makmal Kualiti Air	/	/
Makmal Cahaya	/	/
Makmal Artificial	/	/
Perpustakaan Kompleks Tahir Majid	/	/
Amphitheatre	/	/

Staf pentadbiran FSPU turut terlibat dalam usaha penambahbaikan. Bilamana mereka menjadi ahli jawatankuasa pembangunan dan penyelenggaraan, penyelenggaraan bangunan am, rancangan penempatan/pembesaran/peruntukan ruang pejabat, ruang landskap (termasuklah penjagaan tambahan dan kawasan letak kereta), penglibatan jawatankuasa imej dan promosi, aktiviti gotong-royong dan tabung aktiviti FSPU Shah Alam.

Selain itu, jawatankuasa imej dan promosi turut berfungsi memperbaharui laman sesawang FSPU. Jawatankuasa ini turut mengemaskini maklumat terkini setiap pusat pengajian seperti data Ketua Program, gambar staf, kepakaran setiap pensyarah dan nombor serta alamat yang boleh dihubungi.



Kaunter Pertanyaan di FSPU 1



Staf lounge di FSPU 1



Pejabat di FSPU 2

5.2 Penglibatan Tenaga Kerja

a) Prestasi Tenaga Kerja

(1) Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)

LNPT dilaksanakan secara berkala keatas semua sumber tenaga kerja berdasarkan kepada garis panduan yang telah ditetapkan oleh JPA/UiTM. Pelaksanaan LNPT merupakan salah satu syarat perkhidmatan yang diwajibkan ke atas setiap penjawat awam.

Di FSPU, LNPT dilaksanakan secara berhemah, objektif dan telus bagi menjamin tahap motivasi dan peningkatan prestasi di semua peringkat kakitangan. Pelaksanaan LNPT ini dipertanggung jawabkan kepada Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK) dalam menentukan tahap pencapaian prestasi Pegawai Yang Dinilai (PYD).

PYD perlu membuat penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) yang telah dipersetujui bersama dengan Pegawai Penilai. Pegawai Penilai haruslah telah menyelia serta memahami bidang tugas PYD. Dimana Pegawai Penilai juga perlu memantau serta memberikan panduan bagi menjamin pencapaian SKT yang telah

ditetapkan. Berikut adalah laporan prestasi kakitangan Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur berdasarkan LNPT bagi tempoh 2011, 2012 dan 2013:

SELANG MARKAH	TAHUN 2011	TAHUN 2012	TAHUN 2013
70% - 79.9%	20	16	10
80% - 89.9%	224	243	266
90% - 100%	105	81	68

(2) Anugerah Khidmat Cemerlang

Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur sentiasa memberikan penghargaan kepada semua sumber tenaga yang menyumbang secara gigih bagi kecermerlangan fakulti. Seramai 8% daripada keseluruhan kakitangan telah dipilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang di peringkat UiTM. Selain daripada sijil penghargaan penerima juga akan diberikan hadiah berbentuk wang saguhati yang berjumlah RM1,000.00. Anugerah yang berprestij ini akan disampaikan oleh Naib Canselor di peringkat Universiti.

b) Penilaian Penglibatan Tenaga Kerja

Penilaian terhadap penglibatan sumber tenaga manusia di FSPU boleh dibuat secara formal dan tidak formal. Penilaian secara tidak formal dibuat melalui bimbingan dan nasihat dan juga program mentor-mentee. Mesyuarat Akademik adalah salah satu contoh penilaian formal yang dibuat, dimana staf akademik dapat meluahkan rasa tidak puas hati atau memberi pendapat mereka, dengan harapan isu yang dibangkitkan dapat diselesaikan oleh FSPU. Selain itu SuFO secara talian juga diguna pakai untuk kategori penilaian secara formal. Pelajar dapat menilai subjek yang dipelajari selama satu semester dan turut merangkumi aspek lain seperti kefahaman, keadaan fizikal kelas dan juga tenaga pengajar. Keputusan SKT turut menyatakan latihan yang diperlukan oleh setiap staf FSPU sepanjang tahun.

Jadual 5.14: Laporan Penilaian Pemantauan Staf Akademik Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur bagi tahun 2013.

Semester Pro-Pens	Bil Pensyarah Yang Terlibat	Jumlah Sebenar Pensyarah	Peratus Pensyarah Terlibat	Jumlah Keseluruhan Purata Skor
Mac -Julai	59	318	18%	88.58% / Sangat Baik
Sept - Jan	52	265	19.62%	88.80% / Sangat Baik

Data penilaian yang diperoleh dari Mesyuarat Akademik, SKT atau SuFO menjadi salah satu sumber untuk penambahbaikan penglibatan sumber tenaga manusia yang ada di FSPU. Sebagai contoh, dengan membuat kajian tentang keperluan latihan dan juga melalui bilangan kursus-kursus yang pernah dihadiri staf, FSPU dapat mengenalpasti ciri-ciri dan kemahiran yang berpotensi dan diperlukan oleh staf akademik dan pentadbiran.

Bagi staf yang telah dikenalpasti kurang produktif maka tindakan susulan akan dibuat seperti menghantar surat peringatan bagi yang tidak cukup jam keberadaan misalnya.

c) Pembangunan Pimpinan dan Tenaga Kerja

(1) Latihan dan Pembangunan Staf

FSPU sentiasa memberikan galakan dan peluang bagi semua kakitangan dalam mempertingkatkan pengetahuan kemahiran dan kompetensi melalui latihan dan program-program pembangunan insaniah. Peningkatan pengetahuan melalui latihan akan dapat membantu kakitangan dalam menjalankan tanggungjawab harian sebagai ahli akademik dan pentadbiran secara lebih efektif, professional, kooperatif dan kolaboratif.

Kakitangan yang bercadang untuk menghadiri atau membentangkan kertas kerja di dalam atau luar negara dikehendaki membuat permohonan kepada fakulti. Kakitangan

akademik amat digalakan membentangkan kertas kerja mereka di seminar atau konferensi yang berimpak tinggi. Pembentangan semula kertas kerja tersebut dilakukan di fakulti bagi membolehkan kakitangan lain berpeluang berkongsi ilmu dan mengaplikasikannya dalam bidang tugas mereka.

UiTM mewajibkan kehadiran latihan sebanyak 42 jam setahun bagi meningkatkan kompetensi kakitangan berdasarkan kepada pecahan berikut :-

- i. 15 jam untuk latihan kompetensi umum
- ii. 15 jam untuk latihan kompetensi khusus, dan
- iii. 12 jam untuk latihan ICT

Berikut adalah analisa kehadiran latihan kakitangan Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur bagi tahun 2013.

Jadual 5.15: Laporan Pengurusan Latihan FSPU 2013

Kategori Kakitangan	Lebih 42 Jam		Kurang 42 Jam		Bilangan Staf
	Bil	%	Bil	%	
Staf Akademik	151	62.91	89	37.08	240
Staf Pentadbiran	52	92.85	4	7.14	56

(2) Peningkatan Kerjaya dan Kenaikan Pangkat

Kriteria kenaikan pangkat diwar-warkan kepada staf melalui *e-mail* dan juga mesyuarat pengurusan. Bagi staf yang layak melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi mereka akan digalakkan berbuat demikian. Latihan industri dan profesional digalakkan untuk staf pentadbiran dan akademik. Selain itu kursus-kursus jangka pendek yang berkaitan dengan bidang masing-masing turut digalakkan. Jumlah kakitangan yang menerima kenaikan pangkat pada tahun 2013 adalah seramai 23 orang dan penamanya adalah seperti berikut:

Nama	Kenaikan Pangkat ke Jawatan	Tarikh Kuatkuasa
Profesor Datuk Dr. Mizan Hitam	Gred Khas C (VK7)	19.03.2013
Profesor Dr Ting Kien Hwa	Gred Khas C (VK7)	19.03.2013
Dr Nasruddin Hj Faisol	Pensyarah Kanan	12.03.2013
Zilkifli Sapeciay	Pensyarah Kanan	12.03.2013
Siti Aekbal Salleh	Pensyarah Kanan	24.07.2013
Rabiatul Adawiyah Nasir	Pensyarah Kanan	24.07.2013
Azman A. Rahman	Pensyarah Kanan	24.07.2013
Mohd Arif Marhani	Pensyarah Kanan	24.07.2013
Har Einur Azrin Baharuddin	Pensyarah Kanan	24.07.2013
Siti Zabeda Mohamad	Pensyarah Kanan	24.07.2013
Siti Mazzuana Samsuddin	Pensyarah Kanan	13.09.2013
Norishahaini Mohamed Ishak	Pensyarah Kanan	13.09.2013
Farrah Zuhaira Ismail	Pensyarah Kanan	13.09.2013
Mohd Reza Esa	Pensyarah Kanan	13.09.2013
Tun Mohd Irfan Mohd Suria Affandi	Pensyarah Kanan	13.09.2013
Rostam Yaman	Pensyarah Kanan	13.09.2013
Ahmad Shazrin Mohamed Azmi	Pensyarah Kanan	25.10.2013

5.3 Penutup

Pengurusan sumber manusia di FSPU memberikan penekanan kepada pendekatan yang strategik selaras dengan visi, misi dan objektif fakulti dan UiTM.

Pendekatan ini akan menghasilkan kesan yang positif kepada organisasi melalui pemilihan kakitangan, peluang latihan kerjaya, program latihan yang sistematik, bersepadu serta berkesan. Selain daripada itu penyeliaan, motivasi dan penghargaan daripada peringkat yang lebih tinggi akan dapat dilaksanakan secara efektif.


Pengurusan sumber manusia sebagai asset yang paling bernilai amat penting dilaksanakan demi menghadapi persaingan sengit di era globalisasi dan kecanggihan teknologi.

6.0 FOKUS KEPADA OPERASI

Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur memfokuskan aspek penawaran program pengajian berdasarkan “studio-based” dan “non-studio based” dan cuba memastikan keperluan dan kehendak pasaran ditepati melalui sistem pengurusan dan penambahbaikan sistem kerja yang dilakukan secara berterusan selaras dengan matlamat dan objektif yang ditetapkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM).

6.1 Sistem Kerja

Sistem kerja fakulti dibentuk bagi memenuhi keperluan operasi di peringkat pentadbiran dan akademik sejajar dengan peruntukan di bawah manual prosedur kualiti fakulti. Proses sistem kerja fakulti ditentukan melalui 3 pecahan utama pengurusan fakulti iaitu peringkat pengurusan tertinggi, jawatankuasa fakulti dan jawatankuasa bertindak di setiap pusat pengajian sebagai saluran perbincangan dan penyampaian maklumat serta memastikan keperluan setiap program dipenuhi dan sejajar dengan objektif dan matlamat fakulti. Rajah 6.1 menunjukkan proses pengurusan pentadbiran akademik fakulti:



Rajah 6.1: Pengurusan Pentadbiran Akademik Fakulti

Bagi memantapkan pengurusan akademik fakulti, Lembaga Akademik Fakulti (LAF) bersama 4 pecahan jawatankuasa utama iaitu Mesyuarat Ketua Pusat Pengajian dan Koordinator kursus, Jawatankuasa Kecil Kurikulum Fakulti, Jawatankuasa Kecil Pengurusan Akademik dan Jawatankuasa Kecil Akademik Pengajian Siswazah dibentuk bertindak untuk mengurus, merancang strategi dan membincangkan isu-isu berbangkit. Di bawah Jawatankuasa Kecil Pengurusan Akademik, terdapat 9 pecahan koordinator dibentuk bagi menguruskan hal-hal yang lebih spesifik iaitu Koordinator Jadual Waktu Kuliah dan Ruang, Koordinator Kurikulum dan OBE, Koordinator Misi Akademik, Koordinator Pemilihan Buku, Koordinator i-Learn, Koordinator Pemantauan Pensyarah, Koordinator Penyediaan Kertas Soalan, Koordinator Pengendalian Peperiksaan dan Koordinator Latihan Praktikal Jabatan.

Kesemua koordinator fakulti dilantik selaras dengan pelantikan jawatankuasa di peringkat pusat pengajian bagi membolehkan perancangan dan pengurusan secara keseluruhan dapat dilaksanakan. Jadual 6.2 menunjukkan proses pengurusan akademik di peringkat fakulti dan pusat pengajian.



Rajah 6.2: Proses Pengurusan Akademik Secara Keseluruhan

a) Pengurusan Sistem Kerja

Sistem kerja fakulti dikaitkan dengan kompetensi teras melalui tiga proses utama terdiri daripada proses pengajaran dan pembelajaran, proses pembangunan akademik, kebajikan dan proses sendiri pelajar. Keunikan Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur adalah menjalankan pelbagai program berteraskan “non-studio based” dan “studio based” yang memerlukan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang komprehensif iaitu membekalkan pelajar dari kepelbagaian medium penyampaian ilmu seperti rajah 6.3 di bawah:



Rajah 6.3: Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Modul pengajaran dan pembelajaran bagi setiap pensyarah dikemaskinikan di dalam fail portfolio pengajaran dan kerja kursus. Bertepatan dengan kehendak semasa, FSPU juga tidak ketinggalan di dalam penggunaan teknologi seperti portal i-learn yang telah digunakan pensyarah FSPU untuk mengendalikan kursus, menyampaikan maklumat pengajaran dan pembelajaran di samping dapat memberi maklumat secara lebih berkesan. Pelajar boleh mengakses nota pelajaran di dalam sistem tersebut. Selain dari itu pensyarah juga digalakan menggunakan aplikasi sistem lain seperti sistem pesanan ringkas, komunikasi secara kumpulan seperti penggunaan *whatsapp* atau *facebook* untuk mudah dihubungi oleh pelajar.


Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran, fakulti telah mengenalpasti kehendak aspek yang mengambilkira keperluan di peringkat fakulti, pensyarah dan pelajar seperti di dalam Jadual 6.4:



Rajah 6.4: Aspek Pembelajaran yang Memenuhi Keperluan Pasaran Kerja

Bagi memantapkan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran, fakulti menggunakan 6 kaedah utama iaitu melalui aplikasi pelan pengajian, penyemakan dan penambahbaikan silibus, *course outline*, *scheme of work*, keperluan OBE dan

memenuhi keperluan Akreditasi. Selain itu fakulti juga turut mengadakan sistem penasihat akademik bagi setiap pelajar dan khidmat kaunseling dimana fungsi utama adalah untuk memantau dan membantu pelajar dari sudut pembelajaran. Proses pengajaran dan pembelajaran di fakulti mengambilkira perkembangan terkini dalam bidang maklumat. Seajar dengan itu, pensyarah digalakkan untuk mengambil latihan IT, program e-learning, kursus perisian terkini dan latihan yang ditawarkan oleh iLQAM bagi menambah kebolehan pensyarah di dalam bidang keperluan semasa. Keperluan latihan bagi setiap pensyarah juga telah disyaratkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk mencapai KPI latihan dengan menghadiri Kursus dalaman dan luar sebanyak 42 jam setahun bagi meningkatkan kompetensi pensyarah dan secara tidak langsung akan meningkatkan prestasi kualiti pengajaran dan pembelajaran malah perkhidmatan yang lain. Rajah 6.5 menunjukkan keperluan bagi proses pembelajaran dan pengajaran pensyarah di fakulti.



Rajah 6.5: Proses Kelestarian Kakitangan Akademik

FSPU sangat komited di dalam menyalurkan kaedah pembelajaran yang bersesuaian dan memberikan ilmu yang bertepatan dengan keperluan pasaran kerja. Kaedah jemputan ahli industri ke fakulti atau ke pusat pengajian untuk memberi siri ceramah atau taklimat berkaitan dengan bidang kursus dapat memberikan gambaran sebenar keperluan industri kepada pensyarah dan pelajar. Selain itu, pihak fakulti sentiasa menggalakkan staf menjalin hubungan baik dengan pihak industri bagi memastikan bahan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas adalah sejajar dengan keperluan industri dan di samping itu dapat mewujudkan ruang penyelidikan antara pensyarah dan pihak industri. Fakulti juga membuka peluang untuk pensyarah melibatkan diri untuk latihan industri secara jangka pendek untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran pensyarah.

b) Kebersediaan Menghadapi Kecemasan

Situasi kecemasan yang dijangkakan meliputi perkara hal akademik, keselamatan dan kesihatan.

(1) Hal Akademik


Dalam hal akademik, situasi yang diambilkira adalah perkara yang melibatkan urusan peperiksaan contohnya di dalam transisi ketiadaan pensyarah akibat sakit atau cuti kecemasan. Dalam keadaan ini, pihak FSPU menyediakan *bank* soalan

peperiksaan yang boleh digunakan sebagai kertas soalan kecemasan. Bagi menepati keperluan kecemasan hal akademik, setiap pensyarah disaran untuk menghantar kertas peperiksaan kecemasan dan disimpan di dalam *bank* peperiksaan.

Selain itu bagi pensyarah yang tidak dapat hadir untuk pengawasan peperiksaan, pihak fakulti juga telah menyenaraikan pensyarah yang perlu untuk mengambil alih tugas tersebut. Bagi pelajar sakit semasa peperiksaan pula, fakulti juga mengambil sikap bersiap sedia untuk menghadapi situasi tersebut seperti menyediakan bilik khas untuk pelajar menjalani peperiksaan dan menghantar pengawas di pusat kesihatan di mana pelajar tersebut terlibat di dalam peperiksaan.

(2) Keselamatan dan Kesihatan

Pihak fakulti telah menubuhkan Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (SOSCHo) pada tahun 2012 selaras dengan matlamat UiTM seperti carta alir di bawah:



Carta Alir Jawatankuasa SOSHCo FSPU

Jawatankuasa telah pun didedahkan berkenaan penerapan berhubung dasar dan pelaksanaan sistem kawalan keselamatan dan perlindungan di fakulti. Antara langkah-langkah yang telah dan berterusan dilaksanakan ialah:

- Penggunaan borang laporan kejadian kes
- Rondaan malam oleh bahagian keselamatan dengan kerjasama polis bantuan
- Membuka dan menutup pintu pejabat pentadbiran FSPU
- Menghebahkan langkah keselamatan melalui email staf bagi cuti panjang contoh cuti hari raya
- Staf perlu mengisi surat kebenaran untuk membawa keluar barangan peribadi (contoh perabut)
- Surat peringatan diberikan oleh dekan FSPU sebagai ingatan untuk mematuhi arahan memastikan keselamatan bilik/studio bagi setiap kelalaian dan kecuaiian
- Surat tunjuk sebab akan diminta oleh dekan FSPU sekiranya kecuaiian berulang semula atau melibatkan kes sensitif

Bagi memantapkan pengetahuan berkenaan keselamatan dan kesihatan, pihak fakulti juga telah menghantar semua ahli jawatankuasa untuk menghadiri kursus 'Hazard Identification and Risk Assessment' (HIRARC) pada 6 November 2013. Selain daripada itu, ketua jawatankuasa perlu membentangkan laporan kemajuan KKP berkenaan laporan kemalangan dan kesihatan di peringkat universiti.

Kesediaan terhadap ancaman kebakaran pula ditangani dengan melengkapkan fakulti dengan peralatan cegah kebakaran seperti *sprinkler*, *hose reel* dan alat pemadam kebakaran. Unit penyelenggaraan, fakulti juga menjalankan pemeriksaan peralatan secara berkala bagi memastikan semua peralatan berfungsi dengan baik.

6.2 Proses Kerja

Prosedur Kualiti telah diguna pakai di FSPU dalam pelaksanaan dan pengurusan proses kerja.

a) Pengurusan Proses Kerja

Pengurusan proses kerja di FSPU menepati keperluan proses utama melalui proses pembelajaran secara pematuhan kepada jadual waktu kuliah, kurikulum, silibus dan fail kursus. Pemantauan pelaksanaan peraturan turut dijalankan dari masa ke semasa agar objektif FSPU dapat dicapai secara keseluruhan.

FSPU mengaplikasikan mod blended learning bagi mengurangkan sebahagian jam bersemuka dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian menggunakan i-learn. Blended learning ini bertujuan untuk menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran. Sebanyak 30% daripada keseluruhan silibus bagi setiap program sarjana muda diperuntukan untuk diaplikasikan secara blended learning. Seramai 49 orang pensyarah telah mendaftar bagi mod blended learning sepanjang tempoh Semester September-Januari 2014 yang mana melibatkan 43 kod kursus.

Pada tahun 2013 seramai 6,985 orang pelajar FSPU menggunakan i-Learn bagi tujuan pembelajaran dan bilangan pensyarah yang menggunakan mod ini sebagai medium pengajaran adalah seramai 197 orang.

(1) Pelaksanaan Proses Kerja Utama Mekanisme Pengukuran

Mekanisma pengukuran utama yang digunakan bagi mengawal dan menambahbaik proses adalah melalui:

- 1) Objektif FSPU
- 2) *Key Performance Indicator* (KPI)
- 3) Sasaran Kerja Tahunan (SKT)
- 4) Piagam Pelanggan

Mekanisma pengukuran utama melibatkan objektif FSPU yang dibincangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Akademik Fakulti (LAF) dan Mesyuarat Ketua Program. Melalui mesyuarat ini tindakan susulan akan dilaksanakan sekiranya terdapat objektif yang tidak tercapai. Diantara objektif FSPU yang telah ditetapkan adalah seperti:

- Mencapai pertambahan peratusan bilangan pelajar tamat pengajian dengan CGPA 3.50 ke 15%.
- Memastikan sekurang-kurangnya 85% pelajar sepenuh masa lulus dalam tempoh yang ditetapkan.
- Meningkatkan peratusan tenaga pengajar dengan kelayakan PhD kepada 60% dan kelulusan professional kepada 40% pada tahun 2020.
- Memastikan fakulti mendapat geran penyelidikan sebanyak RM1 juta setiap tahun.
- Mencapai penglibatan staf akademik dalam bidang penulisan dan penerbitan ilmiah/kerja kreatif pada kadar purata satu per staf akademik setiap tahun.

KPI turut memainkan peranan dalam pelaksanaan kerja di FSPU selain Piagam Pelanggan. Kepentingan Piagam Pelanggan adalah untuk memberi perkhidmatan terbaik FSPU kepada pelajar dan pelanggan utama. Piagam Pelanggan yang diamalkan di FSPU adalah:

- Pelajar akan memperolehi kelulusan akademik dalam Alam Bina yang diiktiraf oleh kerajaan dan badan professional serta menepati keperluan industri.
- Pelajar akan memperolehi pengijazahan dalam tempoh yang ditetapkan setelah memenuhi semua syarat.
- Pelajar akan memperolehi perkhidmatan yang menyokong pengajaran dan pembelajaran dalam persekitaran kondusif.
- Kerajaan akan memperolehi sumber tenaga terlatih berasaskan teknologi dalam Alam Bina selaras dengan wawasan negara.
- Industri akan memperolehi professional yang efektif dalam alam bina melalui kerja-kerja penyelidikan dan perundangan.
- Fakulti yang sentiasa menerajui perkembangan di bidang Sains dan Teknologi dan mengamalkannya.
- Fakulti yang prihatin terhadap kesejahteraan sejagat.

Selain itu, mekanisma pengukuran utama turut melibatkan SKT. Contohnya setiap staf pada setiap awal tahun perlu menetapkan sasaran atau matlamat yang perlu dicapai pada tahun berkenaan. Setiap sasaran yang dibuat disertakan dengan petunjuk prestasi. Manakala penilaian prestasi dibuat berdasarkan garis panduan penilaian prestasi staf. Sekiranya sasaran tidak dicapai, staf berkenaan perlu memberi sebab atas ketidakcapaian sasaran tersebut. Bagi pihak Ketua Pusat Pengajian, ketua bahagian dan koordinator, petunjuk prestasi digunakan sebagai kaedah untuk menganalisa keperluan latihan staf untuk tujuan penambahbaikan dimasa akan datang.

Selain empat mekanisma utama seperti disebutkan di atas, terdapat juga mekanisma lain yang digunapakai seperti:

- Fingerflex
- Borang tempahan peralatan
- E-Cuti
- Portfolio pengajaran
- Fail program berteraskan OBE
- Fail kursus berteraskan OBE
- Rekod penggunaan bilik kuliah melalui sistem iCRESS
- Pemantauan bilik kuliah oleh AJK Pemantauan fakulti

Selain itu, maklumbalas dari staf, pelajar, pihak berkepentingan, rakan kerjasama dan pembekal turut digunakan dalam proses kerja. Pemantauan proses Piagam Pelanggan melibatkan surat aduan/pertanyaan/sesi kritik pelajar yang dianalisis, dibincangkan dalam mesyuarat dan diambil tindakan susulan untuk pembetulan dan pencegahan. Maklumbalas turut melibatkan peti cadangan dan Mesyuarat bersama jawatankuasa perwakilan pelajar wakil pelajar-Ketua Pusat Pengajian. Borang maklumbalas pelanggan juga digunapakai di akhir program motivasi fakulti. Seterusnya data yang berkaitan dianalisa oleh pihak penganjur untuk digunakan sebagai panduan bagi mengawal dan menambahbaik sistem kerja akan datang. FSPU turut juga menyediakan prosedur untuk memantau dan mengukur ciri-ciri produk untuk memastikan keperluan produk telah dipenuhi. Kriteria bagi produk yang dimaksudkan merujuk kepada parameter seperti berikut:

- Mencapai objektif FSPU berdasarkan kriteria yang ditetapkan.
- Memenuhi spesifikasi yang dapat memberikan kepuasan pelanggan.
- Memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh MQA.

(2) Pengurusan Rantai Pembekal

Dalam melaksanakan proses operasi, maklumbalas dari pelajar, ibu bapa, masyarakat, staf, pembekal turut diambil kira, sebagai contoh sumber maklumat diperolehi dari SuFO, borang maklumbalas pelanggan, mesyuarat fakulti dan bahagian. Fakulti turut menekankan kualiti perkhidmatannya yang adil, jujur dan menghormati pelanggan melalui komunikasi yang jelas, perkhidmatan mesra-pelanggan, keterbukaan dalam idea baru dan perkhidmatan yang pantas serta cekap. Fakulti menggalakkan staf akademik untuk terlibat dalam industri luar termasuklah memberi cuti *sabbatical*. Tujuannya adalah untuk memastikan staf menerima latihan yang cukup dan mempunyai pengalaman bagi memenuhi status profesional dalam bidang masing-masing. Kualiti perkhidmatan dalam kerja-kerja pembersihan seharian turut dijalankan di FSPU termasuklah di bilik kuliah, koridor bangunan dan bilik rehat staf. Selain itu kemudahan seperti penghawa dingin diperiksa setiap bulan bagi memastikannya berfungsi dengan baik.

Keperluan staf juga dikenalpasti melalui bajet tahunan yang telah dirancang di setiap unit atau bahagian. Permohonan tentang keperluan oleh kakitangan ini akan dimaklumkan ke Unit Kewangan Zon 9 untuk tindakan lanjut. Secara umumnya pengurusan perolehan turut dikendalikan oleh pihak Unit Kewangan Zon 9, FSPU. Contohnya pembelian terus di FSPU melibatkan penerimaan senarai dari pemohon. Permohonan tersebut perlu mendapat kelulusan PTJ (Pusat Tanggungjawab) /Dekan. Pembekal kemudiannya akan dipanggil untuk mengisi borang panggilan sebutharga. Kaedah perolehan pembelian terus terbahagi kepada:


- i. Bekalan: nilai dari RM0 hingga RM10,000 melibatkan hanya satu sebutharga.
- ii. Perkhidmatan: nilai dari RM0 hingga RM20,000 melibatkan dua sebutharga. Melibatkan Unit Kewangan Zon 9 bagi pembelian di bawah RM50,000.


Bagi sebutharga rasmi melibatkan pembelian RM50,000 hingga RM500,000, dan dua sebutharga dari pembekal bumiputera diperlukan. Proses ini melibatkan analisa, yang berdasarkan kepada harga terendah serta mesti mengikut spesifikasi dan memenuhi jangka masa penghantaran. Borang PB3/80 akan diisi untuk sekatan peruntukan. Setelah mendapat kelulusan PTJ, borang akan dihantar ke Unit Kewangan Zon 9 bagi membenarkan pembelian barang. Manakala tender akan dikendalikan oleh Unit Perolehan UiTM melalui pembelian barangan melebihi RM500,000 yang akan dikeluarkan di suratkhbar yang turut terbuka kepada pembekal bukan bumiputera.

Pengedar yang terpilih untuk menjalankan kerja-kerja di FSPU mesti tersenarai dan diluluskan oleh Bahagian Perolehan UiTM. Prestasi pengedar atau pembekal dinilai semasa proses pemantauan. Mereka yang tidak menjalankan kerja dengan memuaskan akan dilaporkan serta merta melalui panggilan telefon atau laporan susulan. Bagi pembekal yang tidak memenuhi spesifikasi maka penahanan pembayaran akan dibuat.


(3) Menambahbaik Proses Kerja

Bagi peningkatan dan menambahbaik proses kerja staf akademik, FSPU telah membuat pengagihan amanah tugas akademik bagi setiap pensyarah. Amanah Tugas Pensyarah (ATP) dibahagikan kepada 2 bahagian utama iaitu Amanah Tugas Syarahan (ATS) dan Kesetaraan Jam Syarahan (KJS) dan ditetapkan pada 39 jam seminggu. Formula Pengagihan ATP dan ATS adalah seperti Rajah 6.7 dan Rajah 6.8





Rajah 6.7: Formula Pengagihan ATP



Rajah 6.8: Formula Pengagihan ATS

Klasifikasi dan Agihan Amanah Tugas Pensyarah

Amanah ATP diklasifikasikan berdasarkan gred jawatan pensyarah dan ia dipecahkan dengan lebih teliti berdasarkan trek penekanan tugas pensyarah. Trek penekanan tugas pensyarah adalah terbahagi kepada 3 iaitu:

- Pengajaran dan Pembelajaran
- Penyelidikan
- Kepimpinan Akademik

Peningkatan Proses Pembelajaran Pelajar

FSPU telah mengambil beberapa alternatif untuk meningkatkan proses pembelajaran pelajarannya yang terdiri dari pelajar Sarjana Muda dan Pasca Siswazah. Bagi pelajar Sarjana Muda, pelajar cemerlang yang layak akan diserap terus ke program Sarjana, diberi Anugerah Dekan atau Anugerah Naib Canselor. Mereka yang cemerlang turut diraikan dalam majlis makan malam kecemerlangan akademik sebagai motivasi untuk terus berjaya. Manakala bagi pelajar Pasca Siswazah, mereka yang cemerlang akan dianugerahkan Anugerah Siswazah Cemerlang atau Anugerah Pasca Siswazah Fakulti.

Dalam menambahbaik perkhidmatan kepada pelajar Facebook FSPU UiTM Shah Alam telah diperkenalkan, ia melibatkan pelajar dan pihak pentadbiran. Pelajar FSPU boleh meluahkan pendapat tentang perkhidmatan di FSPU melalui Facebook

berkenaan dan tindakan susulan untuk penambahbaikan akan diambil oleh wakil FSPU.

Peningkatan Perkhidmatan Pendidikan

Di sesetengah Pusat Pengajian di FSPU, OBE turut dilaksanakan untuk menambahbaik perkhidmatan pendidikan dan seterusnya bagi mendapatkan pengiktirafan dari MQA. Semua ini dijelaskan dalam informasi kursus yang melibatkan pelan pengajaran, *expected course outcome* (CO), *programme outcome* (PO) dan penilaian kursus oleh pelajar. *Survey entry* dan *exit* turut diperkenalkan dalam CO dan PO. Beberapa siri bengkel OBE telah dijalankan diperingkat jabatan dan di peringkat FSPU. Selain itu beberapa kaedah lain turut dijalankan untuk meningkatkan perkhidmatan pendidikan seperti:

- Setiap pensyarah baru diwajibkan mengikuti program anjuran UiTM terutama yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.
- Pensyarah digalakkan mengikut bengkel, latihan dan seminar untuk mendapatkan pendedahan tentang kaedah dan teknologi terkini dan menggunakan pengalaman itu dalam proses pengajaran.
- Mengambil tindakan dari cadangan atau komen pelajar terhadap pensyarah melalui sistem SuFO.
- Mengadakan program luar seperti kem motivasi dan ceramah melibatkan pensyarah dan pelajar bagi meningkatkan kualiti diri dan tugas masing-masing.
- Pensyarah digalakkan untuk menambahbaik proses pengajaran, penulisan, penerbitan, perundangan dan penyelidikan dengan menghadiri bengkel-bengkel anjuran iLQAM dan RMI.
- Mengkaji semula kurikulum dan juga silibus bagi program-program yang ditawarkan dan proses ini dilakukan oleh pihak fakulti.
- Mengaplikasikan cara pengajaran yang memudahkan kefahaman pelajar terhadap sesuatu kursus seperti kaedah pengajaran *Program-Based-Learning*.

Peningkatan Kualiti Perkhidmatan

Peningkatan kualiti perkhidmatan dapat diukur melalui SKT dan juga pematuhan kepada Piagam Pelanggan. Dimana markah SKT dijadikan penentu untuk kenaikan gaji dan pangkat staf. Manakala petunjuk prestasi diguna untuk meletak sasaran kerja tahunan staf. Sebarang kelemahan dalam perkhidmatan diambil tindakan segera melalui maklumbalas pelanggan. Anugerah Khidmat Cemerlang Tahunan turut diberi kepada 29 orang pekerja cemerlang iaitu 24 staf akademik dan 5 staf pentadbiran di FSPU:

Bil	Nama	Jawatan yang Dinilai
1	Prof Madya Dr Mohammad Halmi Kamaruddin	Ketua Pusat Pengajian
2	Prof Madya Dr Jasmine Jaafar	Ketua Bahagian
3	Thukkiyah bt Misnan	Kerani
4	Prof Madya Wan Mohamed Yusoff Abdullah	Prof Madya (Kontrak)
5	Mohd Farid Baharudin	Kerani
6	Abdul Rauf Abdul Rasam	Pensyarah
7	Mohd Reza Isa	Pensyarah
8	Siti Aminah Abu	Kerani
9	Nur Medeena Mahamood	Pensyarah
10	Norfadilah Ishak	Pembantu Makmal
11	Sharuzaman Mohd Salleh	Pensyarah Kanan
12	Farrah Norizzah Mohd Yusoff	Pensyarah
13	Hailane Salam	Pensyarah
14	Mohamad Hanif Abdul Wahab	Pensyarah
15	Mazuiyah Mohd Dom	Pensyarah
16	Farrah Zuhaira Ismail	Pensyarah
17	Nor Azmi Ahmad Bari	Pensyarah Kanan
18	Aidatul Fadzlil Bakri	Pensyarah
19	Dr Robiah Abdul Rashid	Pensyarah Kanan
20	Nor Hamy Sulaiman	Juruteknik
21	Ishak Che Abdullah	Pensyarah

22	Siti Noorbaizura Bookhari	Pensyarah
23	Noralizawati Mohamed	Pensyarah
24	Masbiha Mat Isa	Pensyarah
25	Mohd Arif Marhani	Pakar Rujuk Kursus
26	Wan Zuriea Wan Ismail	Pensyarah
27	Prof Madya Dr Rohana Mahbub	Ketua Unit
28	Nurulhusna Qamaruzzaman	Pensyarah
29	Mohd Ridza Ahmad	Pensyarah Muda

Bagi staf yang hadir di seminar, kolokium atau bengkel sama ada dalam atau luar negara, sesi berkongsi ilmu dilaksanakan di pusat pengajian masing-masing dalam jangkasa sebulan selepas pulang dari seminar, kolokium atau bengkel terbabit.

Di samping itu, dalam usaha mengurangkan variasi dalam pelaksanaan proses kerja di FSPU beberapa kaedah digunapakai seperti Jadual 6.10:

Jadual 6.10: Kaedah mengurangkan variasi

CONTOH VARIASI:	KAEDAH MENGURANGKAN VARIASI:
Proses kerja secara keseluruhan	i. Melalui komunikasi berkesan. (Taklimat/penerangan, pembentangan kertas kerja, perbincangan kumpulan, memo/surat menyurat dan mesyuarat akademik). ii. Melalui arahan kerja dan pemantauan oleh Ketua Pusat Pengajian, Koordinator dan ketua unit.
Proses pengajaran dan pembelajaran serta penilaian pelajar	i. Perlaksanaan OBE ii. Ujian untuk setiap kursus



7.0 HASIL PENCAPAIAN

7.1 Hasil Pembelajaran Pelajar dan Proses

Bahagian ini mengemukakan hasil pembelajaran pelajar dengan menunjukkan keberkesanan program dan aktiviti Fakulti yang dijalankan untuk mencapai nilai kepuasan pelajar dan pihak berkepentingan. Keberkesanan pembelajaran pelajar boleh diukur melalui keputusan peperiksaan dan pengkelasan kepujian graduan yang telah tamat pengajian.

Berikut adalah pencapaian pelajar FSPU mengikut status yang diperolehi bagi 12 program Ijazah Sarjana Muda dan 9 program Pasca Siswazah.

a) Pencapaian Akademik Pelajar Ijazah Sarjana Muda


